

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Istilah sintaksis berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *sun* yang bererti “dengan” dan *tattein* yang bererti “menempatkan bersama-sama”. Oleh yang demikian, secara etimologi, sintaksis dapat diertikan sebagai “menempatkan kata-kata secara bersama-sama untuk menjadi kelompok kata atau ayat”. Kata *suntattein* ini kemudian menjadi istilah *syntax* dalam bahasa Belanda, dan *syntax* dalam bahasa Inggeris (Ahmad Khair Mohd Nor, 2003:2).

Nik Safiah Karim *et al.* (2010:339) mendefinisikan sintaksis sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Sintaksis bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat tetapi juga hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan bagi membentuk ayat dalam bahasa. Bidang sintaksis membincangkan unsur utama ayat yang terdiri daripada kata frasa, klausa dan aspek pembinaannya, serta pembahagian subjek dan predikat.

Dalam kajian ini, korpus yang akan digunakan ialah pantun Melayu. Pantun merupakan warisan orang Melayu sejak dari dahulu lagi. Keindahan kata dalam pantun memperlihatkan daya cipta pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu tradisional yang tinggi, asli dan bernilai seni. Pantun adalah milik bersama masyarakat kerana tidak diketahui penciptanya. Pantun dikatakan mula dicipta oleh orang Melayu untuk menyampaikan perasaan hati seperti perasaan sedih kerana duduk berdagang di perantauan, mengenangkan untung nasib yang malang dan bersuka ria. Selain itu, pantun juga bertujuan untuk membicarakan budi bahasa, kasih sayang masyarakat, adat istiadat, perkahwinan dan sebagainya.

Menurut Brandsetter (1955), perkataan 'pantun' berasal daripada akar kata *tun* yang terdapat juga dalam Bahasa Jawa Kuno, iaitu *tuntun*, dan dalam Bahasa Tagalog disebut *tonton* yang diucapkan dalam aturan yang tertentu. Dalam Bahasa Sunda, pantun bermaksud satu cerita panjang berirama yang dinyanyikan dengan irungan muzik. Dalam masyarakat Melayu pula, pantun bererti *kuantrain*, iaitu puisi yang tersusun dalam struktur empat baris serangkap. Ringkasnya, akar kata *tun* dalam bahasa Nusantara merujuk kepada sesuatu bentuk atau cara yang teratur dalam melahirkan sesuatu maksud atau fikiran (Amat Juhari Moain, 2008:2).

Dalam bab ini, akan dibincangkan pengenalan kepada bidang kajian, iaitu objektif kajian, permasalahan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, sorotan literatur, dan kepentingan kajian. Bab ini juga akan mengemukakan pandangan sarjana bahasa seperti Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), Nik Safiah Karim, dan Asmah Haji Omar mengenai konsep ayat tunggal dan ayat majmuk.

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) Mengenal pasti ayat majmuk yang terdapat dalam data, sama ada pada pembayang maksud atau maksud pantun.
- b) Membincangkan struktur binaan ayat majmuk dalam pantun.
- c) Menganalisis proses transformasi yang berlaku dalam binaan ayat majmuk.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini akan membincangkan aspek sintaksis bahasa Melayu dalam pantun Melayu dengan tumpuan kepada ayat majmuk. Perbincangan ini tertumpu kepada binaan ayat majmuk seperti yang terdapat di dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2010)*.

Kajian ini akan membincangkan proses-proses transformasi yang terlibat seperti pengguguran, peluasan, dan penyusunan semula dalam menerbitkan ayat majmuk menurut teori Transformasi Generatif (TG).

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian tentang aspek sintaksis dalam pantun Melayu tradisional kurang dilakukan oleh para pengkaji. Antara kajian yang dilakukan, kebanyakannya hanya melihat pantun dari aspek sastera dan budaya seperti unsur keindahan, rentak, irama, nilai, dan mesej.

Binaan ayat majmuk juga banyak terdapat dalam pantun walaupun kebanyakannya pendek dan kompleks. Keadaan ini menimbulkan masalah, iaitu pembaca atau pendengar tidak jelas tentang binaan ayat majmuk walaupun mereka faham maksud pantun yang dibaca atau diungkapkan. Binaan ayat majmuk yang kompleks ini perlu dianalisis dan diuraikan untuk menunjukkan proses transformasi yang berlaku.

Bentuk binaan pantun dikatakan kompleks kerana dalam rangkap pantun banyak perkataan digugurkan. Pengguguran perkataan berlaku kerana jumlah perkataan dalam pantun dan bentuk rima akhir terkawal atau dihadkan. Susunan ayat majmuk yang kompleks ini memerlukan satu kajian lengkap.

Kekurangan aspek tatabahasa dipaparkan dalam pantun. Dalam pantun, sering kali berlaku proses pengguguran imbuhan kata kerja, penanda kata hubung, dan pengguguran subjek ayat. Ini merupakan suatu kelaziman dalam pantun-pantun Melayu. Selain itu, terdapat juga penggunaan kata-kata singkatan yang dipengaruhi oleh bentuk pertuturan bahasa lisan. Bagaimanapun, ramai yang tidak menyedari bahawa pantun merupakan bahan terbaik dalam analisis ayat-ayat bahasa Melayu dan kurang kajian dijalankan.

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini akan meneliti jenis dan binaan sintaksis yang terdapat dalam pantun Melayu. Kajian ini dianggap berbeza kerana kebiasaanya, pantun Melayu hanya dilihat daripada aspek estetika seperti gaya bahasa, rentak serta irama yang dapat memberikan gambaran yang indah pada pantun. Kajian ini terbatas dalam binaan ayat majmuk yang melibatkan proses- proses transformasi, iaitu transformasi pengguguran, peluasan, dan penyusunan semula yang berlaku dari struktur dalaman kepada struktur permukaan.

Proses pengguguran merupakan satu proses transformasi yang berlaku pada struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat. Proses penyusunan semula ialah satu proses mengubah susunan bentuk perkataan dalam ayat asal dan diterbitkan satu struktur ayat gramatis yang baru. Proses peluasan pula ialah proses penerbitan ayat yang melibatkan penambahan unsur-unsur dalam ayat baru. Ketiga-tiga proses transformasi ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab kerangka teori.

Dalam kajian ini, proses transformasi yang digunakan untuk menganalisis pantun Melayu adalah berdasarkan teori Tatabahasa Transformasi Generatif yang dipelopori oleh Chomsky, kemudian telah diaplikasikan oleh Nik Safiah Karim *et al.* dalam *Tatabahasa Dewan (2010)*. Perbincangan ini hanya menjurus kepada bidang sintaksis sahaja dan bahagian semantik dan fonologi tidak akan dihuraikan kerana diluar lingkungan kajian ini.

1.5 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kajian kepustakaan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan kajian. Bahan-bahan rujukan diperoleh berdasarkan tesis, kertas-kertas kerja, artikel dari jurnal,

dan buku-buku yang diterbitkan dalam dan luar negara. Selain itu kaedah kepustakaan yang dilakukan ialah kaedah penyusunan data dan penganalisisan data.

1.5.1 Kaedah Penyusunan Data

Dalam penganalisaan data, pantun yang dipilih dikategorikan mengikut jenis ayat majmuk, sama ayat ada gabungan, pancangan, atau campuran. Setiap rangkap pantun yang dipilih mempunyai pembayang atau maksud pantun yang mungkin terdiri daripada ayat majmuk.

1.5.2 Kaedah Menganalisis Data

Kaedah menganalisis data tertumpu pada data yang telah dipilih sahaja. Kajian ini mengambil pendekatan penganalisisan sampel-sampel pantun yang sesuai yang telah mengalami proses transformasi daripada ayat intinya dengan menggunakan analisis Transformasi Generatif (TG). Data diambil daripada keseluruhan pantun yang mengandungi ayat majmuk. Kemudian, data-data akan dipilih untuk mewakili jenis ayat majmuk sama ada jenis gabungan, pancangan, atau campuran. Pengambilan data-data ini mencukupi untuk mewakili dan menggambarkan penggunaan ayat majmuk dalam pantun Melayu.

Analisis TG membincangkan dua peringkat struktur yang membina ayat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Kaedah mengenal pasti struktur dalaman ayat adalah dengan menganalisis ayat daripada struktur permukaan untuk menentukan ayat induknya atau ayat yang paling dasar. Kaedah ini dilakukan dengan mencerakinkan setiap konstituen ayat untuk menentukan binaanya. Analisis dibuat dengan menggunakan teknik rajah pohon (RP). Kaedah ini digunakan untuk menunjukkan hubungan secara terperinci antara konstituen-konstituen dalam sesuatu ayat. Seterusnya, huraiyan dilakukan untuk membuktikan dapatan kajian ini.

Kajian ini menggunakan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh Nik Safiah Karim *et al.* dalam *Tatabahasa Dewan* (2010). *Tatabahasa Dewan* digunakan sebagai bahan rujukan analisis kerana buku ini telah diterima umum dan menjadi pegangan dalam masyarakat pada hari ini, terutama dalam sistem pendidikan negara.

1.6 Bahan Kajian

Data-data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada buku *Pantun Melayu* terbitan Malaya Publishing House Limited Singapura yang dicetak pada tahun 1961. Buku ini suntingan oleh tokoh terkemuka, iaitu R.J Wilkinson dan R.O Winstedt. Bahan ini memuatkan kumpulan pantun-pantun empat kerat yang telah dikumpulkan oleh penyuntingnya di negeri-negeri Tanah Melayu, khususnya Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Buku ini ditulis dalam sistem ejaan Melayu lama. Jumlah halaman yang terdapat pada buku ini ialah 210 halaman dan jumlah pantun adalah sebanyak 1244 rangkap pantun. Setiap pantun terdiri daripada pembayang dan maksud. Pantun-pantun yang terdapat dalam buku ini terdiri daripada pelbagai tema seperti percintaan, kasih sayang, nasib diri, sifat diri, hasad dengki, cemburu, dan pantun budi. Buku ini dipilih kerana merupakan pantun Melayu terawal yang diterbitkan.

1.7 Kepentingan kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingan tertentu. Setakat ini, tidak banyak kajian yang khusus dibuat tentang bidang sintaksis, terutamanya ayat majmuk dalam puisi Melayu tradisional seperti pantun. Kebanyakan pengkaji hanya berfokus pada aspek-aspek lain seperti pemikiran, budaya dan falsafah yang terdapat dalam pantun Melayu. Kajian ini dilakukan untuk menambah kajian ilmiah mengenai aspek tatabahasa dalam pantun Melayu.

Selain itu, kajian ini dilakukan untuk menunjukkan proses transformasi yang berlaku dalam pantun. Proses transformasi seperti pengguguran, penyusunan semula, dan peluasan berlaku disebabkan sifat pantun yang mementingkan keindahan atau nilai estetika. Unsur keindahan yang terdapat dalam pantun telah mengetepikan hukum tatabahasa bahasa Melayu.

Proses transformasi yang paling banyak berlaku dalam pantun ialah proses pengguguran. Proses pengguguran berlaku kerana pengaruh bahasa lisan dalam pantun. Pantun pada awalnya disampaikan secara lisan. Setelah sistem penulisan diperkenalkan, pantun ditulis dalam bentuk teks untuk tatapan masyarakat. Oleh itu, kajian ini penting bagi memperlihatkan proses transformasi yang berlaku dalam pantun Melayu.

1.8 Sorotan Literatur

Kajian-kajian yang akan dilihat oleh pengkaji adalah berkaitan dengan tajuk perbincangan, iaitu Ayat Majmuk dalam Pantun Melayu. Kajian berkaitan ayat majmuk dalam pantun Melayu jarang dilakukan.

Kajian pantun dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kajian tatabahasa dalam pantun dan kajian bukan tatabahasa. Kajian pantun berdasarkan aspek tatabahasa memperlihatkan ahli-ahli bahasa yang mengkaji pantun berdasarkan aspek ayat dan kata. Kajian bukan tatabahasa dalam pantun Melayu dilihat dari sudut estetika, fungsi dan perananya dalam bidang budaya, falsafah dan kesusastraan.

Tokoh-tokoh budaya dan sastera seperti Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), R.O Winstedt, R.J Wilkinson, Harun Mat Piah, dan Mohd. Taib Osman antara mereka yang memberi perhatian kepada pengumpulan dan pengkajian pantun Melayu dalam bidang

sastera dan budaya. Sehingga kini, pantun terus menjadi bahan kajian untuk melihat struktur, nilai estetika dan menilai mesej yang terkandung dalam setiap rangkap pantun tersebut.

Keindahan dan keunikan pantun bukan sahaja menjadi kebanggaan dan warisan masyarakat Melayu, malah pantun turut dihargai dan menarik perhatian masyarakat dunia. Keunikan pantun dapat digambarkan dengan penggunaan bahasa yang halus dan indah dalam pembayang dan maksud pantun. Keindahan pantun ini telah menarik minat dan perhatian para sarjana Barat seperti R.J. Wilkinson (1961), R.O. Winstedt (1961), dan Francois Rene Daillie (2002). Pengkaji-pengkaji Inggeris meneliti bidang pantun Melayu dalam aspek asal-usul dan pembentukan pantun.

R.J. Wilkinson dan R.O.Winstedt (1961) menyatakan bahawa untuk memahami perasaan orang Melayu, seharusnya difahami pantunnya. Mereka berpendapat, bahawa seseorang itu berjaya memahami dan menyelami pengetahuan, perasaan, bahasa dan aliran fikiran orang Melayu sendiri ialah melalui pantun-pantunnya. Winstedt dan Wilkinson banyak memberi tumpuan kepada pembentukan dan pengembangan pantun. Mereka berpendapat pantun Melayu merupakan satu kebiasaan masyarakat Melayu yang dikongsi bersama masyarakat Nusantara yang gemar menggunakan kata-kata bersajak untuk saranan kepada bunyi-bunyi yang berhubungan makna. Dalam kajian ini mereka, berpendapat bahawa pembayang maksud mengandungi suatu fikiran yang indah, dalam dan bertaraf seni. Malahan, pantun mengandungi dua bentuk, iaitu *metaphor* dan bayangan bunyi.

Omarudin Haji Asha'ri dalam bukunya *Kajian Pantun Melayu* (1961), membincangkan pelbagai aspek pantun seperti jenis pantun, sifat-sifat pantun, cara-cara mengarang pantun yang baik dan kedudukan pantun dalam masyarakat Melayu. Menurut Omarudin Haji Asha'ri pantun telah lama digunakan dalam masyarakat

Melayu. Kewujudan pantun Melayu wujud sebelum masyarakat Melayu tahu membaca dan menulis dan digunakan untuk melahirkan perasaan sedih, kecewa, rindu, dan kasih sayang.

Menurut Omaruddin, pantun Melayu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama pembayang maksud atau pembawa rangkap dan bahagian kedua ialah makna atau maksud yang sebenarnya. Lazimnya, pantun terdiri daripada empat kerat, dua kerat pertama ialah pembayang dan dua kerat akhir merupakan makna. Pada pembayang maksud biasanya aspek tumbuh-tumbuhan dan alam digunakan. Menurut beliau, manusia mempunyai kebolehan semula jadi bagi menggambarkan alam dan kejadian yang berlaku dalam persekitaran. Bahagian kedua, rangkap maksud pantun lazimnya penuh dengan sindiran dan makna untuk manusia sebagai peringatan.

Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1965) juga telah menjalankan kajian tentang pantun. Beliau telah membincangkan binaan sesebuah pantun, jenis-jenis pantun yang baik, dan perkaitan pembayang maksud dengan maksud pantun. Dalam kajian ini, Za'ba menekankan pantun sebagai wadah bagi orang Melayu dalam menggambarkan pemikiran, falsafah, sikap, dan perasaan mereka. Ini mencakupi perasaan hiba, suka, duka, sindiran, kasih sayang dan sebagainya.

Hasil kajian mendapati pantun sebagai nama karangan berangkap yang terbahagi kepada dua, pertama ialah membayangkan maksud dengan isyarat bunyi dan yang kedua ialah mengandungi maksud serta berjodoh bunyinya dengan bahagian pertama tadi. Za'ba juga mengatakan bahawa bahagian yang pertama, iaitu pembayang maksud boleh diumpamakan sebagai kulit pantun dan bertujuan agar orang akan mendengar isi sebenar pantun yang hendak disampaikan itu. Bahagian kedua ialah isi yang sebenar yang hendak disampaikan oleh pemantun.

Harun Mat Piah (1989) membincangkan pantun sebagai puisi Melayu tradisional dari segi genre dan fungsi. Kajian beliau melihat pantun sebagai satu genre kesusasteraan Melayu lama. Dalam kajian ini, beliau membahagikan pantun berdasarkan aspek dalaman dan aspek luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetik dan isi, iaitu tema dan persoalan. Unsur estetik berdasarkan penggunaan lambang-lambang tertentu dan hubungan makna antara pembayang dengan maksud sama ada secara konkrit atau abstrak. Menurut beliau, aspek isi, iaitu tema dan persoalan, biasanya menyentuh hampir seluruh kehidupan masyarakat Melayu. Aspek luaran atau struktur visualnya pula dapat dilihat berdasarkan bilangan baris dalam serangkap, jumlah perkataan dalam sebaris, rima akhir dan sebagainya.

Rene Daillie (2002:6) menyimpulkan bahawa pantun Melayu itu suatu intisari kehidupan dan alam yang diibaratkan sebagai sebutiran pasir. Menurut beliau, dalam pantun tersirat segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah tentang tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai, laut, hutan, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan, dan pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, beliau menyatakan masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang akrab dengan alam sekeliling dan memiliki ikatan yang harmoni dengan alam. Hal ini diperkuahkan lagi dengan tulisan beliau, iaitu:

“This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the element of the Malay man’s life: his land, his house, his garden, his paddy field, the river, the sea or the forest.”

Hasil kajian mendapati pantun digunakan untuk menyatakan adat resam, kebijaksanaan, pelbagai bentuk kepercayaan dan perasaan, cinta kepada jejaka idaman, wanita dan Tuhan. Walau bagaimanapun, pantun bukanlah hak milik mutlak bangsa Melayu sahaja tetapi dikongsi bersama oleh hampir setiap etnik di alam Melayu ini.

Mohd Taib Osman (1996) dalam artikelnya “Pantun Sebagai Pencerminan Minda Melayu” menghuraikan mengenai pantun sebagai satu artifak *non-material* yang digunakan dalam masyarakat. Dalam makalah ini, beliau membincangkan pantun sebagai satu wadah yang mempunyai fungsi penting dalam kehidupan orang Melayu dan penciptaannya memerlukan satu proses pemikiran yang kreatif.

Mohd Taib Osman melihat pantun sebagai artifak budaya yang menggunakan bahasa atau kata-kata yang memenuhi fungsi tertentu dalam kehidupan berbudaya, terutamanya untuk berkomunikasi dalam konteks tertentu. Menurut beliau, pantun digunakan oleh anggota masyarakat dalam melahirkan pemikiran, falsafah, memberikan nasihat, menyatakan perasaan, dan menyerikan majlis dalam upacara peminangan atau merisik. Melalui maksud pantun yang diungkapkan, dapat digambarkan pantun sebagai mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu.

Beliau juga turut membincangkan penciptaan pantun dalam masyarakat dapat menggambarkan interaksi antara minda manusia dengan perasaan, dan interaksi antara minda manusia dengan alam semesta ciptaan Tuhan. Interaksi minda dengan alam semesta dapat digambarkan melalui penciptaan pembayang dan maksud pantun, yang dominan menggunakan unsur alam semesta seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, nama negeri dan tempat. Interaksi ini boleh digambarkan melalui imaginasi dan pengalaman manusia, dan sejarah sesuatu bangsa.

Hasil kajian beliau mendapati interaksi antara minda dengan perasaan manusia lebih menarik kerana memperlihatkan kesenian pantun. Dalam hal ini, perasaan manusia seperti merajuk, marah, kecewa, dendam, dan kasih sayang dapat dilahirkan melalui bahasa yang paling halus. Dalam kajian ini, pantun dilihat sebagai artifak budaya bagi anggota masyarakat berkomunikasi untuk melahirkan pemikiran dan mengutarakan perasaan. Proses penghasilan pantun merupakan satu pemikiran kreatif hasil tindak

balas manusia dengan alam sekitar dan Tuhan. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa pantun mencerminkan minda masyarakat Melayu.

Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (1996) membincangkan persoalan atas orientasi nilai Melayu dalam pantun sebagai wadah untuk menyampaikan nilai, akal budi dan pandangan dunia Melayu. Dalam penulisan mereka, eleman budi sangat ditekankan untuk menggambarkan nilai masyarakat. Budi dianggap dapat menghubungkan setiap anggota masyarakat, bangsa dan negara dalam kehidupan *social relation* dan *interaction*. Kajian ini turut membincangkan dua jenis budi, iaitu budi bahasa dan budi pekerti. Budi bahasa ialah aspek peribadi seseorang individu yang dinilai tinggi oleh masyarakat yang dapat dilihat di dalam pertuturan dan pemilihan kata-kata yang digunakan. Kajian ini menjelaskan bahawa seseorang itu dianggap berbudi bahasa apabila menggunakan ganti nama yang sesuai dan menggunakan bahasa yang baik apabila berbicara dengan seseorang.

Budi pekerti pula ialah perlakuan atau tingkah laku seseorang, yang dinilai dari sudut baik dan buruk. Lazimnya, perlakuan yang baik dan sopan ini dapat diperlihatkan dengan memberi salam dan menghormati orang yang lebih tua. Misalnya, dalam masyarakat Melayu untuk mencari dan memilih menantu, aspek budi pekerti sangat ditekankan.

Makalah ini juga membincangkan pemikiran yang dianggap sebagai *dichotomous* dalam memilih antara budi dengan emas dan perak. Masyarakat Melayu melihat emas dan perak sebagai salah satu *index materialism*, dan budi sebagai *index non-materialism*. Menurut mereka, apabila manusia mula memikirkan harta, nilai budi tidak lagi ditempatkan di tahap tertinggi di dalam hierarki nilai orang Melayu bahkan dianggap tidak penting. Nilai dan status seseorang kini dinilai dari segi pangkat dan harta. Mereka menganggap bahawa sekiranya manusia tidak berbudi dalam kehidupan, merupakan satu penghinaan kepada diri sendiri, keturunan, dan keluarga.

Wan Abdul Kadir dan Ku Zam Zam Ku Idris (1996) pula membincangkan penciptaan atau proses kreativiti masyarakat Melayu dalam pantun Melayu. Penciptaan pantun Melayu dapat melambangkan pemikiran, nilai, *world-view* dan proses kreativiti masyarakat Melayu. Dalam kajian ini, mereka melihat pantun sebagai warisan tradisi lisan yang disampaikan dengan cara yang indah dan menarik, melalui pemilihan kata-kata atau penyampaiannya dengan irama yang bersesuaian. Keindahan yang terdapat pada pantun Melayu membolehkan populariti pantun dipertahankan sehingga kini.

Hasil kajian memperlihatkan proses kreativiti pantun sebagai tradisi budaya Melayu menerapkan elemen nilai sosial dan *world-view* anggota masyarakat. Menurut mereka, kerana pantun digunakan oleh masyarakat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sindiran, melahirkan perasaan, dan hiburan. Dari aspek penyampaian, pantun disampaikan dengan susunan intonasi yang bersesuaian dan lemah lembut kerana masyarakat Melayu sangat menekankan kesopanan dan tatasusila dalam perlakuan mereka.

Dalam kajian ini, mereka berpendapat bahawa proses kreativiti pantun dipengaruhi oleh pemikiran dan pengalaman hidup anggota masyarakat dalam kehidupan mereka dengan alam sekitar. Keindahan alam sekitar dapat memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat untuk melahirkan idea dalam penciptaan pantun. Melalui pantun mereka dapat menyampaikan perasaan dan pemikiran secara berkesan kepada orang lain.

Menurut mereka, pantun dapat mencerminkan kreativiti masyarakat dalam melahirkan keindahan bahasa. Keindahan dan kehalusan ini terpancar melalui kata-kata yang puitis dan berkias, dan mempunyai maksud tersirat. Masyarakat dapat melahirkan perasaan cinta, kasih sayang, sedih, dan kecewa melalui penggunaan bahasa yang indah. Tegas mereka lagi, perasaan seperti ini tidak dapat diluahkan secara terang-terangan dan dalam penggunaan bahasa harian.

Rumusanya, menurut Wan Abdul Kadir dan Ku Zam Zam Ku Idris, pantun jelas dilihat sebagai tradisi lisan hasil penciptaan kreativiti masyarakat Melayu sejak lama dahulu. Ini disebabkan, struktur pantun yang terdiri daripada susunan perkataan mengikut suku kata dan rima serta disampaikan dalam intonasi yang menarik jelas mengambarkan kebolehan masyarakat dalam menggunakan bahasa yang halus dan indah.

Kajian tentang aspek sintaksis dalam pantun Melayu masih kurang dilakukan. Antara tokoh yang giat dalam melihat pantun Melayu dari aspek sintaksis ialah Nik Safiah Karim dan Ab Razak Ab Karim.

Nik Safiah Karim merupakan salah seorang tokoh yang mengkaji pantun dari aspek sintaksis. Penulisan beliau bertajuk “Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat” (1996), mengkaji pantun dari sudut struktur ayat. Beliau telah memperlihatkan keunikan pantun Melayu dari segi susunan, pilihan struktur dan binaan ayat mengikut peraturan tatabahasa bahasa Melayu. Beliau membincangkan aspek ayat dalam pantun seperti binaan dan pola ayat, susunan ayat songsang, ayat majmuk, ayat yang tidak lengkap serta jenis-jenis ayat.

Dalam pantun Melayu, terdapat beberapa jenis pola ayat dasar yang boleh dibahagikan kepada empat jenis. Pembahagian ini berpandu pada jenis-jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat, iaitu subjek dan predikat. Konstituen subjuk pada umumnya diisi oleh frasa nama, sementara unsur predikat diisi oleh empat jenis unsur yang berbeza, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

Selain itu, susunan ayat songsang juga terdapat dalam pantun Melayu. Susunan ayat songsang adalah terbalik daripada kedudukan susunan ayat biasa, iaitu binaan peredikat mendahului binaan subjek. Binaan ayat majmuk juga terdapat dalam pantun Melayu. Ayat majmuk yang paling dominan dalam pantun Melayu ialah ayat majmuk keterangan.

Dalam konteks ayat yang tidak lengkap, pantun Melayu ditentukan oleh rentak, irama dan kadang-kala beberapa perkataan perlu digugurkan untuk mempertahankan keindahannya. Pengguguran perkataan-perkataan ini sebenarnya melanggar hukum tatabahasa, walaupun maksudnya difahami.

Kesimpulannya, makalah ini melihat pantun sebagai sesuatu karya yang unik dan dapat dikaji dari pelbagai sudut. Pantun Melayu bukan sahaja dapat dilihat dari aspek keindahan tetapi dari aspek tatabahasa bahasa Melayu dari segi susunan dan binaan ayat. Pantun Melayu dilihat dapat mengeksplorasi segala kemungkinan binaan ayat Melayu untuk menyampaikan maksud dengan seindahnya.

Nik Safiah Karim (1998) dalam “Keindahan Pantun Dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu” melihat keindahan pantun Melayu dari aspek bentuk, binaan dan keindahan pantun. Kebiasaanya, pantun Melayu dilihat dari aspek keindahan, iaitu rentak dan irama, mesej yang hendak disampaikan dan hubungan antara pembayang maksud dengan maksudnya.

Dalam makalah ini, beliau menggunakan satu pendekatan lain dalam melihat unsur keindahan pantun Melayu, iaitu dari struktur ayat atau bidang sintaksis. Beliau menekankan bahawa aspek sintaksis juga turut berperanan dalam menimbulkan unsur keindahan pantun Melayu. Aspek sintaksis memperlihatkan jenis ayat yang digunakan, binaan dan pola ayat, susunan konstituen ayat dan kelesenan berpuisi.

Jenis-jenis ayat dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan. Ayat penyata ialah ayat yang paling kerap digunakan dalam perhubungan seharian dan binaan pantun. Ayat penyata bertujuan untuk membuat kenyataan-kenyataan tertentu sama ada tentang unsur-unsur alam di dalam kehidupan masyarakat Melayu (dalam pembayang makud) atau mengenai hakikat tertentu berbentuk ajaran atau kebenaran. Ayat tanya ialah ayat yang digunakan

bertujuan untuk menanyakan sesuatu hal. Lazimnya ayat tanya memerlukan jawapan tertentu tetapi kadang-kala digunakan hanya untuk menegaskan sesuatu maksud. Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa jenis ayat perintah seperti ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan, dan ayat permintaan. Ayat suruhan ialah ayat yang bertujuan memberi perintah atau arahan. Ayat larangan pula bertujuan menegah seseorang melakukan sesuatu, dan dikenali dengan penggunaan kata larangan seperti *jangan* dan *usah*. Ayat silaan dan ayat permintaan juga dikenali dengan penggunaan perkataan-perkataan tertentu, iaitu *sila* dan *jemput* bagi ayat *silaan* dan *minta* serta *tolong* bagi ayat permintaan.

Dalam pantun-pantun Melayu, dua jenis ayat perintah yang digunakan dengan kerap ialah ayat suruhan dan ayat larangan. Ayat larangan kerap digunakan, terutama penggunaan kata larangan *jangan*. Ayat larangan pada pantun ini mewujudkan unsur rentak melalui pengulangan yang menghasilkan keindahan pada pantun. Hubungan sebab dan akibat antara ayat larangan dengan ayat yang mengikutinya dalam maksud dan pembayang maksud, menimbulkan unsur keindahan.

Dalam bahasa Melayu ayat mempunyai dua susunan utama, iaitu susunan biasa, iaitu subjeknya mendahului predikat dan susunan songsang, iaitu predikatnya sama ada seluruh atau sebahagianya mendahului subjek. Tujuan menyongsangkan ayat adalah untuk memberi tekanan. Dalam bahasa Melayu, bahagian ayat yang dikedepankan ialah bahagian yang diutamakan atau diberi penekanan. Dalam pantun, ayat songsang banyak digunakan untuk mewujudkan unsur keindahan.

Dalam karya-karya kreatif, kelonggaran diberikan dari segi hukum-hukum bahasa demi mempertahankan keindahan. Menurut Nik Safiah Karim, dalam meneliti

penciptaan pantun, terdapat beberapa contoh binaan ayat yang melanggar peraturan tatabahasa bahasa Melayu, tetapi boleh dimaafkan atas dasar kepentingan nilai estetik.

Unsur keindahan juga dikenali sebagai unsur kelesenan berpuisi. Lazimnya, keindahan sesebuah pantun dihasilkan melalui beberapa faktor. Pertama ialah isi atau mesej yang hendak disampaikan. Kedua, unsur rentak dan irama yang dicapai melalui jumlah suku kata, pilihan bunyi, unsur pengulangan, dan sebagainya.

Selain itu juga, hubungan yang wujud antara pembayang maksud dengan maksud pantun juga perlu diberi penekanan. Nik Safiah Karim mengutarakan satu lagi faktor, iaitu sintaksis bahasa Melayu yang memperlihatkan jenis ayat, binaan dan pola ayat, susunan ayat serta aspek-aspek pelanggaran hukum tatabahasa.

Kesimpulannya, keindahan sesebuah bukan sahaja semata-mata dilihat dari aspek keindahan. Nik safiah mencadangkan satu lagi unsur, iaitu aspek sintaksis yang perlu dilihat dalam pantun Melayu seperti jenis ayat, binaan ayat, susunan ayat, dan aspek-aspek perlanggaran hukum tatabahasa.

Ab. Razak Ab Karim (1996) “Pantun Melayu Lama: Analisis Penggunaan Kata dan Ayat” membincangkan aspek bahasa, kata dan ayat yang membina sesebuah pantun. Dalam aspek kata, beliau menekankan penggunaan kata yang seringkali mengalami pengguguran imbuhan atau unsur-unsur tertentu yang menyebabkan kata-kata tanpa imbuhan banyak digunakan dalam pantun, terutama kata kerja.

Selain itu, terdapat juga penggunaan kata-kata singkatan dan kata-kata arkaik. Kata-kata singkatan yang digunakan agak banyak dan penggunaanya dipengaruhi oleh bentuk pertuturan atau bahasa lisan. Keadaan ini disebabkan pengaruh suku kata yang amat penting dalam pantun Melayu. Antara singkatan yang seringkali digunakan ialah *tak* yang berasa dari perkataan *tidak*, *nak* daripada kata *hendak*, *kan* daripada kata *akan* dan pelbagai lagi.

Kata arkaik juga terdapat dalam pantun Melayu koleksi Wilkinson dan Winstedt, khususnya dalam bahan yang dikaji. Kata-kata ini merangkumi kata kerja dan kata nama yang kebanyakannya digunakan oleh masyarakat pada zaman Melayu tradisi. Terdapat juga penggunaan kata kerja dan kata sendi tetapi bilanganya hanya sedikit. Sebagai contoh, kata kerja arkaik seperti *bercemat* untuk *membanting padi* dan *bertatam* untuk *berderetan*. Kata nama arkaik seperti *sigai* untuk *tangga*, *kekekati* untuk *kacip* dan *pedena* untuk *tempayan besar*.

Aspek ayat yang dibincangkan ialah ayat tanya, ayat tunggal, dan ayat majmuk. Beliau juga turut membincangkan proses pembentukan ayat-ayat tersebut dalam struktur permukaan mengikut Tatabahasa Transformasi Generatif yang mengemukakan proses pengguguran, penyusunan semula dan peluasan sebagai proses transformasi dalam ayat. Ayat tanya dalam pantun digunakan dalam keadaan yang berbeza-beza berdasarkan tujuan sesebuah pantun sama ada pada bahagian pembayang atau maksud pantun.

Penggunaan ayat tunggal dalam pantun Melayu kebanyakannya menggunakan bentuk biasa atau bentuk yang telah mengalami proses transformasi sama ada melalui proses pengguguran atau penyusunan semula ayat. Binaan ayat majmuk dalam pantun Melayu sangat kompleks dan banyak berlaku proses transformasi. Seperti ayat tunggal, ayat majmuk juga mengalami proses pengguguran dan penyusunan semula. Ayat majmuk dapat dibahagikan kepada ayat majmuk gabungan, pancangan dan campuran.

Ab. Razak Ab Karim (2011) “Pantun Melayu Lama: Sumber Terbaik Pengajaran Sintaksis Bahasa Melayu” membincangkan pelbagai bentuk ayat yang digunakan dalam pantun Melayu. Kepelbagaiannya bentuk dan binaan ayat yang digunakan dalam pantun mengambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Kebijaksanaan ini jelas dilihat dalam menyusun ayat-ayat yang panjang tetapi dalam bentuk yang ringkas dan dapat difahami oleh pembaca. Aspek ayat yang akan disentuh ialah ayat tanya, ayat tunggal,

ayat majmuk dan proses pembentukan ayat seperti proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses peluasan.

Dalam makalah ini, beliau telah membahagikan ayat kepada beberapa jenis seperti ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah, ayat silaan, ayat larangan dan sebagainya. Ayat tunggal dan ayat majmuk paling dominan digunakan dalam pantun Melayu dan ayat majmuk yang dihasilkan mengalami pelbagai proses transformasi dalam pembentukannya.

Menurut beliau, dalam pantun Melayu ayat tanya banyak digunakan dan berbeza-beza berdasarkan tujuan penggunaan sesebuah pantun itu. Ayat tanya kerap digunakan dalam bahagian pembayang maksud, iaitu dalam baris pertama atau dalam maksud pantun pada baris ketiga. Sekiranya ayat pertama merupakan ayat tanya, ayat kedua merupakan jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan itu. Kata tanya yang kerap digunakan seperti *dari mana, apa, bagaimana, siapa* dan *mana*.

Dalam kajian ini juga beliau membincangkan penggunaan ayat tunggal dalam binaan pantun sama ada binaan biasa atau binaan songsang, dan ayat tunggal yang mengalami transformasi. Proses transformasi yang kerap berlaku dalam kebanyakan pantun Melayu ialah proses penyusunan semula dan proses pengguguran. Kajian ini memperlihatkan binaan ayat tunggal dalam pantun yang melanggar hukum tatabahasa dan dianggap boleh dilakukan kerana pantun merupakan sastera lisan. Menurut Ab. Razak Ab. Karim, dalam bahasa lisan pelbagai binaan ayat boleh dilakukan dan yang diberikan penekanan ialah mesej berjaya disampaikan kepada pendengar.

Dalam pantun Melayu kewujudan ayat-ayat majmuk amat kompleks dengan pelbagai jenis dan pelbagai proses transformasi dapat dilihat dengan jelas. Proses transformasi yang paling ketara ialah pengguguran dan penyusunan semula. Menurut Ab. Razak Ab. Karim, kewujudan pelbagai ayat menunjukkan bahawa idea yang hendak

disampaikan begitu padat tetapi masih dapat difahami oleh pendengar. Ini disebabkan pemilihan kata dalam pantun adalah selektif dengan pelbagai keindahan yang hendak diperlihatkan kepada pendengar.

Kajian ini membincangkan binaan ayat majmuk gabungan dalam pantun yang tidak ditandai dengan kata hubung kerana kata hubung telah mengalami peleburan. Dalam pantun amat jarang ditemui kata hubung kerana pembaca sedia maklum bahawa tanpa kata hubung maksud pantun telah sedia difahami oleh pembaca. Selain itu, subjek ayat dalam rangkap pantun juga mengalami pengguguran. Ini merupakan perkara yang lazim dalam pantun-pantun Melayu kerana subjek ayat jarang diperlihatkan tetutama subjek manusia. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh digantikan dengan kata nama seperti *saya*, *aku*, *kami* dan sebagainya.

Beliau juga membincangkan ayat majmuk pancangan dalam makalah beliau. Menurut beliau, ayat majmuk pancangan terbahagi kepada tiga, iaitu pancangan komplemen, pancangan relatif, dan pancangan keterangan. Dalam pantun Melayu ayat majmuk komplemen dan ayat keterangan seringkali digunakan. Penggunaan ayat ini adalah gabungan baris pertama dengan baris kedua dalam pantun atau baris ketiga dengan baris keempat pantun. Kata hubung *untuk* digunakan dalam proses komplementasi. Ayat majmuk pancangan keterangan yang banyak digunakan dalam pantun ialah ayat majmuk keterangan syarat. Ayat majmuk ini ditandai dengan penggunaan kata *kalau*.

Dalam makalah ini turut dibincangkan penggunaan ayat majmuk campuran dalam pantun. Kewujudan ayat ini dapat dilihat apabila baris pertama dan kedua atau baris ketiga atau baris keempat bergabung tetapi kedua-dua ayat tersebut mestilah setara atau mempunyai subjek yang sama. Misalnya, ayat pertama dan kedua bergabung

sebagai ayat majmuk komplemen manakala ayat ketiga dan ayat keempat bergabung sebagai ayat majmuk gabungan.

Rumusanya berdasarkan kajian-kajian lalu, kajian yang menyentuh binaan ayat majmuk secara total belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk tujuan tersebut.

BAB 2

KERANGKA TEORI

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan teori yang menjadi dasar analisis kajian ini, iaitu teori transformasi generatif, dan ulasan kerelevan penggunaan teori ini dalam kajian yang dilakukan. Kajian ini menekankan aspek sintaksis, terutama rumus struktur frasa dan rumus transformasi. Dalam proses transformasi ayat, proses-proses pengguguran, penyusunan semula, dan peluasan akan dibincangkan.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah aspek asas Teori Tranformasi Generatif (TG) yang dipelopori oleh Noam Chomsky. Aliran TG yang dikemukakan oleh Chomsky ini diperkenalkan melalui penerbitan sebuah buku yang bertajuk *Syntactic Structures* (1957). Kemudian, teori TG ini diperbaik oleh Chomsky melalui bukunya, *Aspects of the Theory of Syntax* (1965). Dalam *Aspects of the Theory of Syntax*, banyak perubahan yang berlaku, tetapi pada dasarnya perubahan-perubahan ini adalah “semata-mata peluasan terhadap beberapa aspek yang oleh sebab tertentu disalahertikan oleh pembaca-pembacanya (Nik Safiah Karim, 1988:10). Dalam *Aspect of the Theory of Syntax* (dari sekarang Aspects), Chomsky menggunakan kembali buah fikirannya yang terdapat dalam *Syntactic Structures* dan menggunakan istilah-istilah baharu untuk tujuan penjelasan. Walau bagaimanapun, teori asas yang digunakan kekal.

Teori Standard 1957 membincangkan aspek rumus struktur frasa dan rumus transformasi dan rumus morfofonnemik. Terdapat penambahbaikan yang berlaku pada teori versi 1965, iaitu terdapat perbincangan tentang komponen sintaksis, semantik dan fonologi. Perbezaan antara teori pertama (1957) dan teori kedua (1965) ialah pada bahagian semantik. Dalam kajian ini, teori yang akan digunakan ialah teori

Transformasi Generatif Standard sebagaimana yang telah diaplikasikan dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2010)*.

2.1 Teori Transformasi Generatif

Transformasi Generatif (TG) merupakan satu bidang analisis bahasa yang dikaitkan dengan proses kognitif. Proses ini menghubungkan realiti mental dengan pelahiran bahasa yang kreatif serta bersifat semula jadi. Chomsky telah mengemukakan dua konsep penting, iaitu kecekapan bahasa (*language competence*) dan perlakuan bahasa (*language performance*). Kecekapan bahasa yang terhasil daripada proses kognitif ini memungkinkan kita menerbitkan (*to generate*) dan memahami ayat-ayat yang tidak terhad jumlahnya. Kebolehan menerbitkan dan memahami ayat-ayat ini disebut oleh Chomsky sebagai perlakuan bahasa (*language performance*). Namun demikian, kedua-dua bidang ini, kecekapan bahasa dan perlakuan bahasa berkembang dalam hala tuju yang berbeza (Nik Safiah Karim, 1988:10).

Teori TG telah berkembang dan mendapat perhatian dalam kalangan ramai sarjana bahasa. Teori ini bermula dengan Chomsky yang menghuraikan teori standard seperti yang terdapat dalam *Syntactic Structures (1957)* dan penambahbaikannya dalam *Aspects of the Theory of Syntax*. Teori ini kemudiannya, berkembang kepada *Extended Standard Theory (EST)* atau *Teori Standard Tambahan (1970)*, dan juga perubahan-perubahan yang terkini melalui pendekatan program *Minimalis (1992)*.

Kajian ini akan menggunakan teori TG sebagai satu cara untuk menganalisis transformasi ayat dalam pantun Melayu untuk memperlihatkan pelbagai corak pola penerbitan ayat dalam bahasa Melayu melalui spesifikasi rumus-rumus TG.

Dalam aliran tatabahasa generatif (TG), aspek yang diberi tumpuan ialah bidang sintaksis, dengan bahagian-bahagian fonologi dan semantik, iaitu makna sebagai komponen sampingan. Dasar utama teori ini ialah anggapan bahawa setiap ayat yang dihasilkan sebenarnya mengandungi dua peringkat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan.

Struktur dalaman, ialah struktur yang mengandungi ayat dasar atau ayat inti yang diperlukan untuk memberikan semantik ayat, yang biasanya mengandungi bentuk dasar yang diperluas untuk asas makna ayat (Nik Safiah Karim *et al.* 2010:533). Dalam proses ini, ayat-ayat pada peringkat struktur dalaman diterbitkan daripada rumus struktur frasa. Peringkat struktur permukaan ialah struktur ayat yang biasanya telah mengalami perubahan daripada struktur dalaman. Struktur ini merupakan bentuk ayat yang sebenarnya dituturkan oleh seseorang penutur dan direalisasikan sebutannya oleh bahagian bunyi bahasa, iaitu komponen fonologi.

Apabila terdapat suatu ayat daripada jenis struktur permukaan yang berasal daripada dua struktur dalaman atau lebih, maka akan wujud ketaksaan ayat. Apabila terdapat dua jenis ayat permukaan yang berasal daripada hanya satu struktur dalaman, maka akan berlaku pula ayat-ayat yang bersifat parafrasa (*Ibid*, 2010:533). Struktur dalaman bertanggungjawab kepada *interpretasi makna*, dan struktur permukaan pula diterbitkan daripada struktur dalaman melalui transformasi-transformasi tertentu.

Mengikut hukum TG, struktur dalaman dan struktur permukaan diterbitkan oleh dua jenis hukum atau rumus tatabahasa. Rumus-rumus tersebut *ialah Rumus Struktur Frasa (RSF)* dan *Rumus Transformasi*. RSF membentuk ayat pada struktur dalaman, manakala Rumus Transformasi pula akan menukar pola atau struktur ayat-ayat hingga membawa kepada peringkat permukaan. Teori ini mengandaikan bahawa kedua-dua jenis rumus tatabahasa ini menjadi sebahagian daripada unsur kecekapan berbahasa

seseorang individu. Ayat-ayat yang terhasil daripada kedua-dua bentuk tersebut biasanya tidak mempunyai persamaan. Ayat yang terhasil daripada struktur dalaman akan menjadi input kepada pembentukan ayat pada peringkat permukaan.

Ayat-ayat yang terhasil daripada bentuk tersebut biasanya tidak mempunyai persamaan. Ayat yang terhasil daripada struktur dalaman akan menjadi input kepada pembentukan ayat pada peringkat permukaan. Penerbitan sesuatu ayat sebagai struktur permukaan berpunca daripada suatu ayat yang lain, kecuali ayat itu memang ayat dasar. Ayat yang bersifat demikian wujud pada peringkat struktur dalaman atau struktur dasar, dan wujud dalam bentuk yang serupa pada peringkat struktur permukaan.

2.1.1 Teori Standard 1957

Dalam model *Syntactic Structures* nahu terdiri daripada 3 set rumus dan aplikasinya dijalankan secara berurutan untuk menerbitkan ayat dalam sesuatu bahasa.

Rumus-rumus tersebut ialah:

- i. rumus struktur frasa
- ii. rumus transformasi
- iii. rumus morfonemik


Teori Standard 1957 membincangkan aspek sintaksis, iaitu rumus struktur frasa dan rumus transformasi dan rumus morfonemik. Rumus struktur frasa menggambarkan perhubungan antara bahagian-bahagian dalam ayat dan dilambangkan melalui rajah pohon (*tree structure*).

Rumus transformasi ialah rumus yang diaplikasi ke atas rentetan lambang hasil daripada struktur frasa untuk menghasilkan bentuk-bentuk permukaan. Pada peringkat ini Chomsky mengemukakan dua jenis transformasi, trasformasi wajib (*obligatory*) dan transformasi pilihan (*optional*). Sekiranya hanya transformasi wajib sahaja diaplikasi

ayat yang terhasil ialah ayat selapis, iaitu ayat inti. Jika kedua-dua jenis transformasi diaplikasi, ayat-ayat yang dihasilkan terdiri daripada dua jenis, iaitu ayat selapis dan ayat kompleks. Menurut Chomsky transformasi pilihan boleh terdiri daripada transformasi *singulary*, yang diaplikasi ke atas satu ayat, atau transformasi *generalized* iaitu diaplikasi ke atas dua ayat atau lebih (Nik Safiah Karim, 1988:12).

Rumus morfonemik ialah rumus yang menukar struktur yang dihasilkan oleh rumus transformasi ke dalam bentuk yang benar-benar diujarkan dalam ayat oleh penutur.

Model analisis ini dapat digambarkan seperti yang berikut:



Rajah 2.1: Model Teori Standard 1957 (Nik Safiah Karim, 1988:12)

2.1.2 Teori Standard 1965

Teori Standard 1965 yang diuraikan oleh Chomsky dalam bukunya, *Aspects of the Theory of Syntax* (1965) ialah penulisan kembali teori asal beliau dengan beberapa pindaan dan tambahan. Teori ini membahagikan model tatabahasa kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. Bahagian sintaksis, yang terdiri daripada
 - a) Rumus struktur frasa
 - b) Rumus transformasi
- ii. Bahagian semantik
- iii. Bahagian fonologi

Konsep struktur dalaman dan struktur permukaan diperkenalkan dalam versi ini walaupun konsepnya telah ada dalam teori versi 1957. Dalam teori ini, rumus dasar yang terkandung dalam bahagian sintaksis terdiri daripada dua bentuk, iaitu rumus struktur frasa dan leksikon. Rumus struktur frasa (RSF) menghasilkan struktur-struktur dalaman yang melalui rumus-rumus tertentu diisi dengan item-item leksikal daripada bahagian leksikon. Rumus transformasi diaplikasi ke atas struktur-struktur dalaman ini.


Dalam penguraian selanjutnya, akan dibincangkan rumus-rumus dan peraturan-peraturan tentang item-item leksikal yang dimasukkan pada struktur dalaman sebelum diaplikasi ke atasnya rumus-rumus transformasi. Rumus RSF dan rumus transformasi akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Dalam Teori Standard 1957, seperti yang dinyatakan dalam buku *Syntactic Structures*, tidak ada pembincangan tentang bahagian semantik. Bahagian semantik merupakan item baharu dalam model 1965. Bahagian ini timbul berdasarkan teori semantik Katz dan Postal (1964). Teori ini bertujuan untuk mencari satu asas yang dapat digunakan untuk membezakan ayat-ayat yang sama dan yang tidak bermakna, dan memberi interpretasi semantik kepada ayat-ayat yang bermakna dalam bahasa.

Bahagian fonologi pula menyediakan rumus-rumus yang menerangkan bagaimana struktur-struktur permukaan diucapkan. Pelaksanaan rumus transformasi terhadap struktur dalaman akan menghasilkan ayat-ayat yang berbentuk struktur permukaan. Setiap ayat ini terdiri daripada rentetan bunyi bahasa. Oleh itu, setiap bahasa

memerlukan satu set rumus yang akan menentukan cara penyebutan ayat, dan terjadi di bahagian komponen fonologi yang melahirkan *representasi fonetik*.

Model **Teori Standard 1965** dapat digambarkan seperti yang berikut (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:534):



Rajah 2.2: Model Teori Transformasi Generatif

Dalam perbincangan seterusnya, akan diuraikan komponen yang membentuk sintaksis, iaitu rumus struktur frasa (RSF) dan rumus transformasi.

2.2 Rumus Struktur Frasa

Rumus asas terdiri daripada rumus struktur frasa (RSF) seperti yang terdapat dalam model *Syntactic Structures*. Rumus ini ditulis kembali lambang-lambang bukan

terminal, sehingga menghasilkan lambang-lambang terminal, iaitu perkataan. Rumus ini mebolehkan penyisipan kata daripada leksikon sekiranya bersesuaian dengan ciri-ciri sintaksis yang ditetapkan. Rumus-rumus penyisipan leksikal ini yang menentukan pemilihan kata-kata yang boleh berkolokasi. Misalnya, ayat seperti *Colourless green ideas sleep furiously* akan ditandakan sebagai ayat yang tidak bermakna tetapi dianggap gramatis.

Rumus struktur frasa terletak pada komponen dasar untuk menghasilkan deskripsi struktur yang seterusnya menghasilkan bentuk ayat dasar atau ayat inti. Dengan kata lain, rumus-rumus ini berfungsi untuk melahirkan rajah pohon yang menunjukkan hubungan gramatis (subjek, objek, predikat, dan sebagainya) antara berbagai-bagai bentuk kata yang terdapat pada sesuatu ayat dasar. RSF hanya menerbitkan struktur dalaman sahaja bagi sesuatu binaan. Oleh yang demikian, RSF memerlukan rumus transformasi yang boleh menukar struktur dalaman kepada struktur permukaan.


Rumus struktur frasa dalam bahasa Melayu secara ringkas boleh mengandungi unsur-unsur berikut (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:535-536).

- 1) A → S+P
- 2) S → FN
- 3) P → $\left[\begin{array}{c} FN \\ FK \\ FA \\ FS \end{array} \right]$
- 4) FN → (BiL) + (Penj Bil) + (Gel) + KNInt + <KNInt> + (Pen) + (Pent)
- 5) FK → (KB) + $\left[\begin{array}{c} KKtr + \{ Obj / AKomp \} \\ KKttr + \{ Pel / AKomp \} \end{array} \right] + (Ket)$
- 6) FA → (KB) + (KPeng) + Adj +(Ket) + (AKomp)


$$7) \text{ FS} \longrightarrow (\text{KB}) + \text{KS} + (\text{KArah}) + \text{FN} + \{(\text{AKomp}) / (\text{Ket})\}$$

Rumus-rumus struktur frasa di atas boleh melahirkan rajah-rajah pohon, seperti yang berikut (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010: 536).


1)



2)



Rajah pohon di atas kemudian mengalami suatu proses yang disebut penyisipan leksikon untuk menjadikannya seperti yang berikut:



Rajah pohon yang terbentuk ialah satu *representasi sintaksis* atau ayat yang berada dalam struktur dalaman. Bentuk itu dianggap *struktur dalaman* kerana bentuk ini tidak serupa dengan bentuk ayat permukaan atau ayat yang sebenar dituturkan atau ditulis.

Struktur dalaman yang diwujudkan oleh rumus struktur frasa seperti yang di atas kemudian akan menjadi input kepada komponen yang mengandungi rumus transformasi. Rumus-rumus transformasi itu bertindak dengan menggugurkan unsur kata, menambah unsur kata dan mengubah atau menyusun semula susunan unsur kata (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:537).

2.3 Rumus Struktur Transformasi

Dalam perbincangan tentang ayat tunggal dan ayat majmuk dengan terperinci akan melibatkan proses transformasi. Proses trasformasi merupakan satu konsep penerbitan sesuatu ayat hasil daripada terlaksanya rumus transformasi mengikut teori transformasi generatif (TG). Berdasarkan rumus transformasi, struktur permukaan ayat

biasa mengalami perubahan daripada struktur dalaman kepada struktur permukaan. Ayat-ayat peringkat struktur permukaan ini merupakan ayat sebenar yang dituturkan oleh seorang penutur asli sesuatu bahasa.

R.A. Jacobs dan P.S.Rosenbum (1968:17-18) mentakrifkan rumus transformasi sebagai:

“...a particular process of alteration by which one sentence is converted into another sentences structure without any change in the basic meaning... Some of these rearrange constituents, some delete constituents, some replace constituents with other constituents.”

Menurut Mark Lester (1976:16-21) transformasi ialah:

“Satu proses yang boleh menambah, menggugurkan atau menyusun semula unsur-unsur sesuatu struktur dasar bagi menghasilkan ayat pada struktur permukaan. Transformasi juga menghubungkan dua struktur dasar atau lebih bagi menghasilkan suatu struktur permukaan yang lebih kompleks melalui rumus-rumus yang berasingan,”

Dalam proses penerbitan ayat, struktur dalaman sesuatu ayat diterbitkan sebagai struktur permukaan melalui proses transformasi. Rumus Transformasi akan melahirkan proses penerbitan ayat, suatu proses gramatis, iaitu melibatkan pelaksanaan rumus transformasi yang berfungsi mengubah aturan atau struktur ayat serta memperluas sesuatu unsur dalam ayat atau frasa. Ayat-ayat peringkat struktur permukaan ini merupakan ayat sebenar yang dituturkan oleh seorang penutur asli sesuatu bahasa. Dalam bahasa Melayu, proses penerbitan ayat berlaku melalui proses transformasi yang mengakibatkan pengguguran, penyusunan semula atau peluasan kepada unsur-unsur struktur dalaman. Proses-proses ini bertindak menggugurkan unsur kata, mengubah, dan menambah semula sesuatu unsur dalam ayat atau frasa.

2.3.1 Proses Pengguguran

Proses pengguguran ialah satu proses transformasi yang berlaku pada struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat. Pada peringkat struktur permukaan, unsur yang digugurkan itu tidak lagi wujud. Menurut *Tatabahasa Dewan*, dalam bahasa Melayu terdapat tiga jenis pengguguran, iaitu (2010:538):

- i) Pengguguran frasa nama sebagai subjek
- ii) Pengguguran frasa predikat
- iii) Pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif

i) Pengguguran Frasa Nama sebagai subjek

Pengguguran ini boleh berlaku kepada:


- a) subjek kata ganti nama diri orang kedua dalam ayat perintah
- b) subjek yang serupa dalam ayat majmuk

a) Pengguguran subjek kata ganti nama diri orang kedua dalam ayat perintah

Pengguguran subjek kata ganti nama diri orang kedua biasanya berlaku dalam ayat suruhan, iaitu sejenis ayat perintah. Dalam ayat perintah, kata ganti nama diri orang kedua yang berfungsi sebagai subjek selalunya digugurkan (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:539). Proses pengguguran ini dapat dilihat seperti dalam contoh berikut:

1. Kamu keluar => keluar

Secara skema, struktur dasar bagi ayat di atas dapat diterangkan dalam Rajah Pohon (RP).



Ayat di atas telah mengalami transformasi pengguguran subjek kata ganti nama kedua, *kamu* seperti dalam RP (b).


b) Pengguguran Subjek yang serupa dalam Ayat Majmuk

Pengguguran subjek yang serupa dalam ayat majmuk pula berlaku apabila terdapat beberapa frasa nama sebagai subjek yang serupa dalam ayat-ayat yang bergabung menjadi ayat majmuk. Subjek yang sama boleh digugurkan kecuali subjek frasa nama yang di awal ayat majmuk tersebut (Ibid, 2010:540). Sebagai contoh:

2. a) Adik saya cerdik.
 - b) Adik saya pemalu
- => Adik saya cerdik tetapi pemalu.


RP berikut menunjukkan struktur ayat dasar di atas (Ibid, 2010: 541):

a)



Setelah mengalami proses pengguguran bagi frasa nama subjek yang beridentiti sama, iaitu *Ali* dalam ayat kedua, maka RP yang berikut menujukkan ayat yang wujud pada struktur permukaannya, iaitu:

b)



ii) Pengguguran Frasa Predikat

Dalam proses ini seluruh frasa predikat, atau bahagian-bahagian frasa predikat boleh digugurkan. Pengguguran frasa predikat terbahagi kepada dua, iaitu:

- a) Pengguguran seluruh frasa predikat
- b) Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat

a) Penguguran Seluruh Predikat


Konstituen predikat yang terdiri daripada frasa kerja, frasa nama, frasa adjektif, dan frasa sendi nama apabila hadir dalam unsur yang sama dalam ayat majmuk gabungan, maka kesemua frasa predikat yang serupa ini boleh digugurkan, kecuali bagi ayat yang terakhir. Ayat-ayat yang berikut menjelaskan kehadiran empat jenis frasa predikat (Ibid, 2010:542).


- i. Frasa Kerja
- ii. Frasa Nama
- iii. Frasa Adjektif
- iv. Frasa Sendi Nama
 - i. Pengguguran seluruh frasa predikat kerja
 - 3. a) Adik Ali belajar di England.
 - b) Sepupunya belajar di England.

=> Adik Ali dan sepupunya belajar di England.

Proses yang berlaku ditunjukkan seperti berikut (Ibid, 2010:543):

a)





Proses pengguguran berlaku pada predikat frasa kerja yang sama dalam ayat (a) dan struktur perubahannya dapat dilihat dalam RP (b). Dalam proses ini berlaku pengguguran frasa kerja yang sama, iaitu *belajar di England*. Ayat yang dihasilkan ialah *Adik Ali dan sepupunya belajar di England.*

ii. Pengguguran seluruh frasa predikat nama

4. a) Janah pemain hoki.

b) Farhana pemain hoki.

=> Janah dan Farhana pemain hoki.

iii. Pengguguran seluruh frasa predikat adjektif

5. a) Zila sangat rajin.

b) Dila sangat rajin.

=> Zila dan Dila sangat rajin.

iv. Pengguguran seluruh frasa predikat sendi nama

6. a) Baju Nadia di ampaian.

b) Seluar Mimi di ampaian.

=> Baju Nadia dan seluar Mimi di ampaian

b) Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat

Beberapa bahagian daripada frasa predikat boleh juga mengalami proses pengguguran.

Antaranya:

- i. oleh + FN dalam ayat pasif
- ii. Kata bantu yang serupa
- iii. FN sebagai objek yang serupa
- iv. FN sebagai objek selepas kata kerja yang membawa makna adjektif.

iii) Pengguguran Frasa Nama yang Mendahului Frasa Relatif

Apabila dua ayat digabungkan, dengan satu ayat dipancangkan ke dalam ayat yang satu lagi sebagai frasa relatif, frasa nama yang serupa yang mendahului frasa relatif itu boleh digugurkan, misalnya (Ibid, 2010:557).


7. a) Orang tua itu bapa saya.

b) Orang tua itu memakai serban.


=> Yang memakai serban itu bapa saya.

Proses yang berlaku ditunjukkan seperti berikut (Ibid, 2010:557-558):

a)



b)



Transformasi pengguguran yang berlaku dalam frasa nama dalam ayat (a) dan struktur perubahannya dapat dilihat pada Rajah Pohon (b). Ayat yang dihasilkan ialah *Yang memakai serban itu bapa saya*.

a) Pengguguran Kata Nama yang Berfungsi sebagai Inti dalam Frasa Nama


Kata nama yang terkandung dalam binaan frasa nama, *KN (inti) + Penerang* boleh digugurkan sehingga yang tertinggal dalam frasa nama itu hanya bahagian penerangnya yang mungkin bukan kata nama. Contoh:

8. Kegiatan bersenam boleh menyihatkan badan


⇒ Bersenam boleh menyihatkan badan.

Dalam ayat di atas, *kegiatan bersenam* berfungsi sebagai frasa nama yang mengandungi kata *kegiatan* sebagai inti dalam frasa nama tersebut, dan kata *bersenam* sebagai penerang. Kata nama *kegiatan* dalam ayat tersebut boleh digugurkan. Proses pengguguran dapat digambarkan melalui RP berikut (Ibid, 2010:561):

a)



b)



Proses pengguran berlaku pada kata nama yang berfungsi sebagai inti dalam frasa nama, iaitu kegiatan dalam RP (a) dan proses transformasi dapat dilihat dalam RP (b). Ayat yang dihasilkan ialah *Bersenam boleh menyihatkan badan*.

2.3.2 Proses Penyusunan Semula

Proses penyusunan semula mengubah susunan bentuk perkataan dalam ayat asal dan diterbitkan satu struktur ayat gramatis yang baru. Hal ini mengakibatkan perubahan atau pengguguran perkataan tertentu dan penambahan perkataan lain pada ayat yang diterbitkan tanpa mengubah makna ayat. Dalam bahasa Melayu, terdapat tiga jenis proses penyusunan semula (Ibid, 2010:563):

- i) Penyusunan semula frasa nama sebagai subjek
- ii) Penyusunan semula frasa nama sebagai objek
- iii) Penyusunan semula melalui ayat songsang


i) Penyusunan Semula Frasa Nama Sebagai Subjek

Penyusunan semula frasa nama sebagai subjek boleh berlaku melalui proses transformasi pasif. Perhatikan contoh berikut:


9. a) Ali menendang bola itu.
- b) Bola itu ditendang oleh Ali.

RP bagi ayat di atas adalah seperti berikut (Ibid, 2010:563):

a)



b)



ii) Penyusunan Semula Frasa Nama Sebagai Objek

Penyusunan ini boleh berlaku pada ayat-ayat yang mengandungi dua jenis objek, iaitu objek tepat dan objek sipi (Ibid, 2010:567). Contohnya:

10. Ali menghadiahkan sebuah buku.



⇒ Ali menghadiahkan sebuah buku kepada Ahmad.

Dalam ayat di atas, frasa nama yang berkedudukan secara langsung selepas kata kerja dianggap sebagai objek tepat manakala frasa nama yang mengikuti objek tepat tersebut ialah objek sipi.

Namun demikian, ayat ini boleh disusun semula dengan menukar ganti kedudukan kedua-dua jenis objek tersebut melalui proses transformasi. Proses ini memindahkan kedudukan objek tepat dalam ayat asal ke bahagian akhir dengan didahului dengan kata sendi *kepada*, dan meletakkan frasa nama objek sipi pada kedudukan selepas kata kerja

untuk menjadikannya objek tepat yang baru. Kata kerja dalam ayat yang diterbitkan berubah juga bentuknya, iaitu imbuhan *-i* pada kata kerja, jika ada, digantikan dengan imbuhan *-kan*.

RP yang berikut menunjukkan proses transformasi penyusunan semual frasa nama sebagai objek (Ibid, 2010:567):



iii) Penyusunan Semula Melalui Ayat Songsang

Proses penyusunan juga semula berlaku pada ayat-ayat songsang. Ayat-ayat yang mengandungi keterangan tempat, keterangan masa, keterangan syarat, keterangan musabab, dan sebagainya boleh disongsangkan apabila keterangan tersebut hendak difokuskan (Ibid, 2010:568). Contohnya:

11. a) Dia akan membeli rumah itu kalau mendapat pinjaman daripada bank.
b) Kalau mendapat pinjaman dari bank, dia akan membeli rumah itu.
12. a) Orang tua itu pergi ke sungai.
b) Ke sungai orang tua itu.

2.3.3 Proses Peluasan

Proses peluasan ialah proses penerbitan ayat yang melibatkan penambahan unsur-unsur dalam ayat baru. Dalam bahasa Melayu, terdapat empat jenis peluasan, antaranya:

- i) Peluasan frasa nama sebagai subjek
- ii) Peluasan frasa predikat
- iii) Peluasan dengan kata hubung
- iv) Peluasan melalui proses komplementasi.

i) Peluasan Frasa Nama Sebagai Subjek

Perluasan frasa nama sebagai subjek boleh dilakukan melalui proses relativasi, iaitu proses pemancangan ayat ke dalam satu ayat lain sebagai frasa relatif kepada subjek ayat yang menerima pancangan. Frasa relatif terbentuk dengan menggunakan kata relatif ‘yang’ (Ibid, 2010: 570).

Proses transformasi relativasi kepada subjek ayat dapat dilihat dalam ayat yang berikut:


13. a) Budak itu adik saya.

b) Budak itu membaca buku.


⇒ Budak yang membaca buku itu adik saya.

Perubahan bagi ayat di atas dapat dijelaskan melalui RP yang berikut (Ibid, 2010:570):

a)



b)



Ayat (b) ialah ayat pancangan relatif yang dipancangkan ke dalam ayat induk.

Subjek ayat dalam ayat (b) merupakan frasa relatif kepada subjek dalam ayat induk yang menerima pancangan. Frasa relatif yang beridentiti sama dengan subjek ayat induk

budak itu boleh digugurkan dan digantikan dengan kata relatif *yang*. Ayat ini telah mengalami peluasan frasa nama sebagai subjek.

ii) Peluasan Frasa Predikat

Dalam peluasan frasa predikat, frasa nama yang akan mengalami relativisasi mestilah berfungsi sebagai subjek dalam ayat yang akan dipancangkan. Contohnya:


14. a) Ali mengusik budak itu.

b) Budak itu cantik.


⇒ Ali mengusik budak yang cantik itu.

Rajah pohon (RP) yang berikut menunjukkan perubahan yang berlaku (Ibid, 2010:573):

a)



b)



Dalam ayat di atas frasa nama *budak itu* yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat ayat (a) telah dipancangkan ke dalam ayat (b). Frasa ini boleh digugurkan dan berlaku proses perluasan melalui relativasi dengan menggunakan kata relatif *yang*.

iii) Peluasan dengan Kata Hubung

Peluasan boleh juga berlaku melalui penggabungan ayat yang melibatkan dua konstituen yang sama dengan menggunakan kata hubung seperti *dan*, *tetapi*, *kerana*, *jika*, *walaupun* dan sebagainya. Tiap-tiap kata hubung ini boleh digunakan bagi menggabungkan dua ayat atau lebih untuk menghasilkan ayat terbitan bersifat peluasan seperti contoh berikut (Ibid, 2010:575):

15. a) Ali pergi ke sekolah

b) Osman pergi ke sekolah

⇒ Ali *dan* Osman pergi ke sekolah.

16. a) Mereka bukan hendar belajar.

b) Mereka hendak bermain

⇒ Mereka bukan hendak belajar tetapi bermain.

Dengan melaksanakan proses penguguran frasa sendi nama *pergi ke sekolah* (ayat 15), frasa nama yang sama, iaitu *mereka* (ayat 16), dan menghubungkan dua ayat

tunggal dengan menggunakan kata hubung *tetapi* dan *dan*. Ayat-ayat tersebut dikatakan telah mengalami proses peluasan.

iv) Peluasan Melalui Proses Komplementasi

Proses ini mengubah sesuatu ayat menjadi satu frasa nama, dan memancangkannya pada suatu ayat yang lain sehingga menghasilkan peluasan kepada ayat tersebut. Contohnya:


17. a) Dia melaporkan sesuatu.

b) Ali sakit tenat

=> Dia melaporkan *bahawa* Ali sakit tenat.

Ayat *Ali sakit tenat* berubah fungsinya menjadi frasa nama dan dipancangkan kepada binaan *Dia melaporkan sesuatu*. Perkataan *bahawa* dimasukan sebagai tanda berlakunya proses komplementasi. Proses ini dapat digambarkan melalui RP yang berikut (Ibid, 2010: 576):

a)



2.4 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini, iaitu teori transformatif generatif yang dipelopori oleh Noam Chomsky. Teori ini bermula teori standard seperti yang terdapat dalam *Syntactic Structures* (1957) dan penambahbaikannya dalam *Aspects of the Theory of Syntax* (1965). Teori standard 1957 membincangkan aspek sintaksis, iaitu rumus struktur frasa, rumus transformasi, dan rumus morfonemik. Teori standard 1965 dalam *Aspects of the Theory of Syntax* membincangkan aspek sintaksis, iaitu rumus struktur frasa dan rumus transformasi, aspek semantik dan aspek fonologi. Perbezaan antara kedua-dua pendekatan ini ialah pada bahagian semantik. Dalam kajian ini, teori yang telah digunakan ialah teori Transformasi Generatif Standard 1965 yang telah diaplikasikan dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (2010).

Setiap ayat yang dihasilkan mengandungi dua peringkat ayat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Struktur dalaman, iaitu struktur yang mengandungi ayat dasar yang diperlukan untuk membentuk semantik ayat. Struktur permukaan pula ialah struktur ayat yang telah mengalami perubahan daripada struktur dalaman. Peringkat dasar atau dalaman mewakili aspek makna dan peringkat permukaan mewakili aspek bunyi. Melalui proses yang dinamakan transformasi struktur dalaman akan muncul satu atau beberapa struktur permukaan, bergantung kepada jenis transformasi yang diaplikasi ke atasnya. Proses-proses transformasi yang berlaku seperti proses pengguguran, proses penyusunan semula, dan proses peluasan. Setiap proses transformasi yang berlaku akan dilambangkan melalui rajah pohon (RP).

Sejak terbitnya *Aspects of the Theory of Syntax* pada tahun 1965, banyak perkembangan telah berlaku pada pendekatan transformasi generatif, terutama analisis kuasaan dan tambatan dan pendekatan minimalis. Untuk tujuan kajian ini, yang melihat binaan ayat majmuk dalam pantun, kerangka *Aspects of the Theory of Syntax* didapati

memadai kerana tumpuan kajian ini bukan terhadap bentuk analisis ayat dalam konteks kemajuan dan perkembangan analisis transformasi generatif tetapi setakat menerangkan binaan struktur-struktur asal (dalaman) berbanding dengan struktur yang digunakan dalam pantun yang diteliti dalam kajian ini.

BAB 3

AYAT MAJMUK GABUNGAN DALAM PANTUN MELAYU

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan binaan ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam Pantun Melayu. Perbincangan akan meliputi aspek proses transformasi yang berlaku, iaitu pengguguran, peluasan, dan penyusunan semula.

Dalam kajian ini akan dibincangkan pelbagai aspek ayat yang membina sesebuah pantun Melayu. Dalam binaan pantun ayat penyata merupakan jenis ayat yang paling kerap digunakan. Jenis-jenis ayat yang lain juga wujud untuk tujuan tertentu seperti bertanya, mlarang atau menyuruh melakukan sesuatu.

Binaan ayat dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua konstituen utama, iaitu subjek dan predikat. Subjek terdiri daripada frasa nama (FN) dan predikat terdiri daripada empat jenis frasa, iaitu frasa nama (FN), frasa kerja (FK), frasa adjektif (FA) atau frasa sendi nama (FS). Kesemua binaan pola ayat ini wujud dalam binaan pantun (Nik Safiah Karim, 1998:359).

Dalam bahasa Melayu, susunan biasa ayat ialah subjek mendahului predikat (S+P). Dalam binaan pantun juga wujud binaan ayat songsang, iaitu binaan predikatnya, sama ada sebahagian atau keseluruhannya, mendahului binaan subjek, iaitu (P+S). Tujuan penyongsangan ayat adalah untuk memberi penekanan bahagian yang dipentingkan dalam ayat (Ibid, 1998:359).

Secara umum kajian ini akan meneliti pantun dari aspek sintaksis dengan memberi penekanan terhadap pembayang dan maksud pantun. Kebanyakan pembayang maksud pantun merupakan gambaran alam sekitar seperti suasana kampung, kehidupan alam semula jadi, senario masyarakat, cakerawala, dan flora dan fauna. Bahagian

maksud pantun pula menekankan tentang nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan (Mohd Taib Osman, 1996:15).

Pantun yang dianalisis berdasarkan dua baris pembayang dan dua baris maksud pantun yang saling berkaitan dan mempunyai hubungan makna. Walau bagaimanapun, sekiranya setiap pembayang atau maksud tidak berkaitan dengan baris berikutnya, analisis akan dilakukan pada satu baris pantun sahaja.

3.1 Binaan Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan dalam bahasa Melayu, menurut Hashim Musa, dapat digambarkan seperti yang berikut (Hashim Musa, 1990:7).


$$A \longrightarrow K \text{ Hubung gab } An, \text{ di mana } n \geq 2$$

Rumus ini menerangkan bahawa ayat boleh dibentuk oleh beberapa yang bertaraf setara yang dihubungkan oleh kata hubung. Kaedah RSF ayat majmuk gabungan ini berdasarkan kaedah yang dibuat oleh Ross (1967) yang menerbitkan ayat gabungan daripada ayat-ayat yang telah ditentukan dan meletakkan kata hubungnya di dalam struktur dalaman (Ibid, 1990:7).


Berdasarkan huraian yang diberikan Hashim Musa, dapat dirumuskan bahawa ayat gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang bertaraf setara dan dihubungkan dengan kata hubung gabungan. Nik Safiah Karim *et al.* mentakrifkan ayat majmuk gabungan sebagai ayat majmuk gabungan yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung *seperti dan, atau, tetapi*, dan sebagainya (2010:498-499). Contohnya:

1. Saya minum teh *dan* Aminah makan nasi lemak.
2. Mereka bangun *lalu* turun ke serambi.

Hubungan antara satu ayat dengan ayat kedua dalam ayat majmuk gabungan dapat digambarkan seperti gambar rajah di bawah:



Dalam rajah di atas, ayat majmuk gabungan (Ayat 1) terdiri daripada gabungan Ayat 2 dan Ayat 3, melalui KH (kata hubung). Walau bagaimanapun, ayat majmuk gabungan tidak hanya terdiri dari gabungan dua ayat yang bersifat setara. Secara teori ayat majmuk gabungan juga boleh terbina daripada deretan beberapa ayat tunggal yang tidak terhad binaanya dan bersifat setara (Ibid, 2010:500). Binaan ayat dapat digambarkan seperti RP:



Contohnya:

3. Pada cuti sekolah yang lalu saya melawat datuk, nenek, pak cik, mak cik, dan saudara- mara di kampung.

Ayat di atas terdiri daripada lima ayat tunggal yang telah dijadikan satu ayat majmuk dengan mengugurkan empat frasa yang berulang, iaitu *pada cuti sekolah yang lalu saya melawat*. Begitu juga kehadiran kata hubung *dan* yang berulang boleh digugurkan, kecuali kata hubung *dan* yang terakhir (Ibid, 2010:502).

Dalam pantun Melayu banyak ayat majmuk digunakan dalam pelbagai proses binaan dan konstituen ayat. Binaan ayat majmuk dikatakan kompleks kerana terdiri daripada pelbagai jenis dan proses transformasi dalam pembentukannya.

Proses transformasi yang paling kerap berlaku dalam pantun ialah pengguguran dan penyusunan semula. Kebanyakan ayat majmuk gabungan dalam pantun tidak ditandai oleh kata hubung gabungan. Kata-kata hubung tersebut telah mengalami pengguguran tetapi berdasarkan predikat-predikat ayat yang digunakan dalam pantun, dapat dikenal pasti ayat majmuk gabungan yang digunakan. Sebagai anggota masyarakat yang sering menggunakan pantun mereka akan memahami maksud yang ingin disampaikan oleh seseorang dalam pantun

Dalam bahagian ini akan dibincangkan binaan ayat-ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam pantun Melayu dengan menggunakan beberapa contoh pantun berdasarkan pembayang atau maksud pantun. Aspek utama yang akan ditekankan ialah jenis ayat majmuk yang digunakan dan binaan ayat-ayat tersebut.

Aspek ayat majmuk yang akan dianalisis berdasarkan data-data kajian ialah:

- i. Ayat majmuk gabungan dengan susunan fakta yang berurutan.
- ii. Ayat majmuk gabungan yang bertentangan fakta.
- iii. Gabungan beberapa ayat majmuk.

3.1.1 Gabungan ayat majmuk gabungan dengan susunan fakta berurutan

Ayat yang terbentuk dengan menggunakan kata hubung gabungan dikenali sebagai ayat majmuk gabungan. Kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan satu klausa atau lebih yang sama tara sifatnya (Ibid, 2010:251). Kata hubung gabungan terbahagi kepada dua, iaitu yang menggabungkan susunan fakta yang berurutan dan susunan fakta yang bertentangan.

Ayat majmuk gabungan susunan faktanya berurutan terbentuk dengan penggunaan kata hubung *dan, lalu, serta, sambil* dan sebagainya (Ibid, 2010:503).

Penggabungan ini menghasilkan ayat gabungan yang memberikan maksud yang berurutan.

3.1.1.1 Penggunaan kata hubung *dan*

Aspek penggunaan kata hubung dalam bahasa Melayu ini tidak dibincangkan secara terperinci dalam *Tatabahasa Dewan*. Namun, aspek penggunaan kata hubung ini dibincangkan dengan lebih lanjut oleh Asmah Haji Omar dalam buku *Nahu Melayu Mutakhir*. Oleh itu, buku *Nahu Melayu Mutakhir* digunakan untuk memperkuat kajian ini.

Umumnya, kata hubung *dan* digunakan untuk menggabungkan dua unsur yang bersifat setara. Menurut Asmah, penggandingan klausa unsur kedua merupakan lanjutan cerita dari klausa pertama (Asmah Haji Omar, 2009:216).

1. Ahmad *dan* kawannya pergi berkelah di kaki gunung.
2. Ayah *dan* ibunya tidak merestui perkahwinannya.

Dalam pantun, penggunaan kata hubung boleh mengalami peleburan. Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung *dan* adalah seperti pantun yang berikut:

43.¹ **Terbang kumbang jantan betina**

Sering di bunga kuntum di pangkal
Berapa banyak ilmu pesona
Busuk budi nanti tertinggal

Dalam pantun 43, penggunaan ayat majmuk dapat dikesan pada pembayang pantun, iaitu dalam baris pertama. Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

¹ Angka-angka yang tertera di sebelah kiri pantun ini merupakan nombor bilangan pantun yang digunakan dalam buku R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt.

S-D: Kumbang jantan *dan* kumbang betina terbang.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaanya adalah seperti yang berikut:

a) Kumbang jantan terbang.

FN FK

b) Kumbang betina terbang.

FN FK

Pada S-P berlaku beberapa proses transformasi. Dalam baris pertama, berlaku proses pengguguran kata hubung. Kata hubung *dan* yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini telah digugurkan. Walau bagaimanapun, terdapat dua frasa nama dalam subjek pantun dan ini dapat dikenal pasti sebagai ayat majmuk gabungan. Dalam ayat ini terdapat dua subjek, iaitu *kumbang jantan* dan *kumbang betina* dengan predikat yang sama, iaitu *terbang*. Bahagian subjek ayat satu dan dua ini bergabung dan membentuk ayat majmuk gabungan.


Ayat ini terbentuk daripada pola ayat FN + FK dengan subjeknya terdiri daripada dua FN, iaitu *kumbang jantan* sebagai FN₁ dan *kumbang betina* FN₂. Inti frasa ini ialah *kumbang* manakala kata *jantan* dan *betina* merupakan penerang kata adjektif. Predikat ayat ini ialah FK, iaitu *terbang*. Ayat pertama pantun ini mengalami penyongsangan seluruh frasa kerja predikat *terbang* yang diletakkan pada subjek ayat. Apabila disusun semula, dua frasa ini akan menjadi *kumbang jantan dan betina terbang*.

Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Terbang kumbang jantan betina.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:


Rajah Pohon S-D



Pola binaan A_1 ialah subjek dan predikat yang terdiri daripada binaan frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama ayat ini ialah *kumbang jantan* manakala konstituen predikatnya ialah *terbang*. Pola A_2 terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya terdiri daripada frasa kerja. Frasa nama dalam subjek A_2 ialah *kumbang betina* manakala frasa kerja dalam A_2 ialah *terbang*. Dalam A_1 dan A_2 frasa *kumbang* merupakan inti, iaitu kata nama manakala frasa *jantan* dan *betina* dalam kedua-dua ayat ini merupakan penerang kata adjektif. Penerang kata adjektif ialah unsur yang menerangkan makna sifat bagi inti tersebut.

Dalam struktur dalaman, frasa kerja *terbang* terletak dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti yang terdapat dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Dalam struktur permukaan, binaan A_1 dan A_2 merupakan binaan ayat songsang, iaitu frasa kerja predikat mendahului frasa nama subjek. Subjek A_1 ialah *kumbang jantan* manakala subjek A_2 ialah *kumbang betina*. Predikat A_1 dan A_2 adalah sama, iaitu *terbang*.

Binaan ayat ini telah mengalami proses pendepanan frasa predikat, iaitu *terbang*. Proses pendepanan yang berlaku ialah pendepanan seluruh frasa predikat, iaitu frasa kerja. Proses pendepanan yang berlaku bertujuan untuk memberi penekanan kepada sesuatu unsur dalam ayat.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat majmuk gabungan dalam pantun di atas telah mengalami proses pengguguran kata hubung dan proses pendepanan seluruh frasa kerja predikat. Walaupun binaan ayat ini mengalami proses transformasi, tetapi masih boleh difahami oleh anggota masyarakat yang sering menggunakan pantun.

Dalam pantun kedua pula penggunaan kata hubung *dan* dapat dilihat pada contoh ayat dalam pantun di bawah:

378. Makan sirih makan tembakau

Urat kapis di tengah jalan

Kasih laksana main pakau

Pandai melapis daun sembilan

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya makan sirih *dan* tembakau.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Saya makan sirih.

FN FK

b) Saya makan tembakau.

FN FK

Berdasarkan pantun di atas, baris pertama pantun ini terdapat mengandungi ayat majmuk gabungan dengan subjek ayat mengalami peleburan. Perkara ini lazim berlaku dalam pantun Melayu kerana subjek ayat jarang dikemukakan, terutama subjek yang terdiri daripada kata ganti nama manusia. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh sahaja diletakkan sebarang kata ganti nama diri seperti *saya, aku, anda*, dan sebagainya.


Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Makan sirih makan tembakau.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Pola A₁ dan A₂ terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek dalam kedua-dua ayat ini terdiri daripada frasa nama, iaitu *saya/anda* manakala predikatnya ialah frasa kerja, iaitu *makan*. Subjek ayat dalam kedua-dua ayat tunggal, iaitu *saya/anda* telah digugurkan dalam struktur permukaan. Ayat majmuk gabungan yang terbentuk dalam proses di atas memperlihatkan bahawa hanya predikat ayat sahaja, iaitu frasa kerja dikekalkan.

Selain itu, penanda kata hubung *dan* dalam pantun telah digugurkan. Pengguguran ini berlaku kerana pembaca telah sedia maklum akan maksud pantun walaupun tanpa penggunaan kata hubung. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Binaan A_1 dan A_2 dalam struktur permukaan hanya terdiri daripada binaan predikat. Binaan predikat kedua-dua ayat ini terdiri daripada frasa kerja dengan objek . Dalam A_1 dan A_2 kata kerjanya ialah *makan* manakala objek dalam A_1 ialah *sirih* dan objek dalam A_2 ialah *tembakau*. Ayat yang digunakan dalam baris pertama pantun merupakan ayat aktif transitif. Ayat ini mengandungi kata kerja transitif, iaitu yang diikuti oleh frasa nama sebagai objek.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, berlaku dua proses transformasi pengguguran yang berbeza dalam ayat pertama pantun. Proses pengguguran yang berlaku ialah pengguguran subjek kata ganti nama dan kata hubung gabungan. Keadaan ini berlaku kerana pantun Melayu mementingkan bilangan suku kata untuk menggambarkan keindahan pantun.

3.1.1.2 Penggunaan kata hubung *lalu*

Selain kata hubung *dan*, kata hubung *lalu* juga memberikan maksud berurutan. Menurut Asmah (Ibid, 2009: 216), kata hubung *lalu* digunakan untuk menggabungkan dua unsur yang dilakukan secara berturut-turut. Antara contoh penggunaan kata hubung *lalu* dalam pantun adalah seperti yang berikut:

456. Ambil pena tuliskan surat

Mari ditulis di atas batu

Dari dunia sampai akhirat

Badan dua menjadi satu

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya mengambil pena *lalu* menulis surat di atas batu.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Saya mengambil pena.

FN FK

- b) Saya menulis surat di atas batu.

FN FK

Ayat pertama dan kedua dalam pembayang pantun, iaitu *ambil pena tuliskan surat di atas batu* merupakan ayat majmuk gabungan dengan unsur keterangan. Binaan ayat ini terdiri daripada subjek frasa nama, iaitu *saya/anda* manakala predikatnya ialah frasa kerja. Predikat ayat ini terdiri daripada dua frasa kerja, iaitu *ambil pena* sebagai FK₁ dan *tuliskan surat* sebagai FK₂. Unsur keterangan iaitu, *di atas batu* hadir selepas frasa kerja.


Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Ambil pena tuliskan surat di atas batu.

Dalam struktur permukaan, subjek kata ganti nama mengalami peleburan. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh sahaja diletakkan mana-mana kata ganti nama diri seperti *saya, aku, anda*, dan sebagainya.

Dalam ayat ini pengguguran kata hubung berlaku pada baris pertama ayat dalam pantun. Penggunaan KH *lalu* telah digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *ambil pena* dan *tuliskan surat di atas batu* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek FN frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Saya ambil pena* dan *tuliskan surat di atas batu*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A₁ dan A₂ terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Binaan A₁ dan A₂ mengandung kata kerja yang telah digugurkan imbuhaninya. Dalam A₁ apabila imbuhan aktif *meN-* dicantumkan dengan kata dasar *ambil*, ayat yang dihasilkan ialah *Saya mengambil pena*. Kata *pena* dalam ayat ini berfungsi sebagai objek yang hadir selepas kata kerja aktif.

Binaan A₂ terhasil apabila ayat dasar yang diberi imbuhan dan juga objek ayat dimasukkan ke dalam ayat. Ayat yang dihasilkan ialah *Saya menulis surat di atas batu*. Binaan frasa predikat A₂ terdiri daripada kata kerja, iaitu *menulis* manakala objeknya ialah *surat*. Frasa *di atas batu* berfungsi sebagai keterangan di dalam ayat tersebut. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam S-P berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama. Kata ganti nama diri yang sepatutnya digunakan dalam pantun ini seperti *saya*, *anda*, *kamu* dan sebagainya. Pengguguran ini berlaku kerana maksud pantun sudah difahami dalam konteks dan khalayak juga telah memahaminya.

Seterusnya, proses transformasi pengguguran kata hubung berlaku dalam ayat ini. Kata hubung yang digunakan dalam pantun ini, iaitu *lalu* digugurkan. Pengguguran berlaku kerana A₁ dan A₂ menunjukkan hubungan saling berkaitan antara dua peristiwa yang berurutan.

A₁ dan A₂ merupakan ayat aktif transitif dengan penggunaan kata kerja aktif transitif, iaitu *ambil* dan *tuliskan*. Kata kerja *ambil* mempunyai objek *pena* dan kata kerja *tuliskan* objeknya *surat*. Dalam ayat ini imbuhan awalan *meN-*, juga telah digugurkan. Proses ini dapat dilihat dalam kata kerja *ambil* yang sepatutnya *mengambil* dan kata kerja *tuliskan* yang sepatutnya *menulis*.

Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa subjek dan penanda kata kerja aktif mengalami pengguguran. Pengguguran ini berlaku kerana bilangan suku kata dalam baris pantun terhad. Sekiranya imbuhan dan kata hubung dimasukkan ke dalam binaan pantun, bilangan suku kata akan bertambah dan menjelaskan keindahan pantun. Ini bersesuaian dengan pengaruh bahasa lisan.

Terdapat juga penggunaan kata hubung *lalu* dalam contoh ayat pantun di bawah. Ayat majmuk gabungan terdapat dalam kedua-dua baris pantun seperti contoh di bawah:

1002. Centayu burung centayu

Terbang ke laut hinggap di batu

Cemperling nak jadi bayu

Kekura pandai nak panjat kayu

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Burung centayu terbang ke laut *lalu* hinggap di batu.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Burung centayu terbang ke laut.

FN FK

b) Burung centayu hinggap di batu.

FN FK


Dalam ayat ini, FN ayat ialah *burung centayu* manakala predikatnya terdiri daripada dua frasa, FK₁ *terbang ke laut* dan FK₂ *hinggap di batu*. Baris kedua ayat mempunyai kaitan dengan baris pertama pantun, iaitu subjek ayat ini terletak pada baris pertama pantun. Subjek ayat dalam baris kedua *burung centayu* digugurkan kerana subjek ayat telah dinyatakan dalam pantun pada baris pertama. Subjek yang sama dalam kedua-dua ayat ini menyebabkan subjek ayat kedua digugurkan dan berlaku peluasan

predikat ayat. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Burung centayu terbang ke laut hinggap di batu.

Dalam ayat ini pengguguran kata hubung berlaku pada baris kedua ayat dalam pantun. Penggunaan KH *lalu* telah digugurkan apabila gabungan dua frasa *terbang ke laut* dan *hinggap di batu* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek FN frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Burung centayu terbang ke laut lalu hinggap di batu*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek A₁ ialah *burung centayu* manakala predikatnya ialah *terbang ke laut*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *terbang* manakala unsur keterangan hadir selepas kata kerja iaitu, *ke laut*.

Pola A₂ dibina berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama dan predikat, frasa kerja. Subjek A₂ sama dengan A₁, iaitu *burung centayu* manakala predikatnya kata kerja tak transitif *hinggap*. Ayat ini merupakan ayat aktif tak transitif yang diikuti pelengkap frasa sendi nama, iaitu *di batu*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *dan* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat setara.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Dalam struktur permukaan, subjek A₁ dan A₂, iaitu *burung centayu* digugurkan. Kedua-dua ayat terhasil daripada predikat ayat sahaja yang terdiri daripada frasa kerja dengan unsur keterangan dan pelengkap. Dalam A₁, predikat ayat terdiri daripada frasa kerja *terbang* dan unsur keterangan, iaitu *ke laut*. Dalam A₂ predikat ayat terdiri daripada binaan frasa kerja dan pelengkap sendi nama, iaitu *di batu*. Dalam struktur permukaan, kata hubung *dan* yang menggabungkan kedua-dua ayat ini digugurkan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat ini merupakan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan *dan*. Dalam ayat ini berlaku proses transformasi pengguguran kata hubung *dan* dan subjek kata nama, iaitu *burung centayu*. Walaupun ayat ini mengalami proses transformasi namun dalam S-D, ayat ini selaras dengan pola ayat dasar bahasa Melayu.

3.1.1.3 Penggunaan kata hubung *sambil*

Menurut Asmah Haji Omar (*Ibid*, 2009: 223), penggunaan kata hubung *sambil* sama seperti penggunaan kata hubung *seraya* dan *serta* yang mendukung makna "dan pada waktu itu". Kata hubung *seraya*, *serta* dan *sambil* ini menghubungkan klausa pada predikatnya sahaja. Ringkasnya, penggunaan kata hubung *sambil* untuk menunjukkan dua perbuatan atau kerja yang dilakukan secara serentak. Contoh penggunaan kata hubung *sambil* seperti yang berikut:

1. Kami belajar sambil melancong.

Berdasarkan data kajian beberapa pantun ditemui menggunakan kata hubung ini. Antara contoh pantun yang terdapat penggunaan kata hubung *sambil* seperti berikut:

350. Pergi ke padang menyuluhan semut

Jatuh andang lintang pukang

Tidur telentang tarik selimut

Baru tahu diri seorang

Ayat dalam baris ketiga merupakan ayat majmuk gabungan yang telah mengalami beberapa proses penguguran. Dalam pembayang maksud ini, struktur binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya tidur telentang *sambil* menarik selimut.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Saya tidur telentang

FN FK

b) Saya menarik selimut.

FN FK


Dalam baris ketiga subjek kata ganti nama telah mengalami transformasi, iaitu proses pengguguran. Kedua-dua ayat tunggal ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *saya/anda* yang telah digugurkan. Dalam pembentukan ayat majmuk, subjek ayat yang sama akan digugurkan dan digantikan dengan kata hubung gabungan. Walau bagaimanapun, dalam pantun ini kata hubung juga telah mengalami pengguguran. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Tidur telentang tarik selimut.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Dalam A₁ ayat ini dibina berdasarkan binaan subjek frasa nama dan predikat frasa kerja. Ayat ini merupakan ayat aktif tak transitif yang mempunyai kata kerja tak transitif, iaitu *tidur*. Kata adverb hadir selepas kata kerja, iaitu *telentang* untuk menerangkan kata kerja.

Binaan A₂ ialah binaan subjek yang terdiri daripada frasa nama manakala predikatnya terdiri daripada frasa kerja. Ayat ini merupakan ayat aktif transitif dengan kata kerja aktif, iaitu *menarik*. Ayat aktif ini mempunyai objek yang terdiri daripada frasa nama, iaitu *selimut* yang hadir selepas kata kerja.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Binaan A_1 dan A_2 hanya terdiri daripada unsur predikat sahaja. Kedua-dua ayat ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *saya/anda* yang digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja, iaitu *tidur telentang* dan *menarik selimut*. Binaan A_1 dan A_2 digabungkan dengan kehadiran kata hubung gabungan, iaitu *sambil*.

Dalam binaan A_2 penanda kata kerja aktif *meN-* pada kata kerja *tarik* juga mengalami peleburan seperti subjek ayat dan kata hubung. Dalam struktur permukaan, imbuhan awalan *meN-* dalam kata kerja *menarik* digugurkan dan tinggal kata dasar *tarik* sahaja. Frasa yang terhasil pada struktur permukaan ialah *tarik selimut*.

Kata hubung *sambil* yang digunakan dalam pantun telah mengalami proses pengguguran. Pengguguran ini berlaku kerana maksud ayat dalam pantun telah difahami. Keadaan ini memperlihatkan kecekapan penutur menyampaikan mesej tanpa mencacatkan struktur sintaksis dalam pantun.

Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam baris ketiga pantun, berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama, kata hubung dan penanda awalan kata kerja. Walaupun binaan pantun di atas melanggar peraturan tatatabahasa bahasa Melayu, tetapi boleh diberikan kelonggaran demi mempertahankan keindahan pantun (Nik Safiah Karim, 1998:360).

Selain contoh di atas, pantun di bawah juga menunjukkan ayat majmuk gabungan yang menggunakan kata hubung *sambil*. Penggunaan kata hubung ini terdapat pada pembayang maksud seperti berikut:

870. Pokok terung di kebun bunga

Petik bunga sambil berlari

Jong lalu pulau bertanya

Ombak juga menghempas diri

Dalam pembayang maksud ini, struktur struktur binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya memetik bunga *sambil* berlari.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Saya memetik bunga.

FN FK

b) Saya berlari.

FN FK

Pada S-P berlaku beberapa proses transformasi. Pertama, dalam ayat ini berlaku transformasi pengguguran subjek ganti nama pertama. Kedua-dua ayat tunggal di atas mempunyai subjek yang sama, iaitu *saya/anda*. Kedua, pengguguran penanda kata


kerja aktif *meN-* pada kata kerja *petik*. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Petik bunga sambil berlari.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Pola A₁ dan A₂ terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek dalam kedua-dua ayat ini terdiri daripada frasa nama, iaitu *saya/anda* manakala predikatnya ialah frasa kerja, iaitu *memetik bunga* bagi A₁ dan *berlari* bagi A₂.

Subjek ayat dalam kedua-dua ayat tunggal iaitu, *saya/anda* telah digugurkan dalam struktur permukaan. Ayat majmuk gabungan yang terbentuk dalam proses di atas memperlihatkan bahawa hanya predikat ayat sahaja, iaitu frasa kerja dikekalkan. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Binaan A_1 dan A_2 dalam struktur permukaan hanya terdiri daripada binaan predikat. Binaan predikat A_1 terdiri daripada frasa kerja dengan objek, iaitu *memetik bunga* manakala binaan A_2 hanya terdiri daripada kata kerja, iaitu *berlari*.

A_1 dan A_2 merupakan ayat aktif transitif dengan penggunaan kata kerja aktif transitif, iaitu *memetik* dan *berlari*. Dalam A_1 penanda imbuhan awalan *meN-* telah digugurkan. Proses ini dapat dilihat dalam kata kerja *petik* yang sepatutnya *memetik*.

Dalam pantun, jarang ditemui penggunaan kata hubung. Namun, dalam ayat di atas terdapat penggunaan kata hubung *sambil* telah dikekalkan dalam baris pantun. Kata hubung *sambil* digunakan untuk mengabungkan dua frasa kerja dalam A_1 dan A_2 .

Berdasarkan pantun yang dianalisis, ayat dalam pembayang maksud merupakan ayat majmuk gabungan dengan penggunaan kata hubung gabungan *sambil*. Dalam ayat ini berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama dan penanda kata kerja *meN-*. Penggunaan kata hubung masih dikekalkan dalam ayat ini walaupun kelazimannya kata hubung digugurkan dalam pantun. Walaupun berlaku proses

pengguguran dalam S-P, namun pada S-D ayat ini menepati pola asas ayat dalam bahasa Melayu.

3.1.2 Gabungan dengan susunan fakta yang bertentangan

Ayat majmuk susunan fakta bertentangan terbentuk dengan penggunaan kata hubung seperti *tetapi*, *sebaliknya*, *padahal*, *manakala*, dan sebagainya (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:504). Kewujudan kata hubung tersebut dalam ayat membawa maksud pertentangan fakta dalam ayat-ayat yang digabungkan itu. Di bawah ini dijelaskan kata hubung pertentangan fakta yang terdapat dalam pantun-pantun kajian.

3.1.2.1 Penggunaan kata hubung *tetapi*

Kata hubung *tetapi* digunakan untuk menunjukkan sesuatu perkara yang berlawanan dalam ayat (Ibid, 2010:504). Contoh penggunaan kata hubung *tetapi*:

1. Ayahnya rajin berniaga *tetapi* anaknya tidak berminat sama sekali.
2. Ali belajar bersungguh-sungguh *tetapi* dia masih tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaanya.

Menurut Asmah Haji Omar (2009:218) kata penghubung *tetapi* mempunyai komponen-komponen makna perlawanan kerana *tetapi* menggandingkan dua proposisi yang berlainan antara satu sama lain. Ini bermakna kata hubung *tetapi* menghubungkan keseluruhan dua klausa atau dua predikat. Antara contoh penggunaan kata hubung *tetapi* adalah seperti berikut:

1. Dia gemar menonton bola *tetapi* isterinya lebih suka menonton wayang.
2. Saya tidak suka makan petai *tetapi* itulah makanan kegemaran suami saya.

Berdasarkan data-data kajian, terdapat penggunaan kata hubung ini seperti yang ditunjukkan dalam pantun di bawah ini.

524. Hendak ditebang tidak tertebang

Tanam keladi dimakan kambing

Hendak dibuang tidak terbuang

Sudah menjadi darah daging

Dalam pantun di atas, proses transformasi berlaku pada pembayang maksud dalam baris kedua. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya menanam keladi *tetapi* dimakan kambing.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Saya menanam keladi.

FN FK

- b) Keladi dimakan kambing.

FN FK

Binaan ayat ini dalam struktur permukaan hanya terdiri daripada predikat sahaja.

Kedua-dua ayat tunggal ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *saya/anda* yang digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja *tanam keladi* dan *dimakan kambing*.

Dalam ayat ini penanda awalan kata kerja *meN-* juga mengalami pengguguran seperti kata nama. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:


S-P: Tanam keladi dimakan kambing.

Dalam ayat ini, pengguguran kata hubung *tetapi* berlaku kerana telah menjadi kelaziman kata hubung dalam pantun digugurkan. Penggunaan kata hubung *tetapi* digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *tanam keladi* dan *dimakan kambing* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek kata ganti nama, ayat ini akan terdiri daripada konstituen *Saya tanam keladi tetapi dimakan*

kambing. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek kata ganti nama dan predikat frasa kerja. Subjek A₁ ialah *saya/anda* manakala predikatnya ialah *menanam keladi*. Binaan frasa kerja terdiri daripada kata kerja, iaitu *menanam* dan objek iaitu, *keladi*.

Pola A₂ dibina berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama dan predikat, frasa kerja. Subjek A₂ sama dengan objek dalam A₁, iaitu *keladi* manakala predikatnya dimakan kambing. Frasa kerja terdiri daripada binaan kata kerja pasif iaitu, *dimakan* dan objeknya, iaitu *kambing*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *tetapi* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat bertentangan fakta. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, subjek A₁ iaitu, *saya/anda* dan subjek A₂ *keladi* digugurkan. Kedua-dua ayat terhasil daripada predikat ayat sahaja yang terdiri daripada kata kerja kerja dengan objek. Dalam A₁, predikat ayat terdiri daripada frasa kerja *menanam* dan objek, iaitu *keladi*. Dalam A₂ predikat ayat terdiri daripada binaan frasa kerja *dimakan* dan objek, iaitu *kambing*. Dalam struktur permukaan, kata hubung *tetapi* yang menggabungkan kedua-dua ayat ini digugurkan.

Binaan A₁ merupakan ayat aktif transitif dengan penggunaan kata kerja aktif transitif, iaitu *menanam*. Dalam kata kerja ini penanda awalan *meN-*, telah digugurkan. Proses ini dapat dilihat dalam kata kerja *tanam* yang sepatutnya *menanam*. Binaan A₂ merupakan ayat majmuk pasif kerana terdapat imbuhan pasif *di-* pada kata kerja *dimakan*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat ini merupakan ayat majmuk gabungan bertentangan fakta dengan kata hubung gabungan *tetapi*. Dalam ayat ini berlaku proses transformasi pengguguran, iaitu pengguguran kata hubung *tetapi*, subjek kata nama dan

penanda awalan kata kerja *meN-*. Transformasi pengguguran berlaku kerana pengaruh bahasa lisan.

Penggunaan kata hubung *tetapi* juga terdapat dalam contoh pantun di bawah:

1137. Orang haji memasang lukah
Pasang di beting ikan tak kena
Sungguh kecil cili Melaka
Pedihnya sampai cuping telinga

Dalam pantun ini, terdapat binaan ayat majmuk gabungan dalam maksud pantun. Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Cili Melaka sungguh kecil *tetapi* pedihnya sampai cuping telinga.

Dalam pantun ini, terdapat dua ayat tunggal yang terdiri daripada ayat-ayat berikut:

- a) Cili Melaka sungguh kecil.
 FN FA

- b) Pedihnya sampai cuping telinga.
 FN FS


Berdasarkan contoh pantun di atas, ayat ketiga dan keempat dalam maksud pantun merupakan ayat majmuk gabungan dengan unsur keterangan. Ayat ini telah mengalami proses pengguguran pada penanda ayat gabungan, iaitu kata hubung gabungan *tetapi*. Ayat ini pada struktur permukaan adalah seperti yang berikut:

S-P: Sungguh kecil cili Melaka pedihnya sampai cuping telinga.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Pola binaan A_1 terdiri daripada binaan subjek frasa nama dan predikat frasa adjektif. Konstituen frasa nama ayat ini ialah *cili Melaka* manakala konstituen frasa adjektif ialah *sungguh kecil*. Kata *sungguh* merupakan kata penguat bebas, iaitu kata penguat yang boleh hadir di hadapan atau di belakang kata adjektif.

Pola A_2 terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya terdiri daripada frasa sendi nama. Frasa nama dalam subjek A_2 ialah *pedihnya* manakala frasa sendi nama ialah *sampai cuping telinga*.

Dalam struktur dalaman, frasa adjektif *sungguh kecil* terletak dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan dan berfungsi untuk memberi penekanan. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam pantun di atas, binaan A_1 merupakan ayat songsang. Ayat ini mengalami proses transformasi, iaitu berlaku proses pendepan frasa adjektif dan kata penguat bebas. Ayat ini mengalami penyongsangan seluruh frasa adjektif dengan kata penguat, iaitu *sungguh kecil* yang diletakkan pada subjek ayat yang mendahului frasa nama *cili Melaka*. Apabila disusun semula, dua frasa ini akan menjadi *cili Melaka sungguh kecil*.

Dalam struktur permukaan, binaan A_2 terdiri daripada subjek frasa nama dan predikat frasa sendi nama. Subjek A_2 , iaitu *pedihnya* hadir bersama kata pembenda *-nya* yang merujuk kepada cili Melaka. Kata pembenda ialah bentuk yang menjadikan sesuatu perkataan yang bukan daripada kata nama sebagai kata nama.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, binaan ayat pada maksud pantun di atas telah mengalami proses pengguguran kata hubung dan penyusunan semula. Proses penyusunan yang berlaku ialah pendepan seluruh frasa predikat, iaitu frasa adjektif. Proses pendepan bertujuan untuk menekankan sesuatu unsur dalam ayat.

3.2.2.2 Penggunaan kata hubung *manakala*

Menurut Asmah Haji Omar (*Ibid*: 2009:225), kata hubung *manakala* digunakan untuk menyatakan dua keadaan yang berbeza atau yang menokok tambah. Ini bermaksud kata hubung *manakala* digunakan dalam ayat untuk menunjukkan perkara yang berlawanan. Ayat di bawah menunjukkan contoh penggunaan kata hubung *manakala*.

1. Dia duduk di samping mayat ayahnya dengan mata yang kering, *manakala* adiknya tidak putus-putus menangis.

Berdasarkan data kajian beberapa pantun ditemui menggunakan kata hubung ini. Antara contoh pantun yang menggunakan kata hubung *manakala* ialah:

274. Serindit hinggap di pohon keranji

Burung belatuk terbang ke hulu

Adik kecil apa berjanji

Ketuk dinding bukan pintu

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Burung serindit hinggap di pohon keranji *manakala* burung belatuk terbang ke hulu.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Serindit hinggap di pohon keranji.

FN

FK

- b) Burung belatuk terbang ke hulu.

EN

FK


Binaan ayat A₁ dan A₂ terdiri daripada subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Kedua-dua ayat ini merupakan ayat majmuk gabungan dengan unsur pelengkap dan unsur keterangan. Dalam A₁ unsur pelengkapnya ialah *hinggap di pohon keranji* manakala dalam A₂ frasa *terbang ke hulu* merupakan unsur keterangan. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Serindit hinggap di pohon keranji burung belatuk terbang ke hulu.

Penggunaan kata hubung *manakala* dalam pantun ini telah digugurkan apabila gabungan dua ayat *serindit hinggap di pohon keranji* dan *burung belatuk terbang ke hulu* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran kata hubung akan terdiri daripada konstituen *serindit hinggap di pohon keranji manakala burung belatuk terbang ke hulu*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Binaan Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek A₁ ialah *serindit* manakala predikatnya ialah *hinggap di pohon keranji*. Binaan predikat terdiri daripada kata kerja tak transitif *hinggap*. Ayat ini merupakan ayat aktif tak transitif yang diikuti pelengkap frasa sendi nama, iaitu *di pohon keranji*.

Pola A₂ dibina berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama manakala predikat, frasa kerja. Subjek A₂ ialah *burung belatuk* manakala predikatnya ialah *terbang ke hulu*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *terbang* manakala unsur keterangan hadir selepas kata kerja, iaitu *ke hulu*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *manakala* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat bertentangan fakta. S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, frasa nama dalam subjek A₁, iaitu *burung* tidak dinyatakan. Ini disebabkan kerana kata nama *serindit* sudah mengambarkan nama burung. Oleh itu, kata *burung* tidak perlu dimasukkan dalam binaan frasa ini. Predikat ayat terdiri daripada frasa kerja *hinggap* dan pelengkap sendi nama, iaitu *di pohon keranji*.

Binaan A₂ terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek dalam A₂ ialah *burung belatuk* manakala frasa predikat terhasil daripada frasa kerja *terbang* dengan unsur keterangan, iaitu *ke hulu*. Dalam struktur permukaan, kata hubung *manakala* yang menggabungkan kedua-dua ayat ini digugurkan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan berlaku proses pengguguran kata hubung *manakala* yang mengabungkan ayat pertama dan kedua dalam pantun. Kata hubung sangat jarang digunakan dalam pantun kerana tanpa kata hubung maksud pantun telah sedia difahami oleh pembaca.

Penggunaan kata hubung *manakala* juga berlaku pada contoh dalam pantun di bawah:

1169. Kapal belayar dari Arakan

Ambil gaji jadi jemudi

Mati ikan kerana umpan

Mati saya kerana budi

Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut :

S-D: Ikan mati kerana umpan *manakala* saya mati kerana budi.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Ikan mati kerana umpan.

FN FK

b) Saya mati kerana budi.

FN FK


Kedua- dua ayat tunggal dalam maksud pantun terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek terdiri daripada kata nama manakala binaan predikat terdiri daripada frasa kerja. Ayat-ayat ini telah mengalami pengguguran kata hubung dan peyonsangan sebahagian daripada predikat, iaitu pendepanan frasa kerja. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Mati ikan kerana umpan mati saya kerana budi.

Pada struktur permukaan berlaku proses pengguguran kata hubung. Kata hubung *manakala* yang hadir dalam struktur dalaman telah digugurkan. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Pola A₁ berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek A₁ ialah *ikan* manakala predikatnya ialah *mati kerana umpan*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *mati* manakala unsur keterangan hadir selepas kata kerja, iaitu *kerana umpan*.

Pola A₂ berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama dan predikatnya pula frasa kerja. Subjek A₂ ialah *saya* manakala predikatnya kata kerja transitif *mati*. Ayat ini merupakan ayat aktif transitif yang diikuti keterangan, iaitu *kerana budi*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *manakala* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat bertentangan fakta.

Dalam struktur dalaman, frasa kerja *mati* berada dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Binaan A_1 dan A_2 telah mengalami proses pendepanan sebahagian predikat.

Proses pendepanan yang berlaku ialah pendepanan sebahagian frasa kerja, iaitu kata kerja *mati*. Dalam binaan kedua-dua ayat di atas, unsur keterangan, iaitu *kerana umpan* dan *kerana budi* kekal di bahagian predikat ayat.

Berdasarkan analisis yang dilakukan proses pengguguran kata hubung dan proses penyongsangan sebahagian frasa predikat dalam ayat di atas berlaku. Proses transformasi ini berlaku untuk memberi penekanan pada predikat ayat, iaitu kata kerja *mati*.

3.1.3 Gabungan beberapa ayat majmuk

Ayat majmuk gabungan juga boleh terbina daripada deretan beberapa ayat tunggal yang tidak terhad binaanya dan bersifat setara (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:500). Dalam penyambungan ayat-ayat ini, proses pengguguran berlaku terhadap unsur yang sama atau unsur berulang. Antara contoh pantun yang menggunakan percantuman ayat majmuk yang bersifat setara adalah seperti pantun yang berikut:

674. Merpati terbang melambung

Jatuh tersepit pagar Che' Ahmat

Buah hati pengarang jantung

Dimana jatuh biar selamat

Dalam pantun di atas, proses transformasi berlaku pada pembayang maksud dalam pantun. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Burung merpati terbang melambung dan jatuh lalu tersepit di pagar Che' Ahmat.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:


- | | | | |
|-------------------|----|-------------------------------|----|
| a) Burung merpati | FN | terbang melambung. | FK |
| b) Burung merpati | FN | jatuh. | FK |
| c) Burung merpati | FN | tersepit di pagar Che' Ahmat. | FK |

Ayat pertama dan kedua dalam pembayang pantun, iaitu *merpati terbang melambung jatuh tersepit pagar Che' Ahmat* merupakan ayat majmuk gabungan dengan unsur keterangan. Binaan ayat ini terdiri daripada subjek frasa nama, iaitu *burung merpati* manakala predikatnya ialah frasa kerja. Predikat ayat ini terdiri daripada tiga frasa kerja, iaitu *terbang melambung* sebagai FK₁, *jatuh* sebagai FK₂, *dan tersepit di pagar Che' Ahmat* sebagai FK₃. Unsur keterangan, iaitu *di pagar Che' Ahmat* hadir selepas frasa kerja dalam A₃. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Merpati terbang melambung jatuh tersepit pagar Che' Ahmat.

Dalam ayat ini pengguguran kata hubung berlaku pada baris kedua ayat dalam pantun. Penggunaan KH *dan* dan *lalu* telah digugurkan apabila gabungan tiga frasa kerja *terbang melambung*, *jatuh*, dan *tersepit di pagar Che' Ahmat* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek FN frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Burung merpati terbang melambung dan jatuh lalu tersepit di pagar Che' Ahmat*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D



Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek A₁ ialah *burung merpati* manakala predikatnya ialah *terbang melambung*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *terbang* manakala unsur keterangan hadir selepas kata kerja, iaitu *melambung*.


Pola A₂ dibina berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama dan predikat, frasa kerja. Subjek A₂ sama dengan A₁, iaitu *burung merpati* manakala predikatnya kata kerja transitif *jatuh*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *dan* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat setara.

Pola binaan A₃ terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek A₃ sama dengan A₁ dan A₂, iaitu *burung merpati* manakala predikatnya ialah frasa kerja, iaitu

tersepit *di pagar Che' Ahmat*. Unsur keterangan dalam ayat ini ialah *di pagar Che' Ahmat*. Binaan A₂ dan A₃ digabungkan dengan kata hubung *lalu*.

Ketiga-tiga ayat ini mempunyai subjek ayat yang sama dan mengalami proses penggabungan ayat yang melibatkan tiga konstituen yang sama dengan menggunakan kata hubung. Kata hubung telah digunakan untuk menghasilkan ayat majmuk yang bersifat perluasan subjek. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Dalam struktur permukaan, subjek A₂ dan A₃, iaitu *burung merpati* digugurkan kerana subjek ayat sama dan telah dinyatakan dalam A₁. Ketiga-tiga ayat terhasil daripada predikat ayat sahaja yang terdiri daripada frasa kerja dengan unsur keterangan.

Dalam A₁, predikat ayat terdiri daripada frasa kerja *terbang* dan unsur keterangan, iaitu *melambung*. Dalam A₂ predikat ayat terdiri daripada binaan frasa kerja, iaitu *jatuh* dan binaan A₃ merupakan binaan frasa kerja dengan keterangan tempat. Dalam struktur permukaan, kata hubung *dan* dan *lalu* yang menggabungkan ketiga-tiga ayat ini digugurkan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat ini merupakan ayat majmuk gabungan dengan cantuman beberapa ayat majmuk. Dalam ayat ini menunjukkan bahawa hanya predikat ayat sahaja yang dikekalkan manakala subjek dan kata hubung tidak dipentingkan kerana telah digugurkan. Dalam ayat ini juga berlaku proses peluasan subjek ayat.

Pantun 779 merupakan satu contoh penggunaan beberapa ayat majmuk gabungan dalam baris pantun. Penggunaan deretan ayat majmuk gabungan ini boleh dilihat pada bahagian pembayang maksud dalam pantun di bawah.

779. Duduk menangis sambil menulis

Mari ditulis di atas daun

Sekecil-kecil kayu tempinis

Terasnya tahan berpuluhan tahun

Dalam pantun ini, proses transformasi berlaku pada baris pertama dan kedua dalam pantun. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya duduk dan menangis sambil nota ditulis di atas daun.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:


- a) Saya duduk.
 FN FK
- b) Saya menangis.
 FN FK
- c) Nota ditulis di atas daun.
 FN FK

Binaan ketiga-tiga ayat di atas terdiri daripada binaaan subjek dan predikat. Dalam ayat ini, FN ayat ialah *saya/anda* manakala predikatnya terdiri daripada tiga frasa, FK₁ *duduk*, FK₂ *menangis*, dan FK₃ *ditulis*. Ketiga-tiga subjek ayat di atas telah

mengalami proses pengguguran. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Duduk menangis sambil menulis mari ditulis di atas daun.

Dalam ayat ini pengguguran kata hubung berlaku pada baris pertama ayat dalam pantun. Penggunaan KH *dan* telah digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *duduk* dan *menangis* bergabung. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:




Binaan pola A_1 , A_2 , dan A_3 terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek dalam A_1 dan A_2 sama, iaitu *saya/anda*. Subjek dalam A_3 telah digugurkan. Oleh yang demikian, subjek boleh sahaja diletakkan sebarang kata nama seperti *pantun*, *sajak*, *nota* dan sebagainya. Dalam A_1 , A_2 , dan A_3 frasa predikat terdiri daripada frasa kerja iaitu, *duduk*, *menangis* dan *ditulis*. Frasa keterangan hadir selepas kata kerja dalam A_3 , iaitu *di atas daun*.

Dalam pembentukan ayat majmuk gabungan, subjek ayat yang sama akan digugurkan dan digantikan dengan kata hubung. Walau bagaimanapun, dalam pantun ini, kata hubung yang mengabungkan A_1 dan A_2 telah mengalami pengguguran. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Binaan A_1 dan A_2 mempunyai subjek yang sama, iaitu *saya/anda* yang telah digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja *duduk* dan *menangis*. Binaan kedua-dua ayat tunggal ini hanya terdiri daripada binaan frasa predikat sahaja.

Pengguguran kata hubung *dan* berlaku dalam pengabungan ketiga-tiga ayat ini. Dalam A_1 dan A_2 kata hubung *dan* telah digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja, iaitu *duduk* dan *menangis*. Kata hubung *sambil* digunakan dalam membentuk dua frasa kerja, iaitu *menangis* dan *ditulis*. Frasa keterangan hadir selepas kata kerja dalam A_3 , iaitu *di atas daun*. Sekiranya ketiga-tiga frasa ini digabungkan dengan kata hubung maka akan membentuk ayat *Saya duduk dan menangis sambil nota ditulis di atas batu*.

Dalam A_3 perkataan *mari* telah digugurkan dalam struktur dalaman kerana perkataan ini berfungsi sebagai kata ajakan. Perkara ini disebabkan pengaruh bahasa lisan dalam pantun. Ayat ini juga merupakan ayat pasif kerana kehadiran kata kerja pasif *ditulis*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap pantun ini berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama dan kata hubung. Subjek dalam ayat mengalami

pengguguran kerana subjek dan unsur keterangan yang sama dalam pembentukan ayat majmuk gabungan.

Dalam pantun 793, proses penggabungan deretan beberapa ayat dikesan pada bahagian pembayang pantun.

793. Orang Ligor menembak bangau

Kena sepasang jantan betina

Saya umpama cekur jarangau

Senak kembong baharu berguna

Dalam pantun di atas, proses transformasi berlaku pada baris pertama dan kedua dalam pantun. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Orang Ligor menembak bangau lalu tembakan Orang Ligor terkena bangau jantan dan betina.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Orang Ligor menembak bangau.

FN

FK

- b) Tembakan Orang Ligor terkena bangau jantan.

FN

FK

- c) Tembakan Orang Ligor terkena bangau betina.

FN

FK


Binaan ayat ini dalam pantun terdiri daripada predikat sahaja. Binaan ayat ini terdiri daripada subjek frasa nama dan predikat frasa kerja. Struktur dalaman ayat ini adalah seperti yang berikut:

S-P: Orang Ligor menembak bangau kena sepasang jantan betina.

Dalam ayat ini, pengguguran kata hubung *lalu* dan *dan* berlaku kerana telah menjadi kelaziman kata hubung dalam pantun digugurkan. Penggunaan kata hubung *lalu* digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *menembak bangau* dan *terkena bangau jantan dan betina* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek kata nama dan kata hubung *lalu* serta *dan* frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Orang Ligor menembak bangau lalu terkena bangau jantan dan betina*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah

Rajah Pohon S-D

a)



Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek kata nama dan predikat frasa kerja. Subjek A₁ ialah *Orang Ligor* manakala predikatnya ialah *menembak bangau*. Binaan frasa kerja terdiri daripada kata kerja, iaitu *menembak* dan objek, iaitu *bangau*. A₁ dan A₂ dihubungkan dengan kata hubung gabungan *lalu*.


Binaan A₂ terhasil apabila ayat dasar yang terdiri daripada subjek kata nama, iaitu *tembakan* dan predikat frasa kerja, iaitu *terkena bangau jantan*. Binaan frasa predikat A₂ terdiri daripada kata kerja, iaitu *terkena* manakala objeknya ialah *bangau jantan*.

Pola A₃ dibina berdasarkan binaan subjek, iaitu frasa nama dan predikat, frasa kerja. Subjek A₃ sama dengan objek dalam A₂, iaitu *tembakan* manakala predikatnya

terkena bangau betina. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata hubung *dan* membentuk ayat majmuk gabungan yang bersifat setara. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Binaan A₂ dan A₃ hanya terdiri daripada unsur predikat sahaja. Kedua-dua ayat ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *tembakan* yang digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja, iaitu *terkena bangau jantan* dan *terkena bangau betina*. Binaan A₂ dan A₃ digabungkan dengan kehadiran kata hubung gabungan, iaitu *dan*.

Dalam binaan A₂ dan dan A₃, frasa nama *orang Ligor* berfungsi sebagai penerang. Dalam ayat ini, subjek A₂ adalah sama dengan subjek A₁. Oleh itu, penerang nama dalam A₂, iaitu *orang Ligor* digugurkan dalam A₂. Selain itu juga, frasa nama binaan A₂ dan frasa nama A₃, iaitu *tembakan orang Ligor* adalah sama. Dalam pantun ini, frasa nama dalam binaan A₃ digugurkan dan frasa nama dalam A₂ dikenalkan.

Dalam binaan A₂ dan A₃ penanda kata kerja aktif *teR-* pada kata kerja *terkena* juga mengalami peleburan seperti subjek ayat dan kata hubung. Dalam struktur permukaan, imbuhan awalan *teR-* dalam kata kerja *terkena* digugurkan dan membentuk

perkataan *kena*. Frasa yang terhasil pada struktur permukaan ialah *kena sepasang jantan betina*.

Dalam struktur dalaman berlaku proses pengguguran kata kerja, iaitu *terkena* dalam A₂ kerana frasa kerja dalam A₁ dan A₂ adalah sama. Binaan A₂ ini hanya terdiri daripada objek sahaja, iaitu *sepasang jantan betina*. Sekiranya frasa tersebut disusun semula setelah berlaku pengguguran kata kerja frasa ini akan terdiri daripada konstituen *terkena bangau jantan dan betina*.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam pantun ini, berlaku proses pengguguran kata hubung, subjek kata nama dan imbuhan *teR-* sebagai penanda pasif. Proses transformasi ini berlaku untuk menyedapkan pengucapan pantun dalam kalangan penutur.

3.2 Kesimpulan

Kerencaman binaan ayat yang yang terdapat dalam pantun Melayu merupakan satu keistimewaan bagi genre sastera tradisional ini. Binaan ayat majmuk lebih banyak digunakan dalam korpus, sama ada binaan ayat majmuk gabungan, pancangan, ataupun campuran. Namun demikian, ini tidak bermakna ayat tunggal tidak memainkan peranan penting dalam struktur binaan pantun. Binaan ayat tunggal merupakan binaan yang paling asas dalam sintaksis bahasa Melayu.

Kehadiran ayat majmuk yang dominan dalam sintaksis pantun Melayu bergantung pada ciri kepadatan suku kata pantun. Dalam setiap baris pantun hanya terdiri dari 8-12 suku kata dalam setiap rangkap. Keadaan ini berlaku kerana pantun Melayu mementingkan bilangan suku kata untuk mengambarkan keindahan pantun.

Analisis ayat majmuk gabungan yang terdapat dalam data kajian menunjukkan bahawa dalam pantun Melayu terdapat binaan ayat yang kompleks. Ayat-ayat majmuk

gabungan telah dikategorikan dalam tiga kategori, iaitu gabungan dengan susunan fakta berurutan, gabungan dengan susunan fakta bertentangan, dan deretan percantuman ayat majmuk yang bersifat setara. Ayat majmuk yang paling dominan ditemui ialah kategori ayat majmuk gabungan dengan susunan fakta berurutan. Ayat majmuk ini terbentuk dengan penggunaan kata hubung *dan*, *lalu*, *serta*, *sambil*. Namun demikian, penggunaan ayat majmuk gabungan dengan kata hubung gabungan *serta* tidak ditemui dalam data kajian.

Dalam analisis ayat majmuk gabungan, terdapat banyak proses transformasi yang berlaku seperti pengguguran, peluasan dan penyusunan semula. Berdasarkan data kajian, proses yang paling dominan berlaku ialah proses pengguguran dan penyusunan semula. Dalam penghasilan pantun, kehadiran kata hubung tidak dipentingkan tetapi sekadar menggunakan tanda baca atau suara sebagai penanda. Kebanyakan ayat majmuk gabungan dalam pantun tidak mengandungi kata hubung gabungan sebagai penanda ayat majmuk kerana berlaku proses pengguguran. Walaupun kebanyakan ayat majmuk gabungan dalam pantun tidak mempunyai kata hubung sebagai penanda gabungan, ayat jenis ini dapat dikenal pasti melalui frasa predikatnya. Sebagai anggota masyarakat yang sering menggunakan pantun, mereka akan memahami maksud yang ingin disampaikan oleh seseorang dalam pantun. Oleh itu, maksud bagi ayat yang ingin disampaikan masih boleh difahami.

Proses pengguguran imbuhan juga sering berlaku. Penanda awalan kata kerja seperti *meN-* dan penanda pasif *di-* dan *teR-* seringkali digugurkan dalam pantun. Keadan ini menyebabkan kata-kata tanpa imbuhan banyak digunakan dalam pantun, khususnya kata kerja. Dalam penghasilan pantun, sekiranya imbuhan dan kata hubung dimasukkan ke dalam binaan pantun, bilangan suku kata akan bertambah dan menjelaskan keindahan pantun.

Pengguguran juga berlaku pada subjek sebagai unsur konstituen yang sama dan digantikan dengan kata hubung gabungan. Selain itu, subjek dalam sesuatu baris juga boleh digugurkan sama sekali tetapi masih dapat difahami kerana rujukan boleh dilakukan dari ayat sebelum atau selepas ayat yang mengalami pengguguran tersebut. Perkara ini lazim berlaku dalam pantun Melayu kerana subjek ayat jarang dikemukakan, terutama subjek yang terdiri daripada kata ganti nama manusia seperti *saya*, *tuan*, *awak*, dan sebagainya..

Dalam korpus juga berlaku proses penyusunan semula, iaitu pendepan seluruh frasa predikat. Proses pendepan bertujuan untuk menekankan sesuatu unsur dalam ayat. Namun demikian, proses penyusunan semula ayat-ayat tidak membawa perubahan makna ayat.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam bab 3 ini, dapat disimpulkan proses transformasi yang berlaku dalam pantun tidak menjelaskan pemahaman pendengar pada makna pantun. Ini membuktikan bahawa pantun bukanlah satu genre yang melanggar hukum tatabahasa keseluruhannya. Proses transformasi dalam pantun berlaku kerana pengaruh bahasa lisan dalam komunikasi seharian masyarakat Melayu.

BAB 4

AYAT MAJMUK PANCANGAN DALAM PANTUN MELAYU

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan ayat majmuk pancangan dalam pantun Melayu. Perbincangan akan meliputi jenis-jenis ayat majmuk pancangan, iaitu pancangan relatif, pancangan komplemen, dan pancangan keterangan.

Ayat majmuk pancangan dibentuk melalui cantuman klausa yang tidak setara. Ini bermakna dalam ayat berkenaan terdapat satu klausa bebas atau ayat utama dan satu klausa tak bebas atau lebih. Ayat majmuk pancangan ialah binaan ayat yang terdiri daripada satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:504).

Dalam bahasa Melayu, ayat majmuk pancangan dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu ayat pancangan relatif, ayat pancangan komplemen, dan ayat pancangan keterangan. Ayat majmuk pancangan relatif ditandai dengan kata relatif *yang* manakala ayat majmuk pancangan komplemen menggunakan kata penanda komplemen seperti *bahawa* dan *untuk*. Ayat majmuk pancangan keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat, dan ditandai oleh beberapa kata hubung keterangan seperti *kerana*, *untuk*, *kalau*, *dengan*, *supaya*, *walau bagaimanapun* dan sebagainya. (*Ibid*, 2010: 504).

4.1 Ayat Majmuk Pancangan Relatif

Ayat majmuk pancangan relatif terdiri daripada satu klausa bebas atau ayat utama dan satu klausa terikat atau klausa kecil atau lebih. Dalam ayat ini, ayat kecil dipancangkan ke dalam subjek ayat utama atau predikat ayat utama dengan menggunakan kata hubung. Binaan ayat ini dapat digambarkan seperti yang berikut:

$$FN \longrightarrow KN (A_2)$$

Unsur wajib KN yang membentuk FN boleh diikuti oleh unsur pilihan A_2 , iaitu ayat pancangan yang akan mengalami T-relativisasi. Transformasi ini akan mencetuskan penerbitan kata relatif menggantikan FN dalam A_2 dan menukar A_2 menjadi ayat relatif (Hashim Musa, 1989:38).

Ayat relatif ialah ayat yang ditandai dengan penggunaan kata hubung relatif *yang* (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:505). Contohnya:

1. Saya membeli baju baharu yang berwarna merah.

Ayat contoh di atas sebenarnya terdiri daripada dua ayat, iaitu:

- a) Saya membeli baju itu.
- b) Baju itu berwarna merah.

Berdasarkan data yang terkumpul, penulis hanya dapat mengesan satu sampel ayat yang memperlihatkan pemancangan dalam satu ayat tunggal yang lain. Hal ini demikian kerana jarang ditemui penggunaan kata relatif *yang* dan biasanya kata relatif ini mengalami pengguguran. Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk pancangan dengan kata hubung *yang* adalah seperti pantun yang berikut:

722. Menimba berdebor-debor

Air ditimba di Kuala Kedah

Jangan abang cakap takbur

Unggas terbang dapat kugetah

Dalam pantun 772, penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dapat dikesan pada maksud pantun, iaitu dalam baris keempat. Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Unggas yang terbang dapat aku getah.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Unggas terbang.
FN FK


b) Unggas dapat kugetah.
FN FK

Berdasarkan pantun di atas, dalam baris keempat pantun ini terdapat penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dengan penggunaan kata relatif *yang* yang telah digugurkan. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami pengguguran adalah seperti yang berikut:

S-P: Unggas terbang dapat kugetah.

Ayat kedua merupakan ayat kecil yang dipancangkan dalam ayat induk dan kata pancangan relatif *yang* digunakan dalam ayat ini. Proses pemancangan menyebabkan berlaku pengguguran subjek ayat kedua. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola binaan A_1 dan A_2 ialah subjek dan predikat yang terdiri daripada binaan frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama A_1 ialah *unggas* manakala konstituen predikatnya ialah *terbang*. Frasa nama dalam subjek A_2 sama dengan frasa nama A_1 , iaitu *unggas*, manakala frasa kerja dalam A_2 ialah *dapat kugetah*.

Kedua-dua ayat tunggal ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *unggas* yang mempunyai dua frasa kerja *terbang* dan *kugetah*. Dalam pembentukan ayat pancangan relatif, subjek yang sama dalam ayat kecil digugurkan dan digantikan dengan kata pancangan relatif *yang*. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



A_2 merupakan ayat kecil dipancangkan dalam ayat induk, iaitu A_1 dan kata pancangan *yang* digunakan dalam ayat ini. Dalam pantun ini, A_1 *unggas terbang* dipancangkan ke dalam A_2 , iaitu *unggas dapat kugetah*. Oleh sebab frasa nama *unggas* diulang maka frasa nama A_2 yang sama digugurkan dan diganti dengan kata relatif *yang*. Dalam struktur permukaan pantun ini, pengguguran berlaku ke atas kata hubungan pancangan keterangan *yang*.

Binaan ayat dalam baris keempat pantun ini merupakan binaan ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama. Bagi bentuk ayat pasif ini, kata ganti nama diri diletakkan di hadapan kata kerja dasar. Hal ini demikian kerana KGN₁ dan KGN₂ tidak boleh menerima kata kerja dengan imbuhan pasif *di-*. KGN₁ dan KGN₂ yang hadir di hadapan kata kerja dasar boleh berbentuk kata penuh atau kata singkatan. Dalam ayat ini, kata ganti nama aku diringkaskan menjadi *-ku*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat ini merupakan ayat majmuk pancangan relatif dengan kata pancangan *yang*. Dalam ayat ini berlaku proses transformasi pengguguran, iaitu pengguguran kata hubung pancangan relatif *yang* dan subjek kata nama dalam ayat kedua, iaitu *unggas*. Transformasi relatif yang berlaku dalam ayat ini berfungsi sebagai penerang kepada frasa nama sahaja.

4.2 Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

Ayat komplemen bahasa Melayu diuraikan dalam bentuk rumus seperti yang berikut (Hashim Musa, 1989: 83)

$$\tilde{A} \longrightarrow (\text{komp}) A_2$$

Rumus ini menyatakan bahawa \tilde{A} yang berfungsi sebagai ayat komplemen terdiri daripada A_2 yang secara opsional didahului oleh kata komplemen. Ayat komplemen ini pula dipancangkan ke dalam FN atau FK ayat induk. Proses yang berlaku apabila penggabungan dua ayat ini dinamakan transformasi komplementasi.

Pembentukan ayat majmuk komplemen biasanya disertai penggunaan beberapa perkataan tertentu yang digunakan sebagai kata komplemen untuk menandakan hubungan ayat ini. Terdapat dua kata komplemen dalam bahasa Melayu, iaitu *untuk* dan *bahawa*. Kata komplemen *untuk* hanya hadir dalam subjek, manakala kata komplemen *bahawa* boleh hadir dalam subjek dan predikat (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:509). Perhatikan contoh di bawah ini.

1. Dia mengetahui *bahawa* Ahmad telah bersara.
2. *Untuk* dia lulus ujian itu amatlah senang.

Dalam bahasa Melayu terdapat dua struktur ayat komplemen, iaitu struktur ayat komplemen frasa nama dan struktur ayat komplemen frasa kerja. Walau bagaimanapun, dalam data kajian yang analisis hanya terdapat satu binaan ayat majmuk komplemen frasa kerja. Dalam pantun Melayu kehadiran ayat komplemen sukar dikesan kerana penanda komplemen seringkali digugurkan.

Berdasarkan data kajian yang dianalisis, hanya terdapat satu sampel ayat komplemen. Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk pancangan komplemen adalah seperti pantun yang berikut:

1157. Tinggi bukit gunung Mabambar

Tempat bilal menaikkan khatib

Petang semalam mendapat khabar

Gunung Rembau digonggong pipit

Dalam pantun ini, ayat ketiga dan keempat merupakan ayat majmuk pancangan komplemen. Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya mendapat khabar petang semalam bahawa pipit menggonggong Gunung Rembau.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Saya mendapat khabar petang semalam.

FK FK

- b) Gunung Rembau digonggong pipit.

FN FK


Ayat ini telah mengalami proses pengguguran penanda ayat majmuk pancangan komplemen, iaitu *bahawa*. Ayat ini pada struktur permukaan adalah seperti yang berikut:

S-P: Petang semalam mendapat khabar Gunung Rembau digonggong pipit.

Binaan ayat A_1 dan A_2 terdiri daripada subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Kedua-dua ayat ini merupakan ayat majmuk pancangan komplemen dengan unsur keterangan dan objek. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)



Pola A_1 berdasarkan binaan subjek dan predikat. Subjek A_1 ialah *saya* manakala predikatnya ialah *mendapat khabar petang semalam*. Frasa kerja dalam predikat ayat ini ialah *mendapat* dan objek, iaitu frasa nama, ialah *khabar*. Unsur keterangan, iaitu frasa sendi nama, hadir selepas kata kerja, iaitu *petang semalam*. Dalam struktur permukaan, subjek A_1 telah digugurkan.


Pola A_2 terdiri daripada binaan subjek, iaitu frasa nama, dan predikatnya pula frasa kerja. Subjek A_2 ialah *Gunung Rembau* manakala predikatnya kata kerja pasif

digonggong. Ayat ini merupakan ayat pasif yang diikuti objek, iaitu *pipit*. Kedua-dua ayat ini digabungkan dengan kata komplemen *bahawa* untuk membentuk ayat komplemen.

Dalam struktur permukaan juga berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama, iaitu *saya/anda* dalam A_1 . Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Binaan A_1 telah mengalami proses pendepanan sebahagian predikat. Proses pendepanan yang berlaku ialah pendepanan unsur keterangan, iaitu *petang semalam*. Dalam struktur dalaman, unsur keterangan *petang semalam* berada dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan. Apabila dua frasa ini disusun semula, frasa ini akan menjadi *saya mendapat khabar petang semalam*.

Berdasarkan dua ayat di atas, A_1 merupakan ayat induk dan A_2 merupakan ayat kecil yang akan dipancangkan ke dalam ayat induk melalui proses komplementasi. Dalam struktur permukaan, kata komplemen *bahawa* yang menggabungkan ayat induk dan ayat kecil ini digugurkan.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam pantun ini, ayat ini merupakan ayat komplemen yang mengandungi kata hubung komplemen *bahawa*. Walau bagaimanapun, kata komplemen ini digugurkan dalam struktur permukaan. Dalam bahasa Melayu, pengguguran ini dibenarkan sekiranya tidak menjelaskan makna ayat.

4.3 Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Ayat majmuk keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Keterangan itu berfungsi memberi penjelasan lanjut kepada predikat ayat induk. Kedudukan ayat keterangan dalam ayat tidak tetap, unsur keterangan boleh hadir di belakang atau di hadapan ayat induk (Ibid, 2010:514).

Ayat keterangan bahasa Melayu diuraikan dalam bentuk rumus seperti yang berikut (Hashim Musa, 1989: 32).

$$\text{KET} \longrightarrow \text{Hubung Panc } A_2$$

Rumus ini menyatakan bahawa unsur klausa keterangan (KET) boleh dibentuk oleh dua unsur, iaitu kata hubungan pancangan (Hubung Panc) dan A_2 , iaitu ayat pancangan. Klausa keterangan merupakan unsur yang menerangkan seluruh predikat, iaitu predikat-predikatnya FN, FA, FS dan FK, dan KET mengandungi ayat pancangan (A_2) yang dipancangkan ke dalam ayat induk melalui penggunaan kata hubung pancangan. Ayat besar yang berhasil ialah ayat majmuk pancangan keterangan (Ibid, 1989:32).

Terdapat pelbagai jenis keterangan dalam bahasa Melayu, bergantung pada jenis kata hubung yang digunakan dan maksud yang terkandung di dalamnya. Menurut Nik Safiah *et al.*, dalam bahasa Melayu terdapat sembilan jenis keterangan, iaitu *musabab*, *akibat*, *syarat*, *waktu*, *pertentangan*, *harapan*, *cara*, *tujuan*, dan *perbandingan*

(2010:514). Walau bagaimanapun, berdasarkan pantun yang dianalisis, hanya terdapat lima jenis keterangan sahaja iaitu, *musabab, syarat, tujuan, harapan dan waktu*.

4.3.1 Ayat Majmuk Keterangan Musabab

Keterangan musabab ialah unsur yang menerangkan sebab berlaku sesuatu kejadian atau perbuatan. Kata hubung keterangan musabab adalah seperti *kerana, lantaran, dan oleh sebab* (Ibid, 2010:515). Contohnya:

1. Saya tidak dapat hadir *kerana saya kurang sihat*.
2. Mereka tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan *sebab mereka dating lambat*.

Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk keterangan musabab adalah seperti pantun yang berikut:

487. Pecah pukat dilanggar ikan

Ikan bernama si jarang gigi
Hilang buntat, berganti intan
Intan bernama payung negeri

Dalam pantun 487, penggunaan ayat majmuk keterangan musabab dapat dikesan pada pembayang pantun, iaitu dalam baris pertama. Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Pukat pecah kerana dilanggar ikan.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Pukat pecah.
 FN FK
- b) Pukat dilanggar ikan.
 FN FK


Ayat ini terbentuk daripada pola ayat FN + FK dengan subjeknya terdiri daripada FN, iaitu *pukat*. Predikat ayat ini ialah FK, iaitu *pecah*. Ayat pertama pantun ini mengalami penyongsangan seluruh frasa kerja predikat *pecah* yang diletakkan pada subjek ayat. Apabila disusun semula, dua frasa ini akan menjadi *pukat pecah*.

Struktur dalaman ayat ini telah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Pecah pukat dilanggar ikan.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola binaan A₁ ialah subjek dan predikat yang terdiri daripada binaan frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama ayat ini ialah *pukat* manakala konstituen predikatnya ialah *pecah*. Pola A₂ terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya terdiri daripada frasa kerja. Frasa nama dalam subjek A₂ sama dengan A₁, iaitu *pukat* manakala frasa kerja dalam A₂ ialah kata kerja pasif *dilanggar*. Oleh sebab frasa nama A₁ sama dengan frasa nama A₂, maka frasa nama A₂ digugurkan. Binaan A₁ merupakan ayat songsang manakala A₂ merupakan ayat pasif.

Dalam struktur dalaman, frasa kerja *pecah* terletak dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, binaan A₁ merupakan binaan ayat songsang, iaitu frasa kerja dibawa ke hadapan ayat. Dalam struktur dalaman, berlaku proses pengguguran subjek A₂, iaitu *pukat* kerana frasa nama dalam A₁ dan A₂ adalah sama.

Binaan ayat ini telah mengalami proses pendepanan frasa predikat, iaitu *pecah*. Proses pendepanan yang berlaku ialah pendepanan seluruh frasa predikat, iaitu frasa kerja. Proses pendepanan yang berlaku adalah bertujuan untuk memberi penekanan kepada kata kerja.

Pada S-P berlaku proses transformasi pengguguran kata hubung keterangan musabab. Kata hubung keterangan musabab *kerana* yang sepatutnya digunakan dalam ayat ini telah digugurkan

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat majmuk gabungan dalam pantun di atas telah mengalami proses pengguguran kata hubung keterangan dan proses

pendepan seluruh frasa kerja predikat. Walaupun binaan ayat ini mengalami proses transformasi, tetapi masih boleh difahami oleh anggota masyarakat yang sering menggunakan pantun.

Dalam pantun kedua pula penggunaan kata keterangan *kerana* dapat dilihat pada contoh ayat dalam pantun di bawah:

612. Buah berembang masak ranum

Masak diperam dalam gua

Kumbang lalu bunga tersenyum

Belalang seekor tumpang ketawa

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Buah berembang masak ranum kerana diperam di dalam gua.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Buah berembang masak ranum.
FN FK


b) Buah berembang diperam di dalam gua.
FN FK

Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Buah berembang masak ranum, masak diperam dalam gua.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A₁ dan A₂ terdiri daripada binaan subjek dan predikat. Subjek dalam kedua-dua ayat ini terdiri daripada frasa nama, iaitu *buah berembang* manakala predikatnya ialah frasa kerja. Predikat A₁ terdiri daripada frasa adjektif, iaitu *masak ranum* manakala predikat A₂ terdiri daripada frasa kerja, iaitu *diperam*. Unsur keterangan *di dalam gua* juga hadir dalam A₂ binaan pantun ini.

Dalam struktur dalaman berlaku proses pengguguran subjek kata nama, iaitu *buah berembang* dalam A₂ kerana frasa nama dalam A₁ dan A₂ adalah sama. Sekiranya frasa tersebut disusun semula setelah berlaku pengguguran frasa nama, frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Buah berembang masak ranum kerana diperam di dalam gua*.

Selain itu, penanda kata hubung keterangan musabab dalam pantun telah digugurkan. Pengguguran ini berlaku kerana pembaca telah sedia maklum akan maksud pantun walaupun tanpa penggunaan kata hubung. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Binaan A_1 dan A_2 terdiri binaan subjek dan predikat. Kedua-dua ayat ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *buah berembang*. Subjek dalam A_2 digugurkan untuk membentuk dua frasa, iaitu *masak ranum* dan *diperam di dalam gua*. Binaan A_1 dan A_2 digabungkan dengan kehadiran kata hubung keterangan musabab, iaitu *kerana*.

Binaan A_1 merupakan ayat aktif manakala binaan A_2 merupakan ayat pasif. Binaan A_2 merupakan ayat pasif yang kata kerjanya mengandungi imbuhan kata kerja pasif *di-*, iaitu *diperam*. Selain itu juga, kata sendi nama *di-* telah digugurkan pada struktur permukaan.

Kata hubung keterangan musabab *kerana* yang digunakan dalam pantun telah mengalami proses pengguguran. Pengguguran ini berlaku kerana maksud ayat dalam pantun telah difahami. Keadaan ini memperlihatkan kecekapan penutur menyampaikan mesej tanpa mencacatkan struktur sintaksis dalam pantun.

4.3.2 Ayat Majmuk Keterangan Tujuan

Keterangan tujuan ialah unsur yang menerangkan maksud bagi sesuatu perbuatan atau kejadian. Kata hubung keterangan tujuan adalah seperti *untuk*, *demi* dan *bagi* (Ibid, 2010:518). Contohnya:

1. Para pemimpin menyusun rancangan ekonomi *untuk meningkatkan taraf hidup rakyat*.
2. *Demi menyatukan rakyat yang berbilang kaum*, sebuah jabatan khusus telah ditubuhkan.

Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk keterangan tujuan adalah seperti pantun yang berikut:

78. **Tiup api panggang tilan**

Anak raja pulang menjala
Hidup mati di tangan tuan
Adik tidak banyak bicara

Ayat dalam baris pertama merupakan ayat majmuk keterangan tujuan yang telah mengalami beberapa proses pengguguran. Dalam pembayang maksud ini, struktur binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Tuan meniup api untuk memanggang tilan.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Tuan meniup api.

FN FK

b) Tuan memanggang tilan.

FN FK

Ayat pertama dalam pembayang pantun, iaitu *tiup api panggang tilan* merupakan ayat majmuk keterangan tujuan. Binaan ayat ini terdiri daripada subjek frasa nama, iaitu


tuan/anda manakala predikatnya ialah frasa kerja. Predikat ayat ini terdiri daripada dua frasa kerja, iaitu *tiup api* sebagai FK_1 dan *panggang tilan* sebagai FK_2 . Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Tiup api panggang tilan.

Dalam struktur permukaan, subjek kata ganti nama mengalami peleburan. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh sahaja diletakkan mana-mana kata ganti nama diri seperti *saya, aku, anda, tuan*, dan sebagainya.

Dalam ayat ini berlaku pengguguran kata hubung keterangan tujuan pada baris pertama ayat dalam pantun. Penggunaan kata keterangan *untuk* telah digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *meniup api* dan *memanggang tilan* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek FN frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Tuan meniup api untuk memanggang tilan*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A_1 dan A_2 terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Binaan A_1 dan A_2 mengandung kata kerja yang telah digugurkan

imbuhannya. Dalam A₁ apabila imbuhan aktif *meN-* dicantumkan dengan kata dasar *tiup*, ayat yang dihasilkan ialah *Tuan meniup api*. Kata nama *api* dalam ayat ini berfungsi sebagai objek yang hadir selepas kata kerja transitif aktif.

Binaan A₂ terhasil dengan binaan subjek frasa nama, iaitu *tuan* manakala binaan frasa predikat A₂ terdiri daripada kata kerja, iaitu *memanggang tilan*. Frasa nama yang terdapat dalam frasa predikat, iaitu *tilan* berfungsi sebagai objek. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, subjek A₁ dan A₂, iaitu *tuan* digugurkan. Kedua-dua ayat terhasil daripada predikat ayat sahaja yang terdiri daripada frasa kerja. Dalam A₁, predikat ayat terdiri daripada frasa kerja *tiup* dan objek kata nama, iaitu *api*. Dalam A₂ predikat ayat juga terdiri daripada binaan frasa kerja dan objek frasa nama, iaitu *tilan*.

Dalam kedua-dua ayat ini, kata hubung keterangan tujuan *untuk* yang menggabungkan kedua-dua ayat ini digugurkan. Selain itu, penanda kata kerja aktif *meN-* dalam kata kerja *meniup* dan *memanggang* juga telah mengalami pengguguran.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat ini merupakan ayat majmuk keterangan tujuan yang menggunakan kata hubung *untuk*. Dalam ayat ini berlaku proses transformasi pengguguran kata tujuan *untuk* dan subjek kata ganti nama, iaitu *tuan*. Walaupun ayat ini mengalami proses transformasi namun dalam S-D, ayat ini selaras dengan pola ayat dasar bahasa Melayu.

Terdapat juga penggunaan kata keterangan tujuan *untuk* dalam contoh ayat pantun di bawah. Ayat majmuk gabungan terdapat dalam kedua-dua baris pantun seperti contoh di bawah:

1115. Pergi ke pantai kutip belangkas

Tambat kerbau di pohon belimbing

Hidup di dunia tiada berbingkas

Kalau bertunas diragut kambing

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Tuan pergi ke pantai untuk mengutip belangkas.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Tuan pergi ke pantai.

FN FK

b) Tuan mengutip belangkas.

FN FK

Dalam baris ketiga subjek kata ganti nama telah mengalami proses pengguguran.

Kedua-dua ayat tunggal ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *anda/tuan* yang telah


digugurkan. Dalam pembentukan ayat majmuk, subjek ayat yang sama akan digugurkan dan digantikan dengan kata hubung keterangan. Walau bagaimanapun, dalam pantun ini kata hubung keterangan juga telah mengalami pengguguran. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Pergi ke pantai kutip belangkas.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D


a)



Binaan A_1 dan A_2 dibina berdasarkan binaan subjek frasa nama dan predikat frasa kerja. Frasa nama A_1 ialah *tuan* manakala frasa kerja ialah *pergi ke pantai*. Frasa sendi nama, iaitu ke pantai merupakan keterangan dalam A_2 . Binaan A_2 merupakan ayat aktif transitif dengan kata kerja aktif, iaitu *mengutip*. Ayat aktif ini mempunyai objek yang terdiri daripada frasa nama, iaitu *belangkas* yang hadir selepas kata kerja.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



Binaan A_1 dan A_2 hanya terdiri daripada unsur predikat sahaja. Kedua-dua ayat ini mempunyai subjek yang sama, iaitu *anda/tuan* yang digugurkan untuk membentuk dua frasa kerja, iaitu *pergi ke pantai* dan *mengutip belangkas*. Binaan A_1 dan A_2 digabungkan dengan kehadiran kata hubung keterangan tujuan, iaitu *untuk*.

Dalam struktur permukaan A_2 , penanda kata kerja aktif *meN-* dalam kata kerja *kutip* mengalami peleburan seperti subjek ayat dan kata hubung. Dalam ayat ini, imbuhan awalan *meN-* dalam kata kerja *mengutip* digugurkan menjadi *kutip*.

Kata hubung keterangan tujuan *untuk* yang digunakan dalam pantun telah mengalami proses pengguguran. Pengguguran ini berlaku kerana maksud ayat dalam pantun telah difahami. Keadaan ini memperlihatkan kecekapan penutur menyampaikan mesej tanpa mencacatkan struktur sintaksis dalam pantun.

Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam baris ketiga pantun, berlaku proses pengguguran subjek kata ganti nama, kata hubung keterangan, dan penanda awalan kata kerja. Walaupun binaan pantun di atas melanggar peraturan tatatabahasa bahasa

Melayu, tetapi boleh diberikan kelonggaran demi mempertahankan keindahan pantun (Nik Safiah Karim, 1998:360).

4.3.3 Ayat Majmuk Keterangan Syarat

Keterangan syarat ialah unsur yang menerangkan tuntutan yang mesti dipenuhi. Kata hubung keterangan syarat adalah seperti *sekiranya*, *andai kata*, *jikalau*, *jika* dan *kalau*. (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:516). Contohnya:

1. *Sekiranya saya lulus peperiksaan ini*, saya akan berpuasa sepuluh hari.
2. Ali akan ikut serta rombongan itu *kalau ayah membenarkannya*.

Antara contoh pantun yang menggunakan ayat majmuk keterangan syarat adalah seperti pantun yang berikut:

304. Makan berulam pucuk medang
Ulam mari pagi hari
Kalau tiada buaya gedang
Hampir pengkalan saya mandi

Dalam pantun di atas, proses transformasi berlaku pada maksud pantun dalam pantun di atas. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya mandi hampir di pengkalan kalau buaya gedang tiada.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- | | |
|-----------------|----------------------------|
| a) Saya | mandi hampir di pengkalan. |
| FN | FK |
| b) Buaya gedang | tiada. |
| FN | FK |

Pantun di atas menggunakan kata hubung keterangan syarat, iaitu *kalau* sebagai penanda ayat majmuk ini. Penanda ini paling popular dalam kalangan masyarakat


Melayu sebagai keterangan syarat walaupun terdapat kata-kata lain sebagai penanda ayat majmuk ini (Ab. Razak Ab. Karim, 2011:13).

Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Kalau tiada buaya gedang hampir pengkalan saya mandi.

Dalam ayat ini, ayat pertama merupakan ayat induk dan ayat kedua merupakan ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat pertama. Semasa pemancangan, berlaku beberapa proses transformasi dalam pantun tersebut. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:


Rajah Pohon S-D



Dalam pantun ini, A₁ terbina dengan subjek dan predikat, iaitu subjek *saya* manakala predikatnya *mandi hampir di pengkalan*. Frasa *hampir di pengkalan* merupakan unsur keterangan dalam ayat ini. A₂ terhasil daripada subjek frasa nama *buaya* dan predikat kata kerja *tiada*.

Dalam struktur dalaman, unsur keterangan *hampir di pengkalan* dalam frasa predikat, iaitu selepas frasa kerja tetapi dalam struktur luaran frasa ini disongsangkan ke hadapan. Frasa *hampir di pengkalan* *saya mandi* telah disongsangan dengan unsur keterangan berada di hadapan ayat. Tujuannya adalah untuk memberikan penegasan.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Dalam ayat ini, ayat pertama *saya mandi hampir ke pengkalan* merupakan ayat induk dan ayat kedua *kalau buaya gedang tiada* merupakan ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat pertama. Dalam struktur permukaan, proses penyusunan semula melalui ayat songsang berlaku pada baris pertama dan kedua pantun. Dalam pantun ini, telah berlaku pendepenan unsur keterangan, iaitu *kalau tiada buaya gedang* yang hadir di hadapan ayat induk *hampir pengkalan saya mandi*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat majmuk gabungan dalam pantun di atas telah mengalami proses pengguguran kata hubung dan proses pendepenan seluruh frasa kerja predikat. Selain itu juga, berlaku proses peluasan melalui ayat songsang dalam pantun ini.

Penggunaan kata keterangan syarat *kalau* juga terdapat dalam contoh pantun di bawah:

455. **Kalau roboh kota Melaka**

Papan Jawa saya dirikan

Kalau sungguh bagai di kata

Nyawa di badan saya serahkan

Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Kota Melaka saya dirikan dengan papan Jawa kalau kota Melaka roboh.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Kota Melaka saya dirikan dengan papan Jawa.

FN FK

- b) Kota Melaka roboh.

FN FK


Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Kalau roboh kota Melaka papan Jawa saya dirikan.

Berdasarkan pantun di atas, terdapat beberapa proses transformasi yang berlaku. Dalam struktur permukaan, subjek dan penanda kata kerja pasif dalam A₁ telah digugurkan.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola binaan A₁ ialah subjek dan predikat yang terdiri daripada binaan frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama ayat ini ialah *kota Melaka* manakala konstituen predikatnya ialah *saya dirikan dengan papan Jawa*. Pola A₂ terdiri daripada binaan

subjek frasa nama manakala predikatnya terdiri daripada frasa kerja. Frasa nama dalam subjek A₂ ialah *kota Melaka* manakala frasa kerja dalam A₂ ialah *roboh*.

Berdasarkan contoh pantun ini didapati bahawa subjek dalam A₁, iaitu *kota Melaka* telah digugurkan. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, binaan A₁ merupakan binaan ayat pasif dan A₂ merupakan binaan ayat songsang. Binaan A₁ merupakan binaan ayat pasif dengan kata ganti diri orang pertama dan kedua. Dalam A₁, kata ganti diri pertama, iaitu *saya* diletakkan di hadapan kata kerja dasar *dirikan*. Binaan A₂ merupakan binaan ayat songsang, iaitu pendepanan seluruh predikat.

Dalam struktur dalaman A₁, keterangan cara *dengan papan Jawa* sepatutnya hadir di belakang ayat induk. Dalam ayat ini, unsur keterangan tersebut hendak difokuskan, dan berlaku proses penyusunan semula. Unsur keterangan ini diletakkan di hadapan ayat menjadi *dengan papan Jawa saya dirikan*. Namun demikian, kata hubung keterangan *dengan* telah digugurkan dalam pantun ini. Dalam baris ini terdapat juga

pengguguran subjek ayat dan subjek ini telah dinyatakan dalam baris pertama pantun, iaitu *kota Melaka*.

Dalam struktur dalaman A₂, frasa kerja *roboh* terletak dalam frasa predikat tetapi dalam struktur permukaan frasa ini disongsangkan ke hadapan dan berfungsi sebagai subjek. Binaan ayat ini telah mengalami proses pendepanan frasa predikat, iaitu *roboh*. Proses pendepanan yang berlaku ialah pendepanan seluruh frasa predikat, iaitu frasa kerja dan pendepanan unsur keterangan. Proses pendepanan yang berlaku bertujuan untuk memberi penekanan pada kata *roboh* dalam bentuk bahasa lisan.

Dalam pantun 455, baris kedua dalam pembayang maksud mengalami pengguguran imbuhan kata kerjanya. Dalam baris kedua, kata *dirikan* sepatutnya menjadi *mendirikan* apabila awalan *meN-* dicantumkan pada kata dasar tersebut. Apabila kata dasar yang diberi imbuhan dan juga objek ayat ini dimasukkan, akan terhasilah ayat *Saya mendirikan Kota Melaka dengan papan Jawa*. Frasa *dengan papan Jawa* berfungsi sebagai keterangan dalam ayat tersebut.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat majmuk keterangan dalam pantun di atas telah mengalami proses pengguguran subjek dalam A₁, pengguguran kata keterangan, dan proses pendepanan seluruh frasa kerja predikat. Walaupun binaan ayat ini mengalami proses transformasi, tetapi masih boleh difahami oleh anggota masyarakat yang sering menggunakan pantun.

Pantun 448 merupakan satu contoh penggunaan ayat majmuk keterangan syarat. Penggunaan deretan ayat majmuk ini boleh dilihat pada bahagian maksud pantun di bawah.

488. Tinggi bukit Gunung Mak Buah

Keduduk tidak berbunga lagi

Sudah dapat gading bertuah

Tanduk tidak berguna lagi

Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Tanduk tidak berguna lagi apabila tuan sudah mendapat gading bertuah.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:


- a) Tanduk tidak berguna lagi.
FN FK

b) Tuan sudah mendapat gading bertuah.
FN FK

Berdasarkan pantun di atas, baris ketiga dan keempat pantun ini terdapat penggunaan ayat majmuk keterangan syarat, yang subjek ayat mengalami pengguguran. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh sahaja diletakkan sebarang kata ganti nama diri seperti *saya, aku, anda, tuan* dan sebagainya. Dalam pantun ini, kata ganti nama *tuan* lebih sesuai digunakan berdasarkan konteks ayat. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Sudah dapat gading bertuah tanduk tidak berguna lagi.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:




Dalam pantun 488, baris pertama dan kedua pembayang maksud pantun menunjukkan ayat-ayat yang terdiri daripada dua klausa. Binaan A_1 dan A_2 terdiri daripada frasa nama sebagai subjek manakala frasa kerja sebagai predikat.

Binaan A_1 terdiri daripada subjek *tanduk* manakala predikatnya *tidak berguna lagi*. Kata *tidak* merupakan kata nafi yang digunakan untuk menafikan sesuatu manakala kata *lagi* merupakan kata penguat belakang.

A_2 dalam pantun merupakan ayat aktif transitif. Ayat ini mengandungi kata kerja transitif, iaitu *mendapat* yang diikuti oleh frasa nama sebagai objek. Dalam A_2 subjek ayat ialah *tuan* manakala predikatnya ialah *sudah mendapat gading bertuah*. Perkataan *sudah* yang hadir sebelum kata kerja merupakan kata bantu aspek yang merujuk perbuatan yang telah dilakukan.

Apabila kedua-dua ayat ini bergabung akan berlaku proses pemancangan dan kata hubung keterangan *apabila* digunakan sebagai pancangan dalam ayat majmuk ini. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P



A_1 merupakan ayat induk manakala A_2 merupakan ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat induk. Dalam struktur dalaman, A_2 yang dipancangkan itu telah mengalami transformasi pengguguran FN Subjek. Subjek ganti nama diri pertama seperti *aku, saya, tuan* dan seumpamanya digugurkan.

Penanda awalan kata kerja *meN-* yang hadir pada kata kerja *mendapat* dalam A_2 mengalami peleburan. Selain itu, kata keterangan *apabila* yang digunakan dalam menggabungkan ayat induk dan ayat kecil telah digugurkan.

Proses transformasi yang berlaku dalam ayat ini hampir sama seperti ayat dalam pantun 455, iaitu pengguguran subjek frasa nama dan kata keterangan. Kata keterangan yang digunakan, iaitu *apabila* juga digugurkan.

4.3.4 Ayat Majmuk Keterangan Harapan

Keterangan harapan ialah unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati. Kata hubung keterangan harapan adalah seperti *supaya, agar, semoga, mogamoga*, dan *kalau-kalau* (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:517). Contohnya:

1. Kita mesti bertolak ansur *agar semua pihak berpuas hati*.
2. *Supaya suasana menjadi aman damai*, mereka semua bersetuju dengan cadangan pemimpin muda itu.

Berdasarkan data kajian hanya satu contoh pantun menggunakan kata keterangan ini. Antara contoh pantun yang menggunakan kata hubung keterangan harapan *supaya* ialah:

1144. **Bentang tikar lebar-lebar**

Supaya senang tidur merampai

Kalau tuan bersawah lebar

Carikan abang emping bertangkai

Dalam pantun di atas, proses transformasi berlaku pada pembayang maksud pantun. Struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Tuan membentang tikar lebar-lebar supaya senang tidur merampai.

Ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Tuan membentang tikar lebar-lebar.

FN FK

- b) Tuan senang tidur merampai.


FN FK

Ayat di atas mempunyai keterangan yang terdiri daripada kata hubung *supaya* yang diikuti oleh A₂. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Bentang tikar lebar-lebar supaya tuan senang tidur merampai.

Apabila kedua-dua ayat ini bergabung akan berlaku proses pancangan dan kata keterangan harapan *supaya* digunakan sebagai kata pancangan dalam ayat majmuk ini. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D



Pola A₁ terdiri daripada binaan subjek dan predikat, iaitu frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama ayat ini ialah *tuan* manakala konstituen predikatnya ialah *membentang tikar lebar-lebar*. Binaan predikat terdiri daripada kata kerja, iaitu *membentang* dan objek *tikar*.


Pola A₂ juga terdiri daripada binaan subjek frasa nama manakala predikatnya frasa kerja. Frasa nama dalam subjek A₂ sama dengan A₂, iaitu *tuan* manakala frasa kerja dalam A₂ ialah *senang tidur merampai*. Binaan frasa predikat terdiri daripada kata kerja tak transitif yang diikuti oleh unsur keterangan, iaitu *tidur merampai*. Frasa *senang* dalam ayat ini membawa maksud *mudah*.

Dalam pantun ini, kata hubung keterangan supaya yang menggabungkan A₁ dan A₂ wujud dalam struktur permukaan. Kehadiran kata hubung dalam pantun jarang berlaku kerana kebiasaanya kata hubung akan digugurkan. Kehadiran kata hubung *supaya* membolehkan keterangan dalam kecil menimbulkan maksud harapan kepada predikat ayat induk. Keterangan tersebut menerangkan perbuatan membentang tikar lebar-lebar agar senang tidur merampai.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, subjek A_1 dan subjek A_2 , iaitu *tuan* telah digugurkan. Kedua-dua ayat terhasil daripada predikat ayat sahaja yang terdiri daripada frasa kerja dengan unsur keterangan.

Dalam binaan A_2 penanda kata kerja aktif *meN-* pada kata kerja *bentang* mengalami peleburan seperti subjek ayat dan kata hubung. Dalam struktur permukaan, imbuhan awalan *meN-* dalam kata kerja *membentang* digugurkan dan hanya wujud kata dasar *bentang* sahaja. Frasa yang terhasil pada struktur permukaan ialah *bentang tikar lebar-lebar*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ayat ini merupakan ayat majmuk keterangan harapan. Ayat ini menunjukkan bahawa hanya predikat ayat sahaja yang dikenalkan manakala subjek tidak dipentingkan kerana telah digugurkan.

4.3.5 Ayat Majmuk Keterangan Waktu

Keterangan waktu ialah unsur yang menerangkan masa sesuatu perbuatan atau kejadian. Kata hubung keterangan waktu adalah seperti *sejak*, *semenjak*, *setelah*, *sementara*, *tatkala*, dan *ketika* (Ibid, 2010:516). Contohnya:

1. Polis segera tiba *setelah mendapat maklumat tentang pergaduhan itu.*
2. *Sementara menanti padi masak*, petani itu menanam jagung.

Berdasarkan data kajian hanya satu contoh pantun menggunakan kata keterangan ini. Antara contoh pantun yang menggunakan kata hubung keterangan waktu *sewaktu* ialah:

380. Hujan turun renyai-renyai

Berteduh di bawah perahu

Panggil abang di dalam serunai

Panggil mulut orang kan tahu

Dalam pantun 380 ayat majmuk keterangan ialah *hujan turun renyai-renyai berteduh di bawah perahu* yang binaan struktur dalamannya adalah seperti ayat yang berikut:

S-D: Saya berteduh di bawah perahu sewaktu hujan turun renyai-renyai.

Ayat ini terbina daripada dua ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Saya berteduh di bawah perahu.

FN FK

b) Hujan turun renyai-renyai.


FN FK

Binaan A₁ dan A₂ terdiri daripada subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Dalam struktur permukaan, subjek kata ganti nama A₁ mengalami peleburan. Oleh yang demikian, subjek ayat boleh sahaja diletakkan mana-mana kata ganti nama diri seperti *saya*, *aku*, *anda*, dan sebagainya. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Hujan turun renyai-renyai berteduh di bawah perahu.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A₁ dibentuk berdasarkan binaan subjek kata nama dan predikat frasa kerja. Subjek A₁ ialah *saya* manakala predikatnya ialah *berteduh di bawah perahu*. Binaan frasa kerja terdiri daripada kata kerja iaitu, *berteduh* dan unsur keterangan *di bawah perahu*. A₁ dan A₂ dihubungkan dengan kata hubung gabungan keterangan waktu *sewaktu*. Dalam A₁ berlaku pengguguran subjek kata ganti nama.

Binaan A₂ terhasil daripada subjek kata nama, iaitu *hujan* dan predikat frasa kerja, iaitu *turun renyai-renyai*. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam ayat ini, pengguguran kata hubung keterangan *sewaktu* berlaku kerana telah menjadi kelaziman kata hubung dalam pantun digugurkan. Penggunaan kata hubung *sewaktu* digugurkan apabila gabungan dua frasa kerja *berteduh di bawah perahu* dan *turun renyai-renyai* berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek kata nama dalam A₁ dan kata keterangan frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Sewaktu hujan turun renyai-renyai saya berteduh di bawah perahu*.

Dalam ayat ini berlaku proses penyusunan semula. Ayat *sewaktu hujan turun renyai-renyai saya berteduh di bawah perahu* merupakan binaan ayat songsang yang keterangan waktu mengalami penyongsangan di hadapan ayat induk.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dalam pantun ini, berlaku proses pengguguran kata hubung keterangan dan subjek kata nama. Selain itu, dalam ayat ini juga berlaku proses penyusunan semula melalui penyongsangan. Proses transformasi ini berlaku apabila keterangan hendak difokuskan.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap pantun-pantun yang terdapat dalam bab ini, jelas terdapat pantun yang dibina berdasarkan ayat majmuk pancangan. Binaan ayat majmuk pancangan yang digunakan ialah ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen, dan ayat majmuk keterangan. Kesemua jenis ayat ini telah mengalami proses transformasi, iaitu pengguguran, penyusunan semula, dan peluasan ayat.

Transformasi pengguguran merupakan proses yang paling dominan yang berlaku dalam penerbitan ayat majmuk pancangan. Pencipta atau penutur pantun bijak mengehadkan bilangan suku kata supaya unsur rentak dan irama wujud dalam pantun. Proses pengguguran yang digunakan memperlihatkan kesamaan dari segi pengguguran kata hubung yang berlaku dalam ayat majmuk gabungan seperti yang telah dibincangkan dalam bab 3.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, tidak semua ketiga-tiga jenis proses pengguguran dalam bahasa Melayu ditemui. Proses pengguguran yang dominan berlaku dalam pantun ialah pengguguran subjek kata ganti nama diri orang kedua, iaitu melibatkan pengguguran subjek kata ganti nama yang serupa dalam ayat majmuk seperti *saya, aku, tuan* dan sebagainya. Selain itu, pengguguran kata ganti nama kedua dalam ayat perintah yang berfungsi sebagai subjek lazimnya juga akan digugurkan.

Proses pengguguran seterusnya ialah pengguguran frasa bahagian-bahagian predikat predikat seperti frasa kerja, frasa nama, frasa adjektif, dan frasa sendi nama. Proses pengguguran yang berlaku jelas menunjukkan bahawa kehadiran subjek dan predikat yang sama dalam pantun digugurkan. Dalam analisis, tidak ditemui proses

pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif dan pengguguran kata nama yang berfungsi sebagai inti dalam frasa nama.

Pemantun juga menggunakan proses penerbitan ayat melalui proses penyusunan semula. Melalui proses ini, bentuk perkataan dalam bentuk asal diubah susunannya dan diterbitkan semula dalam bentuk ayat yang baharu. Namun demikian, proses penyusunan semula ayat-ayat ini tidak membawa perubahan makna ayat. Dalam analisis ini, ditemui ketiga-tiga proses penyusunan semula, iaitu penyusunan semula frasa nama sebagai subjek, penyusunan semula melalui ayat songsang, dan penyusunan semula frasa nama sebagai objek.

Selain kedua-dua proses transformasi diatas, dikenal pasti juga contoh pantun yang mengalami proses peluasan. Proses peluasan ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pembentukan ayat majmuk kerana proses ini paling banyak ditemui dalam data yang dianalisis. Proses peluasan yang terdapat dalam pantun ialah peluasan frasa nama sebagai subjek, peluasan frasa predikat, peluasan dengan kata hubung, dan peluasan melalui proses komplementasi.

Proses peluasan yang paling dominan dalam pembentukan ayat majmuk pancangan ini ialah peluasan kata hubung kerana terdapat banyak contoh pantun yang mengalami pengguguran kata hubung keterangan. Kata hubung keterangan ini digunakan bagi menggabungkan dua ayat atau lebih untuk menghasilkan ayat terbitan yang bersifat peluasan. Proses ini berlaku kerana sifat pantun yang mengehadkan bilangan suku kata dan mementingkan nilai estetika dalam pengucapannya. Berdasarkan data, hanya terdapat satu contoh pantun yang mengalami proses peluasan komplementasi dan peluasan frasa nama sebagai subjek melalui proses relativasi. Walau bagaimanapun, tidak terdapat proses peluasan frasa predikat.

Berdasarkan data juga, ayat majmuk pancangan yang paling dominan ditemui dalam pantun ialah ayat majmuk pancangan keterangan. Ayat majmuk pancangan yang digunakan ialah ayat majmuk keterangan *musabab*, *tujuan*, *syarat*, *harapan*, dan *waktu*. Berdasarkan pantun yang terdapat dalam *Pantun Melayu*, hanya dua sampel pantun yang diambil dan dianalisis bagi setiap jenis kata keterangan. Ayat majmuk keterangan yang paling kerap digunakan ialah ayat majmuk keterangan syarat, iaitu penggunaan dengan kata hubung keterangan syarat *jika*, *jikalau*, *kalau*, dan *apabila*.

Selain itu, terdapat juga ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen. Walau bagaimanpun, hanya terdapat satu sampel pantun yang ditemui dibina berdasarkan kedua-dua jenis ayat ini. Ini menunjukkan bahawa ayat relatif dan ayat komplemen jarang digunakan dalam pembentukan pantun.

Oleh itu, berdasarkan analisis pantun yang dilakukan dalam bab 4 ini, jelas kelihatan berlaku pelbagai proses transformasi dalam pantun yang dikaji. Hal ini disebabkan oleh sifat pantun yang mementingkan nilai estetika dalam binaanya, iaitu dari aspek jumlah suku kata. Namun demikian, dalam karya-karya kreatif, kelonggaran diberikan dari segi hukum-hukum bahasa demi mempertahankan keindahan karya.

BAB 5

AYAT MAJMUK CAMPURAN DALAM PANTUN MELAYU

5.0 Pengenalan

Ayat majmuk campuran ialah jenis ayat majmuk yang terakhir yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, yakni terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk (Nik Safiah Karim *et al.*, 2010:519). Ayat majmuk campuran biasanya panjang. Perhatikan contoh ayat di bawah:

1. Ahmad sedang membaca buku tetapi kawan-kawannya yang sudah letih lesu telah lama tidur.

Ayat ini terdiri daripada ayat majmuk gabungan yang disambungkan dengan kata hubung *tetapi*. Ayat pertama ialah *Ahmad sedang membaca buku* semetara ayat yang kedua ialah *kawan-kawannya yang sudah letih lesu telah lama tidur*. Ayat yang kedua ini merupakan ayat majmuk juga kerana terdapat ayat relatif, iaitu *yang sudah letih lesu*, dipancangkan ke dalamnya (*Ibid*, 2010:519).

2. Mereka mendaftarkan kanak-kanak yang lahir dalam tahun 2002, yang telah menerima suntikan tersebut.

Dalam ayat ini terdapat dua ayat relatif yang dipancangkan ke dalam ayat induk, iaitu *yang lahir dalam tahun 2002* dan *yang telah menerima suntikan tersebut*. Subjek ayat majmuk ini ialah *mereka*, kata kerjanya *meldaftarkan* dan objek tepat *kanak-kanak*. Kedua-dua ayat relatif ini merupakan penerang kepada objek tepat (*Ibid*, 2010:519).

Berdasarkan dua contoh di atas, jelas kelihatan bahawa ayat majmuk Melayu sebenarnya boleh terdiri daripada berbagai-bagai bentuk. Di samping ayat tunggal, ayat dalam bahasa Melayu dibentuk melalui proses pemajmukan. Sesuatu ayat itu boleh

terdiri daripada satu ayat tunggal, atau deretan ayat yang dibina melalui proses gabungan, relatif, komplemen, atau keterangan (Ibid, 2010:520).

5.1 Bentuk Susunan Ayat Majmuk Campuran

Dalam Bahasa Melayu, binaan ayat majmuk campuran ini adalah berbeza-beza. Menurut Ab. Razak Ab. Karim, kewujudan ayat majmuk campuran dalam pantun ketara apabila baris pertama dan kedua atau baris ketiga dan keempat bergabung. Namun demikian, kedua-dua ayat tersebut mestilah setara atau mempunyai subjek yang sama (2011:14).

Secara umumnya, ayat majmuk campuran terdiri daripada dua jenis, iaitu campuran dua jenis ayat majmuk dan campuran lebih daripada dua jenis ayat majmuk (Nik Safiah Karim, 2014).

5.1.1 Ayat majmuk campuran dua jenis ayat majmuk

Ayat majmuk campuran jenis ini terbahagi kepada:

- i. Campuran ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan
- ii. Campuran ayat majmuk pancangan dengan ayat majmuk pancangan

5.1.1.1 Percantuman Ayat Majmuk Gabungan Dengan Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk campuran jenis ini terdiri daripada:

- a) Ayat majmuk gabungan dengan ayat relatif
- b) Ayat majmuk gabungan dengan ayat keterangan
- c) Ayat majmuk gabungan dengan ayat komplemen

Berdasarkan data pantun, hanya terdapat satu kategori ayat majmuk gabungan dengan ayat pancangan yang ditemui, iaitu ayat majmuk gabungan dengan ayat

keterangan. Kategori ayat majmuk gabungan dengan ayat relatif dan ayat majmuk gabungan dengan ayat komplemen tidak terdapat dalam data kajian.

5.1.1.1.1 Ayat Majmuk Gabungan Dengan Ayat Keterangan

Ayat majmuk campuran jenis ini terdiri daripada cantuman ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk keterangan. Contoh:

1. Ibu bapa bertanggjawab menjaga serta mendidik anak-anak supaya mereka menjadi manusia berguna pada masa hadapan.

Dalam ayat majmuk campuran di atas, terdapat cantuman ayat majmuk berikut:

- a) Ayat majmuk gabungan

Ibu bapa bertanggungjawab menjaga *serta* mendidik anak-anak.

- b) Ayat majmuk keterangan

Ibu bapa bertanggungjawab menjaga anak-anak *supaya* mereka menjadi manusia berguna pada masa hadapan.

Antara contoh penggunaan ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk keterangan adalah seperti yang berikut:

405. **Burung pucung terbang ke bukit**

Singah bersarang di pohon bulang

Hidung dicium pipi digigit

Membuat bekal abang nak pulang

Dalam pantun 405, terdapat penggunaan ayat majmuk campuran pada pembayang pantun, iaitu dalam baris pertama dan kedua pantun. Dalam pembayang maksud ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Burung pucung terbang ke bukit lalu singgah untuk bersarang di pohon bulang.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Burung pucung terbang ke bukit.

FN

FK

b) Burung pucung singgah di pohon bulang.

FN

FK

c) Burung pucung bersarang di pohon bulang.

FN

FK


Berdasarkan pantun di atas, baris pertama dan kedua pantun ini terdapat penggunaan ayat majmuk campuran, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk keterangan. Dalam struktur permukaan subjek kata nama, iaitu *burung pucung* dalam A₂ dan A₃ mengalami pengguguran. Proses ini berlaku kerana subjek frasa nama kedua-dua ayat ini telah dinyatakan dalam A₁.

Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami pengguguran adalah seperti yang berikut:

S-P: Burung pucung terbang ke bukit singgah bersarang di pohon bulang.

Rajah Pohon S-D


a)



Pola binaan A_1 , A_2 , dan A_3 (ayat keterangan) ialah subjek dan predikat yang terdiri daripada binaan frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama ketiga-tiga ayat ini ialah *burung pucung* manakala konstituen predikatnya terdiri daripada tiga frasa kerja, iaitu *terbang ke bukit*, *singgah di pohon bulang*, dan *bersarang di pohon bulang*. Subjek ayat dalam A_2 dan A_3 telah digugurkan dalam struktur permukaan. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur dalaman berlaku proses pengguguran kata hubung gabungan *lalu* dan kata hubung keterangan *untuk*. Pengguguran kata hubung *lalu* dalam ayat gabungan ini terjadi apabila gabungan dua frasa kerja *terbang ke bukit* dan *singgah di pohon bulang* berlaku. Penggunaan kata hubung keterangan *untuk* juga digugurkan apabila frasa kerja A_2 , iaitu *singgah di pohon bulang* dan frasa kerja dalam A_3 , iaitu *bersarang di pohon bulang* digabungkan menjadi ayat majmuk keterangan tujuan.

Selain itu, unsur keterangan frasa sendi nama dalam A_2 , iaitu *di pohon bulang* juga mengalami pengguguran. Sekiranya frasa tersebut disusun semula setelah berlaku

pengguguran frasa nama dan unsur keterangan, frasa ini akan terdiri daripada konstituen *Burung pucung terbang ke bukit lalu singgah untuk bersarang di pohon bulang.*

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat ini merupakan ayat majmuk campuran yang terdiri daripada ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk keterangan. Kehadiran ayat-ayat ini dalam struktur dalaman dikenal pasti melalui penggunaan kata hubung gabungan *lalu* dan kata hubung keterangan *untuk*. Namun, kedua-dua kata hubung ini mengalami pengguguran pada struktur permukaan. Dalam ayat ini juga, berlaku proses transformasi pengguguran subjek kata nama, *iaitu burung pucung*.

Dalam pantun kedua pula kehadiran ayat majmuk campuran yang terdiri daripada ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk keterangan dapat dilihat pada contoh ayat dalam pantun di bawah:

714. Naik bukit membeli mangkuk

Mangkuk berisi buah berangan

Tahan racik, burung tak masuk

Burung biasa makan di tangan

Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Saya menahan racik tetapi burung tidak masuk ke dalam racik kerana burung itu biasa makan di tangan.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Saya menahan racik.

FN FK

b) Burung tidak masuk ke dalam racik.

FN FK

c) Burung biasa makan di tangan.

FN FK


Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Tahan racik, burung tak masuk burung biasa makan di tangan.

Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D


a)



Pola A₁, A₂, dan A₃ (ayat keterangan) terdiri daripada binaan subjek frasa nama dan predikat frasa kerja. Subjek A₁ merupakan kata ganti nama, iaitu *saya* dan subjek bagi A₂ dan A₃ merupakan kata nama, iaitu *burung*. Dalam struktur permukaan, subjek A₁, iaitu *saya* digugurkan. Ketiga-tiga predikat ayat ini terdiri daripada frasa kerja, iaitu *menahan racik*, *tidak masuk ke dalam racik* dan *biasa makan di tangan*. Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Dalam struktur permukaan, kata hubung gabungan *tetapi* dan kata keterangan *kerana* yang menggabungkan ketiga-tiga ayat ini digugurkan. Selain itu, penanda kata kerja aktif *meN-* dalam kata kerja *menahan* juga telah mengalami pengguguran.

Predikat A₂ terdiri daripada binaan frasa kerja, iaitu *tidak masuk ke dalam racik*.

Dalam struktur permukaan, kata nafi *tidak* yang digunakan dalam frasa ini mengalami singkatan menjadi *tak*. Selain itu, unsur keterangan yang terdiri daripada frasa sendi nama, iaitu *ke dalam racik* juga digugurkan pada struktur permukaan. Binaan frasa predikat dalam A₃ terdiri daripada kata kerja transitif yang diikuti oleh unsur keterangan frasa sendi nama, iaitu *biasa makan di tangan*. Frasa *biasa* dalam ayat ini membawa maksud *selalu* atau *seringkali*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat ini merupakan ayat majmuk campuran yang terdiri daripada gabungan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk keterangan musabab. Dalam ayat ini berlaku proses transformasi pengguguran kata gabungan *tetapi* dan kata keterangan *musabab*.

5.1.1.2 Percantuman Ayat Majmuk Pancangan Dengan Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk campuran jenis ini terdiri daripada:

- a) Campuran ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk relatif
- b) Campuran ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk komplemen
- c) Campuran ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk komplemen

Berdasarkan data yang dianalisis, hanya terdapat satu jenis ayat majmuk campuran yang terdapat dalam data, iaitu campuran ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk relatif. Kategori campuran ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk komplemen dan campuran ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk komplemen tidak terdapat dalam data.

5.1.1.2.1 Campuran Ayat majmuk Keterangan Dengan Ayat Majmuk Relatif

Ayat majmuk campuran jenis ini terdiri daripada cantuman ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk relatif. Contoh:

1. Sungai ini akan jernih *sekiranya* tidak dicemari oleh sampah sarap *yang* dibuang ke dalamnya.

Dalam ayat majmuk campuran di atas, terdapat cantuman ayat majmuk berikut:

- a) Ayat majmuk keterangan

Sungai ini akan jernih sekiranya tidak dicemari oleh sampah sarap.

- b) Ayat majmuk relatif

Sungai ini dicemari oleh sampah sarap *yang* dibuangnya ke dalamnya.

Antara contoh penggunaan ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk keterangan dalam pantun adalah seperti yang berikut:

836. **Laksamana berbaju besi**

Masuk ke hutan memotong rotan

Tuan laksana lembu kembiri

Galak sahaja tiada melawan

Dalam pembayang pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Laksamana yang berbaju besi masuk ke hutan untuk memotong rotan.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

a) Laksamana berbaju besi.

FN FK

b) Laksamana masuk ke hutan.

FN FK

c) Laksamana memotong rotan.

FN FK


Ayat pertama dan kedua dalam pembayang pantun, iaitu *Laksamana berbaju besi masuk ke hutan memotong rotan* merupakan ayat majmuk campuran yang terdiri daripada ayat majmuk relatif dan ayat keterangan. Binaan ayat ini tediri daripada subjek frasa nama manakala predikatnya ialah frasa kerja. Dalam struktur permukaan, subjek ganti nama dalam, iaitu *laksamana* dalam A₂ dan A₃ mengalami pengguguran. Struktur dalaman ayat ini setelah mengalami peleburan adalah seperti yang berikut:

S-P: Laksamana berbaju besi masuk ke hutan memotong rotan.

Berdasarkan pantun di atas, dalam baris pertama dan kedua pantun ini terdapat penggunaan ayat majmuk campuran, yang kata hubungnya mengalami pengguguran. Pengguguran kata hubung relatif *yang* dan kata keterangan tujuan *untuk* digugurkan apabila gabungan tiga frasa kerja, iaitu *berbaju besi*, *masuk ke hutan*, dan *memotong*

rotan berlaku. Sekiranya frasa tersebut disusun semula dengan kehadiran subjek kata nama dan kata hubung, ayat ini akan terdiri daripada konstituen *Laksamana yang berbaju besi masuk ke hutan untuk memotong rotan*. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D




Pola A_1 , A_2 , dan A_3 terdiri daripada binaan subjek, iaitu frasa nama dan frasa kerja. Konstituen frasa nama dalam ketiga-tiga ayat ini ialah *Laksamana* manakala konstituen predikat bagi A_1 ialah *berbaju besi*, A_2 ialah *masuk ke hutan* dan A_3 ialah *memotong rotan*.

Dalam pantun ini, berlaku proses pengguguran kata hubung relatif *yang* dan kata hubung tujuan *untuk*. Kehadiran kata hubung relatif *yang* membolehkan keterangan dalam ayat kecil dipancangkan ke dalam ayat induk dan kehadiran kata keterangan tujuan menerangkan maksud sesuatu perbuatan atau kejadian kepada predikat ayat induk. Keterangan tersebut menerangkan perbuatan laksamana yang masuk ke hutan untuk memotong rotan.

Ayat S-D ini mengalami proses transformasi seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah Pohon S-P

b)



Ayat *Laksamana berbaju besi* dipancangkan ke dalam ayat induk *Laksamana masuk ke hutan*. Oleh sebab frasa *laksamana* diulang, maka frasa nama kedua yang serupa digugurkan dan diganti dengan kata relatif *yang*. Begitu juga dengan ayat *Laksamana memotong rotan* dipancangkan ke dalam ayat induk *Laksamana masuk ke hutan*. Frasa nama dalam ayat ini digugurkan kerana frasa *laksamana* telah dinyatakan dalam A₁.

Dalam ayat *Laksamana berbaju besi* merupakan ayat aktif tak transitif yang mengandungi kata kerja tak transitif, iaitu *berbaju* yang diikuti oleh penerang. Dalam ayat ini, kata *besi* merupakan kata nama penerang yang mengikuti kata kerja. Kata penerang ini boleh digugurkan tanpa menjaskan makna kata kerja tersebut,

Dalam A₁ berlaku proses peluasan frasa nama sebagai subjek. Frasa nama dalam ayat ini diluaskan melalui proses relativasi, iaitu proses pemancangan ayat ke dalam satu ayat yang lain sebagai frasa relatif kepada subjek ayat yang menerima pancangan. Dalam hal ini, ayat kecil *Laksamana berbaju besi* dipancangkan ke dalam ayat induk *Laksamana masuk ke hutan*. Oleh sebab, kedua-dua subjek frasa nama ini serupa, maka berlaku proses relativasi. Frasa relatif dalam ayat ini terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam pantun ini, berlaku proses pengguguran kata relatif dan kata keterangan tujuan. Selain itu juga, dalam pantun ini berlaku proses peluasan frasa nama sebagai subjek yang menyebabkan berlaku pengguguran subjek kata nama.

Terdapat juga penggunaan ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk keterangan dalam contoh ayat pantun di bawah. Penggunaan ayat majmuk campuran ini boleh dilihat pada bahagian pembayang maksud pantun di bawah.

1038. Sarat perahu muat pinang

Singgah berlabuh di Kuala Daik

Budi jahat lagi dikenang

Inikan pula budi yang baik.

Dalam maksud pantun ini, struktur dalaman binaan ayatnya adalah seperti yang berikut:

S-D: Perahu yang sarat dengan muatan pinang singgah di Kuala Daik untuk berlabuh.

Ayat ini terdiri daripada tiga ayat tunggal yang binaannya adalah seperti yang berikut:

- a) Perahu sarat muatan pinang.

FN FA

- b) Perahu singgah di Kuala Daik.

FN FK

c) Perahu berlabuh di Kuala Daik.

FN

FK


Berdasarkan contoh pantun di atas, ayat pada pembayang pantun ialah ayat majmuk campuran yang terdiri daripada dua ayat, iaitu ayat majmuk relatif dan ayat majmuk keterangan. Ayat ini pada struktur permukaan adalah seperti yang berikut:

S-P: Sarat perahu muat pinang singgah berlabuh di Kuala Daik.

Ayat ini pada struktur permukaan telah mengalami proses pengguguran frasa nama dan pengguguran kata hubung relatif dan kata hubung keterangan. Binaan ayat dalam struktur dalaman ditunjukkan seperti rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-D

a)




Kedua-dua ayat relatif dan ayat keterangan terdiri ini daripada binaan subjek frasa nama dan predikat frasa kerja. Dalam struktur permukaan, kedua-dua kata relatif *yang* dan kata keterangan tujuan *untuk* telah digugurkan.

Setelah mengalami transformasi ayat permukaan, struktur ayat yang diterbitkan menghasilkan satu ayat baharu menjadikan ayat tersebut sebagai ayat campuran yang

berstruktur ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk keterangan. Ayat ini dalam struktur permukaan adalah seperti dalam rajah pohon di bawah:

Rajah Pohon S-

b)



Ayat relatif dalam binaan campuran tersebut ialah *Perahu yang sarat muatan pinang singgah di Kuala Daik*. Dalam ayat ini, ayat induknya ialah *Perahu sarat singgah di Kuala Daik*, sementara ayat kecil relatif yang dipancangkan ke dalamanya ialah *Perahu sarat dengan muatan pinang* yang kemudiannya menjadi *yang sarat dengan muatan pinang*. Oleh sebab frasa *perahu* diulang, maka frasa kedua yang sama digugurkan dan digantikan dengan kata relatif *yang*. Namun, dalam struktur permukaan, frasa nama dalam ayat induk mengalami penguguran. Proses pemancangan ayat ke dalam satu ayat yang lain ini telah menyebabkan berlaku proses peluasan frasa nama sebagai subjek yang beridentiti sama (*i*).

Ayat induk, iaitu *Perahu singgah berlabuh di Kuala Daik*, telah mengalami proses pengguguran unsur keterangan frasa sendi nama dalam struktur permukaan.

Unsur keterangan, iaitu *di Kuala Daik* telah digugurkan kerana unsur keterangan yang sama hadir dalam ayat keterangan. Selain itu, kata hubung keterangan cara, iaitu *dengan* juga digugurkan dalam ayat relatif *Perahu sarat dengan muatan pinang*.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ayat majmuk campuran di atas telah mengalami beberapa proses pengguguran. Proses pengguguran yang berlaku adalah seperti proses pengguguran kata hubung relatif, pengguguran kata keterangan tujuan, pengguguran unsur keterangan dan pengguguran kata keterangan cara. Selain itu, dalam pantun di atas juga berlaku proses peluasan frasa nama sebagai subjek yang menyebabkan berlaku pengguguran subjek kata nama.

5.1.2 Ayat majmuk campuran lebih daripada dua ayat majmuk

Ayat majmuk campuran jenis ini terdiri daripada yang berikut:

- i. Ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk keterangan
- ii. Ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk keterangan dengan ayat majmuk komplemen
- iii. Ayat majmuk relatif dengan ayat majmuk komplemen dengan ayat majmuk keterangan
- iv. Campuran beberapa ayat relatif
- v. Campuran beberapa ayat majmuk keterangan
- vi. Campuran beberapa ayat majmuk gabungan

Bentuk ayat majmuk campuran lebih daripada dua jenis ayat majmuk terbina dengan campuran pelbagai jenis ayat majmuk di dalamnya. Kebiasaannya, ayat majmuk seperti ini kerap mendominasi binaan ayat dalam karya-karya klasik dan jarang ditemui dalam pantun Melayu. Binaan ayat dalam karya klasik mempunyai struktur ayat yang panjang, berlapis-lapis dan terdapat pelbagai jenis kata hubung yang mengabungkan

satu ayat dengan ayat yang lain. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kesemua kategori ayat majmuk campuran lebih daripada dua ayat majmuk tidak ditemui dalam pantun. Ini mungkin disebabkan sifat pantun yang mementingkan bilangan suku kata menjadikan ayat yang digunakan dalam pantun ringkas dan padat.

5.2 Kesimpulan

Dalam bahasa Melayu ayat majmuk campuran mempunyai struktur yang agak kompleks dan kebiasaannya agak panjang dan berlapis-lapis. Binaan ayat ini terdiri daripada pelbagai jenis ayat majmuk di dalamnya yang boleh terdiri daripada satu ayat tunggal, atau deretan ayat yang dibina melalui proses gabungan, relatif, komplement, atau keterangan.

Namun, terdapat juga segelintir ayat yang pendek tetapi dikategorikan sebagai ayat majmuk campuran. Ini dapat diperhatikan dalam contoh pantun yang telah diberikan. Kehadiran ayat majmuk yang dominan dalam pantun berkemungkinan bergantung pada ciri kepadatan pantun itu sendiri.

Secara keseluruhan, bab ini memperlihatkan terdapat dengan jelas penggunaan ayat majmuk campuran dalam binaan pantun. Namun begitu, berdasarkan data, binaan ayat majmuk campuran yang dijumpai kurang berbanding dengan ayat majmuk gabungan dan pancangan. Ini menunjukkan bahawa ayat majmuk campuran jarang digunakan kerana kebiasaanya ayat yang digunakan dalam pantun ringkas dan padat.

Umumnya, dalam bahasa Melayu ayat majmuk dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu binaan ayat majmuk yang terdiri daripada campuran dua jenis ayat majmuk dan ayat majmuk campuran lebih daripada dua jenis ayat majmuk. Campuran dua jenis ayat majmuk yang ditemui dalam data kajian ialah percantuman ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan dan percantuman ayat majmuk pancangan dengan ayat majmuk pancangan. Namun demikian, kategori yang kedua, iaitu campuran lebih

daripada dua jenis ayat majmuk tidak ditemui dalam data. Jenis ayat majmuk campuran ini biasanya ditemui dalam binaan ayat karya-karya klasik yang biasanya panjang dan berlapis-lapis.

Dalam bab ini, berlaku proses transformasi seperti pengguguran, peluasan dan penyusunan semula. Oleh sebab pantun merupakan satu genre sastera tradisional yang bersifat lisan, proses pengguguran merupakan proses yang paling dominan dalam ayat majmuk campuran. Pengguguran yang kerap berlaku ialah pengguguran kata hubung seperti kata hubung gabungan, relatif atau kata keterangan. Selain itu, berlaku juga transformasi pengguguran subjek kata nama dan penanda awalan kata kerja seperti *meN-* yang boleh dianggap membawa kelebihan dalam pantun.

Dalam bab ini juga berlaku proses peluasan frasa nama sebagai subjek. Frasa nama sebagai subjek boleh diluaskan melalui proses pemancangan ayat ke dalam satu ayat lain sebagai frasa relatif kepada subjek ayat yang menerima pancangan. Frasa relatif ini terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*. Proses relativasi ini berlaku apabila kedua-dua subjek frasa nama itu sama atau beridentiti sama.

Proses penyongsangan dan penyusunan semula unsur-unsur dalam ayat juga tidak dapat dielakkan dalam pantun. Proses ini kerapkali berlaku selepas ayat dalam pantun mengalami proses pengguguran untuk menepati jumlah suku kata yang dihadkan. Selain itu, penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam binaan ayat juga memainkan peranan penting berlakunya proses transformasi ini. Dalam bab ini, berlaku proses pendepan seluruh frasa predikat, iaitu frasa kerja.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa binaan suatu ayat majmuk campuran tidak semestinya mempunyai struktur yang panjang-panjang. Suatu ayat yang pendek juga berpotensi untuk menjadi ayat majmuk campuran.

BAB 6

RUMUSAN

6.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan diulas dan dikemukakan penemuan hasil daripada penelitian terhadap pantun Melayu yang menjadi bahan kajian. Selain itu, saranan yang difikirkan sesuai dan berfaedah kepada bidang bahasa juga akan dikemukakan untuk rujukan kajian akan datang.

6.1 Kesimpulan

Secara amnya kajian ini telah mengaplikasikan teori Transformasi Generatif Standard yang dipelopori oleh Noam Chomsky kemudian diaplikasikan oleh Nik Safiah Karim *et al.* dalam *Tatabahasa Dewan* (2010). Kajian ini merangkumi binaan ayat majmuk bahasa Melayu yang terdapat dalam pantun Melayu yang diambil daripada buku *Pantun Melayu*. Dari segi binaan pantun, terbahagi kepada dua, iaitu pembayang dan maksud pantun. Kajian pantun Melayu ini dilakukan dengan mengambil kira struktur dalaman yang diaplikasikan kepada struktur permukaan, di samping mementingkan hubungan semantik ayat.

Hasil kajian mendapati bahawa ayat-ayat dalam pantun empat baris mempunyai pelbagai variasi. Kepelbagaiannya ayat bersesuaian dengan tujuan pengucapan pantun untuk menyampaikan mesej dan mengungkapkan pemikiran Melayu yang bernas dan tepat. Bahasa yang digunakan amat menitikberatkan keindahan, terutama ketelitian dalam pemilihan kata atau frasa.

Berdasarkan kajian, rangkap-rangkap pantun yang telah dipilih, kajian mendapati bahawa ayat-ayat dalam pantun boleh dibahagikan kepada aspek ragam, bentuk dan jenis-jenis ayat. Ayat-ayat di dalam pantun empat kerat mempunyai ragam ayat aktif dan pasif. Ayat aktif dikesan daripada penggunaan kata kerja yang

menggunakan imbuhan aktif *beR-* dan *meN-*. Ayat pasif pula dikesan daripada penggunaan kata kerja berimbuhan pasif *ter-* atau *di-*. Ragam ayat yang digunakan di dalam pantun bergantung kepada unsur yang hendak diberikan penekanan dalam penyampaian sesuatu mesej.

Kajian mendapati bentuk ayat di dalam pantun terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk yang bersusunan biasa atau ayat yang telah mengalami transformasi. Pada umumnya, ayat-ayat di dalam pantun ini banyak mengalami proses pengguguran dan penyusunan semula. Hasil kajian turut mengesan penggunaan beberapa jenis ayat di dalam pantun seperti ayat penyata, ayat tanya, dan ayat perintah. Penggunaan jenis-jenis ayat tertentu di dalam pantun selaras dengan tujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud atau mesej. Namun demikian, kajian ini hanya berfokus kepada binaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam pantun.

Kajian juga menunjukkan bahawa ayat majmuk lebih dominan digunakan dalam pantun-pantun Melayu berbanding ayat tunggal. Ayat majmuk ialah percantuman beberapa ayat tunggal dengan susunannya mengikut cara-cara tertentu. Hasil kajian mendapati bahawa dalam pantun terdapat banyak penggunaan ayat majmuk sama ada ayat majmuk gabungan, pancangan atau campuran. Namun demikian, kerana pantun yang bersifat terkawal menyebabkan ayat-ayat majmuk banyak sekali mengalami transformasi seperti pengguguran, penyusunan semula, dan peluasan.

Ayat majmuk yang paling dominan ditemui dalam pantun ialah ayat majmuk gabungan. Berdasarkan kajian, sebanyak 13 contoh ayat majmuk gabungan telah dianalisis untuk mewakili ketiga-tiga jenis ayat majmuk gabungan. Jenis yang pertama ialah ayat majmuk gabungan susunan fakta berurutan terbentuk dengan penggunaan kata hubung *dan*, *sambil*, dan *lalu*. Pengabungan ayat ini memberikan maksud yang berurutan. Kedua, ayat majmuk susunan fakta bertentangan yang terbentuk dengan

penggunaan kata hubung seperti *tetapi*, dan *manakala*. Kewujudan kata hubung tersebut dalam ayat membawa maksud pertentangan fakta dalam ayat-ayat yang digabungkan itu. Ketiga, ialah gabungan beberapa ayat majmuk yang terbina daripada deretan beberapa ayat tunggal yang tidak terhad binaanya dan bersifat setara.

Selain itu, terdapat juga penggunaan ayat majmuk pancangan dalam pantun. Ayat majmuk pancangan dalam bahasa Melayu terdiri daripada ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen dan ayat majmuk pancangan keterangan. Berdasarkan kajian ini, dapat dikenal pasti 11 contoh pantun yang mewakili ketiga-tiga jenis ayat majmuk pancangan ini. Ayat majmuk keterangan merupakan ayat yang paling dominan digunakan. Penggunaan ayat majmuk pancangan relatif dan ayat majmuk pancangan komplemen sangat terhad dalam binaan pantun kerana hanya terdapat satu contoh pantun mewakili kedua-dua jenis ayat pancangan ini. Malahan, penggunaan kata hubung relatif *yang* dan kata hubung komplemen *bahawa* dalam pantun seringkali mengalami pengguguran.

Ayat majmuk pancangan keterangan yang ditemui dalam pantun ialah ayat- ayat majmuk keterangan *musabab*, *tujuan*, *syarat*, *harapan*, dan *waktu*. Binaan ayat majmuk pancangan ini terdiri daripada satu ayat induk dengan satu ayat keterangan. Kehadiran unsur keterangan dalam ayat majmuk keterangan biasanya hadir di hadapan atau di belakang ayat. Analisis yang dilakukan menunjukkan kewujudan ayat majmuk keterangan syarat lebih dominan berbanding ayat-ayat majmuk keterangan yang lain.

Selain daripada kedua-dua ayat majmuk di atas, terdapat juga penggunaan ayat majmuk campuran dalam pantun. Melalui dapatan data, hanya ditemui 4 contoh pantun yang mewakili dua kategori ayat majmuk, iaitu percantuman ayat majmuk gabungan dengan ayat pancangan dan percantuman ayat majmuk pancangan dengan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk campuran kurang digunakan dalam pantun kerana sifat pantun

yang mengehadkan bilangan suku kata dan ayat majmuk campuran lebih bersifat menghuraikan dan memerlukan ayat-ayat yang panjang lebar dalam binaanya.

Penggunaan ayat majmuk dalam pantun menyebabkan ayat-ayat dalam struktur permukaan mengalami banyak proses transformasi. Transformasi merupakan proses penerbitan ayat yang mengubah aturan atau struktur ayat. Berdasarkan analisis berlakunya proses transformasi pengguguran, penyusunan semula dan proses peluasan. Proses transformasi dalam pantun memperlihatkan wujudnya rentenan idea atau wacana dalam pengucapan pantun. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah mampu mengungkapkan idea tanpa mengetepikan keindahan bahasa. Proses transformasi ini menyerlahkan lagi keindahan bahasa dalam pengucapan sastera lisan ini.

Proses transformasi yang paling dominan berlaku ialah proses pengguguran. Proses pengguguran merupakan pengguguran unsur-unsur tertentu dalam ayat. Penelitian pada pantun Melayu mendapati bahawa terdapat pengguguran frasa nama subjek dan objek selain daripada pengguguran kata hubung, pengguguran frasa keterangan dan pengguguran imbuhan. Pengguguran subjek dan objek sering ditemui dalam pantun yang akhirnya menghasilkan gabungan dua frasa predikat dalam sesebuah ayat majmuk. Kebiasaanya, unsur frasa predikat yang tidak mengalami pengguguran merupakan konstituen frasa kerja. Proses transformasi ini berlaku kerana pemantun dan pendengar sedia maklum akan maksud pantun. Ini memperlihatkan kecekapan penutur menyampaikan mesej tanpa mencacatkan struktur sintaksis dalam pantun.

Pengguguran kata hubung sebagai penanda ayat majmuk amat ketara dalam binaan pantun. Ini menyebabkan jenis ayat sukar dipastikan terutama dalam ayat majmuk pancangan dan campuran. Transformasi pengguguran ini berlaku kerana pantun merupakan sastera lisan yang harus menepati bilangan suku kata yang terhad. Dalam pantun ini dapat juga dikesan penggabungan antara ayat yang tidak menggunakan

sebarang penanda kata hubung. Ayat-ayat tersebut hanya digabungkan dengan menggunakan tanda koma. Malahan ada kalanya tidak menggunakan apa-apa tanda baca. Dalam konteks ayat seperti ini, nada suara digunakan sebagai penanda.

Penyongsangan dan penyusunan semula unsur-unsur dalam ayat juga dapat dielakkan dalam pantun. Ini kerana sifar kelisanan penutur pantun dalam melahirkan buah fikiran. Proses transformasi yang terlibat ialah penyusunan semula frasa nama sebagai subjek, penyusunan semula melalui ayat songsang, dan penyusunan semula frasa nama sebagai subjek. Dalam proses penyusunan semula melalui ayat songsang, berlaku proses pendepanan yang bertujuan untuk memberi penekanan kepada sesuatu unsur dalam ayat. Proses pendepanan boleh berlaku pada mana-mana unsur dalam frasa predikat atau pendepanan seluruh frasa predikat. Walaupun ayat-ayat tunggal ini mengalami proses transformasi dalam struktur permukaan, tetapi ayat-ayat ini masih selaras dengan pola ayat dasar bahasa Melayu.

Dalam pantun ini juga berlaku proses peluasan, iaitu menambahkan unsur-unsur dalam ayat yang baharu. Proses peluasan yang digunakan dalam pantun ialah peluasan frasa nama sebagai subjek, peluasan frasa predikat, peluasan dengan kata hubung, dan peluasan melalui proses komplementasi. Proses peluasan yang kerap berlaku ialah peluasan kata hubung yang berlaku melalui penggabungan ayat yang melibatkan dua konstituen yang sama dengan menggunakan kata hubung. Peluasan frasa nama sebagai subjek pula berlaku dalam ayat majmuk relatif yang mengalami relativasi. Dalam peluasan yang melibatkan predikat, frasa nama dalam ayat yang dipancangkan hendaklah berfungsi sebagai subjek kepada ayat pancangan tersebut. Dalam kajian ini, hanya terdapat satu sahaja pantun yang berlaku proses peluasan melalui komplementasi yang ditandai dengan kata komplemen *bahawa*.

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu membincangkan struktur binaan ayat majmuk dan menganalisis proses transformasi yang berlaku dalam binaan ayat majmuk. Kajian ini telah memberikan huraian dan contoh tentang binaan ayat-ayat yang wujud dalam pantun yang jelas membuktikan kehadiran ayat majmuk dalam pantun.

6.2 SARANAN

Ayat majmuk merupakan salah satu bidang sintaksis yang amat luas ruang lingkupnya. Lantaran itu, kajian terhadap ayat majmuk telah banyak dilakukan sama ada dalam bentuk buku, rencana atau tesis. Walau bagaimanapun penelitian yang dilakukan terhadap ayat majmuk tidak begitu mendalam khususnya ayat majmuk campuran. Keadaan ini disebabkan sebilangan ahli bahasa yang hanya membuat kajian secara umum dan hanya menumpukan terhadap bidang-bidang tertentu sahaja. Jika adapun, hanya segelintir ahli bahasa sahaja yang membuat penelitian secara terperinci dalam bidang ini. Keadaan ini menyebabkan pengkaji-pengkaji bahasa yang ingin mendalami bidang ini sukar untuk mendapatkan bahan rujukan dan mempelajarinya.

Sebagai cadangan, pengkaji berharap lebih ramai lagi pengkaji yang akan mengkaji bidang ayat majmuk secara mendalam. Kajian tentang ayat majmuk gabungan, pancangan dan campuran masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dengan penghasilan kajian ini, diharap akan dapat memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain sama ada dijadikan bahan rujukan atau sebagainya. Walaupun hasil kajian ini tidaklah begitu lengkap dan sempurna, namun sekurang-kurangnya dapat membantu pengkaji-pengkaji lain yang berminat mendalami aspek ini pada masa akan datang.

Kajian dari sudut sintaksis terhadap pantun Melayu amat menarik. Kajian ini akan lebih menarik jika dapat memberi perhatian yang lebih mendalam dengan

meluaskan skop kajiannya dengan menekankan aspek semantik. Teori Transformasi Generatif yang lain seperti *Teori Standard Tambahan* dan program *Minimalis* boleh digunakan untuk memperlihatkan corak pola penerbitan ayat dalam bahasa Melayu.

Akhir sekali, pantun merupakan satu karya sastera lisan yang sangat bermanfaat untuk pengajaran sintaksis bahasa Melayu. Diharapkan kajian ini dapat membantu para pendidik untuk menjadikan pantun sebagai medium pengajaran dalam pembelajaran sintaksis. Pantun sebenarnya mempunyai binaan ayat yang kompleks walaupun susunan ayat ringkas dan pendek pada struktur permukaan. Binaan ayat yang kompleks ini akan menjadikan pengajaran sintaksis akan lebih menarik dan berkesan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab. Karim. 1996. "Pantun Melayu Lama: Analisis Penggunaan Kata dan Ayat" dlm. Jurnal Dewan Bahasa, Vol 40 bil 4. hlm. 306-320, April 1996.
- Ab. Razak Ab. Karim. 2011. "Pantun Melayu Lama: Sumber Terbaik Pengajaran Sintaksis" dlm Kembali Kepada Akar Menjana Paradigma Baharu. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd
- Abdullah Hassan. 1980. *Lingusitik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Khair Mohd Nor. 2003. *Pengantar Sintaksis bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Amat Juhari Moain. 2008. *Pemilihan Kata dalam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. 1981a. *Pengantar Teori Sintaksis: Satu Pengenalan Konsep Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arbak Othman. 1981b. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arbak Othman. 1989a. *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Arbak Othman. 1989b. *Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arockiamary A/p Savarimuthu. 1992. *Ayat Majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2009. *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Massachusetts: MIT Press.
- Daille, F.R. 2002. *Alam Pantun Melayu- Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap. 1989. *Struktur Sintaksis Ayat Selapis dalam Bahasa Malaysia: Satu Analisis Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmann, R. R. K. & Stork, F. C. 1972. *Dictionary of Language and Lingusitics*. London: Applied Science Publishers.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. 1989. *Sintaksis Bahasa Melayu Suatu Huraian Berdasarkan Rumus Struktur Frasa*. Kuala Lumpur: Express Printers Sdn. Bhd.

- Jacobs, R.A. & Rosenbaum, P.S. 1968. *English Transformational Grammar*. Massachusetts: Blaisdell Publishing Co.
- Jacobson, R., & M. Fant & M. Halle. 1963. *Preliminaries to Speech Analysis*. Cambridge: M.I.T. Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, J.J & P. Postal. 1964. *An Integrated Theory of Linguistics Descriptions*. Cambridge: M.I.T. Press.
- Lester, M. 1976. *Introductory Transformational Grammar of English*. New York: Holt McDougal.
- Mohd. Taib Osman. 1986. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1996. ‘Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat’ Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia Syntax: Some Aspects of Its Standardization*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1979. “Ayat Majmuk dalam Bahasa Melayu” dlm. Dewan Bahasa, 23, 1:9-17.
- Nik Safiah Karim (ed.) 1980. *Bahasa Melayu: Teori dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Nik Safiah Karim. 1988. *Linguistik Transformasi Generatif: Suatu Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim dan Siti Aishah Mat Ali. 1993. Unsur Padi dalam Pantun. Dlm Nik Safiah Karim. *Segemal Padi Sekunca Budi*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim. 1996. ‘Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat’ Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim. 1998. “Keindahan Pantun dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu” dalam Jurnal Dewan Bahasa. April, 1998.
- Nik Safiah Karim. 2006. ‘Keindahan Bahasa Melayu dalam Pantun’ Dlm. Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias. *Pandangan Semesta Melayu Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.* 2010. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.* akan terbit. *Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan. 1996. ‘Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat’ Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

- Omarudin Haji Asha'ri, 1961. *Kajian Pantun Melayu*. Singapore: Malay Publishing House Ltd.
- Robins, R.H. 1980. *General Linguistics- An Introductory Survey*. London: Longman.
- Sanat Md. Nasir. 1987. *Ayat Komplemen Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. 1997. *Analisis Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sim, K. 1987. *More than a Pantun, Understanding Malay Verse*. Singapura: Times Books International.
- Wan Ab. Kadir Wan Yusof (ed). 1996. *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff dan Ku Zam Zam Ku Idris. 1996. ‘Seni Budaya dalam Kreativiti Pantun’ Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Wilkinson, R.J & Winstedt, R.O. 1961. *Pantun Melayu*. Singapore: Malay Publishing House Ltd.
- Winstedt, R.O. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.